Penolong Pegawai Tadbir N29	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir Tinggi N22	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N19	2	2	0	100%
Pembantu Operasi N11	1	1	0	100%
JUMLAH	**6**	**6**	**0**	**100%**

Jadual 2.4.1: Maklumat Perjawatan Unit Pembangunan 2019

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42) dan Belanja Mengurus (B42) yang telah dilaksanakan BAGI TAHUN 2019 dengan melibatkan peruntukan perbelanjaan seperti berikut:

4.1.1 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42)

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi Anggota KKM (00105)	198,852.00	198,852.00 100%	-
2	Naiktaraf Unit Perkhidmatan Darah Dan Transfusi Perubatan, Hospital Melaka (00300)	753,300.00	753,300.00 100%	-
3	Menaiktaraf Kemudahan Hemodialisis Di Hospital (00300)	220,000.00	212,520.00 (96.60%)	7,480.00 (3.40%)
4	Ubahsuai, Naiktaraf Dan Pembaikan Fasiliti Kesihatan (00600)	467,016.00	464,494.20 (99.46%)	2,521.80 (0.54%)
5	Naiktaraf Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan (01100)	1,128,920.00	1,031,430.24 (91.36%)	97,489.76 (8.64%)
JUMLAH		**2,768,088.00**	**2,660,596.44 (96.12%)**	**107,491.56 (3.88%)**

Jadual 2.4.2: Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42)

4.1.2 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Belanja Mengurus (B42) OS28000 serta *Sinking Fund*

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	Pengelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	67,388.00	67,388.00 100%	-
2	*Sinking Fund*	1,590,000.00	1,477,813.30 92.94%	112,186.70 7.06%
JUMLAH		**1,657,388.00**	**1,545,201.30 (93.23%)**	**112,186.70 (6.77%)**

Jadual 2.4.3: Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Belanja Mengurus (B42) OS28000 serta *Sinking Fund*

4.1.3 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan PFI (S42) Bagi Projek Menaiktaraf Hospital Termasuk Sistem Pendawaian Di Fasiliti Hospital Seluruh Negara – Melaka.

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	Kerja-Kerja Pembaikan Kecil Elektrik Hospital Melaka	2,610.00	2,610.00 100%	-
JUMLAH		**2,610.00**	**2,610.00** **100%**	-

Jadual 2.4.4: Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan PFI (S42) Bagi Projek Menaiktaraf Hospital Termasuk Sistem Pendawaian Di Fasiliti Hospital Seluruh Negara – Melaka

4.2 Projek di bawah RMK-10/RMK-11/ Peruntukan Khas

BIL	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KATEGORI PERUNTUKAN
1	Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka	CKK, JKR	Unit Kesihatan Awam Swasta (UKAS)
2	Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Jabatan Pergigian Pediatrik Hospital Melaka	CKK, JKR	RP-3, RMK-10
3	Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik, Hospital Melaka	CKK, JKR	RP-1, RMK-11

Jadual 2.4.5: Projek di bawah RMK-10/RMK-11/ Peruntukan Khas

4.3 Pengurusan Premis sepanjang tahun 2019

Bil. Sedia Ada Masih Dalam Kontrak	Bil. Telah Tamat Kontrak	Bil. Kontrak Baru	Jumlah Terkini Masih Dalam Kontrak
12	5	7	14

Jadual 2.4.6: Pengurusan Premis Sepanjang Tahun 2019

4.4 Pengurusan dan pemantauan tanah hospital berikut:

4.4.1 Tanah Perkuburan Jelutong;
4.4.2 Tanah Peringgit;
4.4.3 Tanah Pokok Kelapa;
4.4.4 Tanah Kawasan Hospital;
4.4.5 Tanah Kuarters Al-Zahrawi;
4.4.6 Tanah Kuarters Taman Pokok Mangga; dan
4.4.7 Tanah Kuarters Cheng.

5.0 AKTIVITI

5.1 Bekerjasama dengan jabatan/unit bagi kerja-kerja naiktaraf Hospital Melaka melibatkan Peruntukan Pembangunan (P42) bagi Butiran Projek 00600 (Naiktaraf/ubahsuai/pembaikan), Peruntukan Belanja Mengurus (B42) di bawah Sistem Kejuruteraan (Sinking Fund) dan Penyelengaraan dan pembaikan di bawah objek OS28000 serta Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) selain lain-lain peruntukan khas berkaitan pembangunan.

5.2 Bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia, Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur bagi Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Jabatan Pergigian Pediatrik, Hospital Melaka, Projek Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka dan Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik, Hospital Melaka.

5.3 Bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah (JKRMT) bagi Projek Kerja-Kerja Mengecat Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Blok Warisan Hospital Melaka.

5.4 Bekerjasama dengan Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM serta Bahagian Kejuruteraan, KKM bagi projek-projek berkaitan di Hospital Melaka.

5.5 Bekerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara bagi Projek Anjung Kasih Hospital Melaka.

5.6 Terlibat dalam penyediaan kertas kerja Jabatan/Unit bagi kerja-kerja naik taraf Hospital Melaka.

5.7 Menyelaras permohonan jabatan/unit untuk kelulusan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bagi kerja-kerja naiktaraf di bawah Butiran Projek 00600, 00900 dan RMK.

5.8 Menyelaras prestasi perbelanjaan semua peruntukan Pembangunan P42 seperti BP00105 (Latihan Dalam Perkhidmatan), BP00600 (Naiktaraf, Ubahsuai Dan Pembaikan), BP0030BP00900 (Penyelenggaraan Kuarters KKM) dan BP01100 (Peralatan Perubatan Dan Kenderaan).

5.9 Mengurus penyewaan, permohonan baru, penamatan kontrak dan pemantauan berkaitan premis di Hospital Melaka.

5.10 Pengurusan dan pemantauan PPM tanah-tanah Hospital Melaka

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Prestasi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan bagi tahun 2019 berjaya disiapkan 100% dalam tahun semasa.

6.2 Prestasi pengurusan premis sepanjang tahun 2019 memuaskan.

6.3 Prestasi Pengurusan dan pemantauan PPM tanah-tanah Hospital Melaka mengikut jadual dan memuaskan.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Terdapat beberapa projek pembangunan yang telah diluluskan dan kini sedang dalam proses pra pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek tersebut adalah di bawah agensi luar seperti Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (CKK,JKR) serta Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPK, KKM). Pemantauan projek di lokasi masih dilakukan oleh Unit Pembangunan yang mempunyai tenaga kerja yang terhad serta tiada kakitangan daripada kumpulan teknikal contohnya jawatan Penolong Jurutera. Ketiadaan kakitangan yang mempunyai latar belakang teknikal di Unit Pembangunan kadangkala telah menyebabkan sedikit kelewatan dalam penyediaan spesifikasi serta pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

7.2 Bagi penyewaan premis, kadangkala berlaku kelewatan menjelaskan bayaran sewaan atau utiliti seperti yang ditetapkan. Selain itu, terdapat beberapa aduan awam yang berkaitan dengan perkhidmatan premis-premis sewaan. Namun begitu, ianya berjaya diatasi setelah disusuli dengan surat peringatan dan teguran serta perbincangan dari semasa ke semasa.

7.3 Tanah Perkuburan Jelutong beberapa kali telah dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menjadikannya tempat pembuangan sampah domestik serta industri. Permohonan kelulusan peruntukan untuk pemagaran tanah tersebut masih belum mendapat pertimbangan. Usaha telah dilakukan dengan memasang tambahan papan tanda amaran serta pemantauan berkala bagi memastikan ianya terkawal.

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

Unit Pengurusan Maklumat (UPM) merupakan salah satu unit yang terletak di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Melaka yang bertanggungjawab mengurus, menyelaras dan menyediakan perkhidmatan ICT kepada hospital agar pelaksanaan ICT berjalan dengan lancar selaras dengan Pelan Strategik Bersepadu (ISP) Kementerian Kesihatan Malaysia. UPM diterajui oleh Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44 dan mempunyai sebelas (11) orang anggota. Unit ini terbahagi kepada 3 bidang sub unit iaitu Pentadbiran ICT, Aplikasi ICT dan Operasi ICT.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Membekalkan perkhidmatan ICT yang meliputi:

2.1 Pelaksanaan Dasar, Polisi dan prosidur ICT – Melaksanakan Dasar, Polisi dan prosidur ICT yang telah ditetapkan oleh MAMPU, KKM, JKN dan hospital untuk memastikan pematuhan dan keselamatan ICT terjamin.

2.2 Pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Aplikasi ICT - Merancang, membangun, menyelaras dan menyelenggara serta memantau pelaksanaan sistem aplikasi, emel dan portal bagi menyokong operasi agar berjalan dengan lancar;

2.3 Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi ICT - Menyedia dan mengurus kemudahan komunikasi dan rangkaian seperti capaian internet, rangkaian dalaman dan wireless berpusat;

2.4 Perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan Infrastruktur ICT - Merancang, membangun dan menyelenggara infrastruktur ICT bagi memudahkan maklumat termasuk rangkaian;

2.5 Keselamatan ICT - Merancang dan menyediakan perkhidmatan dalam melindungi kerahsiaan dan kesahihan maklumat, integriti data dan meminimumkan insiden keselamatan dalam penggunaan kemudahan ICT di Hospital Melaka termasuk memastikan warga Hospital mematuhi Dasar Keselamatan ICT KKM;

2.6 Tahap Kompetensi ICT - Memberi latihan dan pendedahan khidmat teknikal bagi peningkatan kompetensi ICT warga kerja hospital ke arah budaya kerja baru menggunakan kemudahan ICT;

2.7 Khidmat Sokongan Teknikal ICT - Memberi perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengguna kemudahan ICT Hospital;

2.8 Khidmat Spesifikasi Teknikal Perolehan dan Projek ICT - Mengendali, mengurus dan menganalisa secara teknikal perolehan bekalan, perkhidmatan dan pengurusan projek ICT hospital;

2.9 Pengurusan Pengoperasian Pusat Data - Mengurus dan menyelaras operasi Pusat Data agar berjalan lancar tanpa gangguan; dan

2.10 Khidmat Nasihat ICT - Menyediakan perkhidmatan khidmat runding berkaitan penggunaan dan pembangunan kemudahan ICT Hospital.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44	2	2	0	100%
Pegawai Teknologi Maklumat F41	3	3	0	100%
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan FA32	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan FA29	1	1	0	100%
Juruteknik Komputer FT19	3	3	0	100%
Pembantu Tadbir N19	1	1	0	100%
JUMLAH	**11**	**11**	**0**	**100%**

Jadual 2.5.1: Maklumat Perjawatan Unit Pengurusan Maklumat 2019

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan Operasi ICT

4.1.1 Statistik Bilangan Peralatan ICT Tahun 2019

PERALATAN ICT	BILANGAN
Komputer Peribadi	555 unit - aset Hospital 123 unit - sewaan
Laptop	41 unit - aset Hospital 4 unit - sewaan
Printer	321 unit
Server	13 unit
Switch rangkaian	66 unit

Jadual 2.5.2: Bilangan Peralatan ICT Yang Dibawah Pemantauan Tahun 2019

4.1.2 Statistik Ringkasan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2019

BIL	KATEGORI KEROSAKAN	BILANGAN
1	Perkakasan ICT	660
2	Capaian Internet	324
3	Sistem Aplikasi ICT	1326
4	Virus	16
5	Capaian Wifi Hospital	32
6	Lain-lain	46
JUMLAH ADUAN		**2404**

Jadual 2.5.3: Bilangan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2019

4.2 Pengurusan Aplikasi ICT

4.2.1 Pembangunan/Peningkatan Sistem Baru

- Sistem myKehadiran WBF

4.2.2 Pemantauan pelaksanaan dan penyelenggaraan:

- Sistem Pengurusan Pesakit Dalam
- Sistem Pengurusan Rekod Perubatan
- Sistem Tabung Darah
- Sistem Pengurusan Laporan Perubatan
- Sistem Maklumat Makmal (LIS – eDelphyn)
- Sistem Keputusan Ujian Darah – eResult
- Sistem Pengurusan Surat
- Sistem Maklumat Farmasi (PhIS)
- Sistem Pendaftaran Pesakit Luar Kecemasan (EMR)
- Portal Hospital

4.2.3 Pemantauan pelaksanaan system

- Sistem myHDW
- Sistem Malaysian DRG
- Sistem Pengurusan Aset
- Sistem Pengurusan Insuran Warga Asing (SPIKPA)
- HRMIS/e-GL - Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
- e-Perolehan – Sistem Perolehan Elektronik Kerajaan Malaysia
- Sistem Pengurusan Hasil
- IGFMAS
- mySMS - Sistem Portal Gerbang SMS Kerajaan Malaysia
- Sistem Maklumat Makmal (LIS –HCLAB & iLab)

4.2.4 Statistik Pendaftaran ID Baru Pengguna Sistem 2019

BIL	NAMA SISTEM/APLIKASI	BILANGAN
1	Emel MyGovUC	241
2	eResult/eDelphyn/iLab	229
5	Wifi	756
6	SPPD	5
JUMLAH		**960**

Jadual 2.5.4: Bilangan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2019

4.3 Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan ICT

PERKARA	KETERANGAN
Rangkaian Luaran 1Gov*Net	20 Mbps
Rangkaian Dalaman LAN	26 *Virtual Local Area Network*
Rangkaian *Wireless* Berpusat	56 *Access Point*
Pengurusan *Antivirus* Berpusat	340 lesen
Pemasangan LAN port	18 network port baru

Jadual 2.5.5: Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan ICT Tahun 2019

4.4 Pemantauan dan Penyelenggaraan Emel 1GovUC Bilangan Akaun emel 1GovUC yang aktif di bawah MohMelaka agensi Hospital Melaka adalah 556 akaun pengguna.

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

5.1.1 Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus ICT pada tahun 2019 adalah seperti berikut :

BIL	KURSUS / TAKLIMAT	BILANGAN	TARIKH
1	CME Word	6 Mac 2019 15 Nov 2019	32 orang
2	CME Excel	10 April 2019 8 Nov 2019	32 orang
3	Kursus Powerpoint	28 Mac 2019	16 orang
4	CME Kesedaran Keselamatan ICT	26 Okt 2019	16 orang
5	Kursus Video Editing	18-19 Sept 2019	16 orang
6	CME Sistem ICT	30 Mei 2019	16 orang
7	CME Emel	26 Okto 2019 -2 sesi	40 orang
8	Hebahan emel Kesedaran ICT	12 kali hebahan	-
9	Latihan sistem Mykehadiran	14 Sesi	224 orang

Jadual 2.5.6: Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus ICT Tahun 2019

5.2 Pengurusan Portal Rasmi Hospital Melaka

5.2.1 Pengurusan Portal rasmi Hospital Melaka dilaksanakan dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi memastikan kandungan Portal sentiasa diselenggara dan kandungannya terkemaskini. Mesyuarat Portal adalah seperti berikut:

MESYUARAT	TARIKH
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Portal	i) Bil 1/2019 : 1 Feb 2019 ii) Bil 2/2019 : 19 Julai 2019
Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal	i) Bil 1/2019 : 25 Okt 2019

Jadual 2.5.7: Mesyuarat Portal Hospital Melaka Tahun 2019

5.3 Aktiviti Unit

5.3.1 Mesyuarat Unit Pengurusan Maklumat tahun 2018 telah diadakan sebanyak 6 kali untuk membincangkan isu-isu pentadbiran semasa pada tarikh berikut:

i) 15 Jan 2019
ii) 19 Julai 2019
iii) 25 Sept 2019
iv) 4 Okt 2019
v) 22 Nov 2019
vi) 13 Dis 2019

5.3.2 Melaksanakan aktiviti dan gotong-royong EKSA di Unit Pengurusan Maklumat untuk memastikan persekitaran pejabat sentiasa kemas dan kondusif.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Pembangunan sistem MyKehadiran WBF

Modul baru mykehadiran Waktu Bekerja Fleksi dan Kategori 1 & 2
Merujuk kepada keperluan tambah Modul WBF mulai Ogos melalui Pekeliling KKM :

i) WBF
ii) Kategori 1 & 2

Sistem ini selesai dinaiktaraf dan telah selesai pada pertengahan Oktober 2019

6.2 Hasil Audit EKSA Induk Hospital Melaka 2019

Audit telah dilaksanakan pada 25 Feb 2019 dan memperolehi markah sebanyak 86.8 manakala Audit pada 8 Okt 2019 memperolehi 90.6. Unit Pengurusan Maklumat berjaya mengekalkan prestasi pemarkahan melebihi 80% dan ke atas.

6.3 Anugerah Khidmat Cemerlang

Seorang Juruteknik Komputer gred FT22, En Rahiman bin Ayob telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi penilaian tahun 2019

6.4 Peluasan eResult ke semua hospital di Melaka (Projek kluster)

Proses pengesanan ujian makmal melalui eResult HM telah diperluaskan ke Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin. Ini membantu mempercepatkan proses perawatan pesakit disamping menyokong perkhidmatan kluster Melaka.

UNIT KESELAMATAN

1.0 PENGENALAN


Unit Keselamatan yang terletak di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Melaka bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berikut:

1.1 Pematuhan peraturan dan arahan keselamatan yang digariskan berpandukan Akta Rahsia Rasmi, Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling berkaitan keselamatan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

1.2 Pengurusan kawalan keselamatan swasta yang dipertanggungawab untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di Hospital Melaka.

1.3 Membantu pihak penguatkuasa tempatan dalam merealisasikan perundangan berkaitan keselamatan yang berkuatkuasa.

Unit ini terbahagi kepada 6 sub-unit berdasarkan skop perkhidmatan yang disediakan. Berikut dikemukakan carta organisasi mengikut pembahagian sub-unit:



Jadual 2.6.1: Carta Organisasi Unit Keselamatan Tahun 2019

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi Unit Keselamatan merangkumi:

2.1 Memastikan inspektorat keselamatan perlindungan dilaksanakan terhadap semua jabatan/unit di Hospital Melaka berpandukan Senarai Semak Inspektorat Keselamatan Perlindungan KPKK9.

2.2 Memastikan laporan berkaitan kejadian kehilangan/kerosakan aset kerajaan / kejadian melibatkan ancaman keselamatan yang berlaku di Hospital Melaka disediakan merangkumi syor dan saranan penambahbaikan.

2.3 Memastikan pemeriksaan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta dan pemeriksaan dokumen kehadiran pengawal keselamatan, perkhidmatan penghantaran barangan bernilai.

2.4 Memastikan statistik perkhidmatan kawalan keselamatan swasta di Hospital Melaka dibentangkan pada sesi mesyuarat Validasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta sebelum hari ketujuh pada bulan berikutnya.

2.5 Memastikan Kad Pengenalan Jabatan disediakan kepada staf Hospital Melaka dalam tempoh 3 hari bekerja setelah permohonan lengkap diterima.

2.6 Memastikan setiap pekerja kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di Hospital Melaka dibekalkan pas keselamatan kontraktor.

2.7 Memastikan pesakit yang berstatus Pendatang Asing Tanpa Izin diuruskan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.8 Memastikan pengurusan lalulintas dan perkara yang melibatkan aliran kenderaan di dalam kawasan Hospital Melaka diberi perhatian dan diberi penambahbaikan dalam memberi kemudahan dan keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan Hospital Melaka.

2.9 Memastikan hubungan strategik antara jabatan/agensi luar berkaitan dengan isu keselamatan diberi perhatian dan diuruskan dengan terancang.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Keselamatan Kerajaan KP41	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Keselamatan Kanan KP32	1	1	0	100%
Pembantu Keselamatan Kerajaan Kanan KP22	1	1	0	100%
Pembantu Keselamatan Kerajaan KP19	6	6	0	100%
Pengawal Keselamatan Kerajaan KP14/11	2	1	1	50%
JUMLAH	**11**	**10**	**1**	**90.1%**

Jadual 2.6.2 : Maklumat Perjawatan Unit Keselamatan Tahun 2019

4.0 AKTIVITI

4.1 Berurusan dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negeri Melaka dalam mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan berkaitan keselamatan perlindungan dan pengurusan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.

4.2 Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Negeri Melaka dalam menguruskan pesakit warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

4.3 Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia Negeri Melaka dalam melaksanakan penguatkuasaan lalulintas, siasatan kes jenayah dan membantu keperluan pihak PDRM di Hospital Melaka.

4.4 Berinterksi antara Jabatan Penjara Malaysia Negeri Melaka dengan menjadikan Hospital Melaka sebagai pusat khidmat masyarakat bagi pesalah yang disabitkan atas kesalahan-kesalahan kecil.

4.5 Bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Melaka dalam memenuhi keperluan parkir kepada kakitangan Hospital Melaka.

4.6 Menerima permohonan daripada Majlis Melaka Bandaraya Bersejarah (MBMB) untuk pengesahan saringan dadah terhadap kakitangan MBMB.

4.7 Bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk melaksanakan ujian saringan dadah terhadap kakitangan Hospital Melaka.

4.8 Bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Melaka untuk membuat pengesanan pesakit tanpa pengenalan diri yang mendapatkan perkhidmatan di Hospital Melaka sebagai pesakit dalam.

4.9 Terlibat dalam penyediaan kertas kerja penambahbaikan infrastruktur lalulintas dan prasarana berkaitan keselamatan bagi kerja-kerja naiktaraf kemudahan di Hospital Melaka.

4.10 Menyelaras permohonan jabatan/unit untuk rekabentuk papan tanda jabatan/unit.

5.0 PENCAPAIAN

5.1 Pentadbiran

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1	Menyelaras Mesyuarat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta	1 kali	Diadakan pada 27 Feb 2019 (Rabu)
2	Menyelaras Urusetia Mesyuarat Validasi Kawalan Keselamatan Swasta	12 kali	8 Februari, 8 Mac, 2 April, 9 Mei, 13 Jun, 11 Julai, 7 Ogos, 11 Sep, 7 Okt, 7 Nov, 6 Dis 2019
3	Menyelaras urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Prasarana dan Lalulintas Hospital Melaka	1 kali	Dilaksanakan pada 7 Mac 2019 (Khamis)
4	Menyelaras urusetia Mesyuarat Integrasi Keselamatan Hospital Melaka	1 kali	Dilaksanakan pada 29 Nov 2019

Jadual 2.6.3: Pencapaian Unit Keselamatan (Pentadbiran) Tahun 2019

5.1 Keselamatan Fizikal

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1	Melaksanakan urusan permohonan dan mengeluarkan Kad Pengenalan Jabatan kepada kakitangan Hospital Melaka.	Setiap hari bekerja	2,214 keping dikeluarkan sepanjang tahun
2	Melaksanakan tugas pemantauan dan kawalan Bilik CCTV Hospital Melaka.	Setiap hari bekerja	Setiap hari bekerja oleh anggota Unit
3	Melaksanakan tugas pemantauan dan pemeriksaan mengejut perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta bagi mematuhi kontrak perkhidmatan.	32 kali	5 Mac, 18 Mac, 20 Mac, 22 Mac, 9 April, 19 April, 21 April, 23 April, 26 April, 3 Mei, 7 Mei, 14 Mei, 18 Mei, 12 Jun, 20 Jun, 1 Julai, 15 Julai, 29 Julai, 12 Ogos, 21 Ogos, 6 Sep, 16 Sep, 19 Sep, 6 Okt, 11 Okt, 12 Okt, 7 Nov, 14 Nov, 17 Nov, 24 Nov, 25 Dis, 26 Dis.
4	Melaksanakan tugas pemantauan dan pengurusan kawalan kunci pendua pejabat	365 kali	Pemantauan setiap hari
5	Melaksanakan tugas siasatan terhadap: i. Kejadian kemalangan jalan raya di dalam hospital. ii. Aktiviti para gelandangan. iii. Aktiviti penjajaan haram. iv. Siasatan kejadian *mantrap* di dalam lif. v. aktiviti tarik kereta di dalam hospital vi. Aktiviti pematuhan peraturan lalulintas dan parkir.	Mengikut keperluan	i. Aktiviti penjajaan haram – 6 kali sepanjang tahun ii. kejadian *mantrap* di dalam lif - 7 kali

Jadual 2.6.4: Pencapaian Unit Keselamatan (Keselamatan Fizikal) Tahun 2019

5.3 Keselamatan Dokumen

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1	Melaksanakan Inspektorat Keselamatan Perlindungan dan Pemeriksaan Keselamatan ke atas Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.	18 kali	22 Jan, 11 Feb, 14 Feb, 1 Mac, 2, Mac, 7 Mac, 21 Mac, 23 Mac, 4 April, 5 April, 16 April, 30 April, 21 Mei, 20 Jun, 4 Julai, 12 Julai, 25 Julai, 1 Ogos 2019.

Jadual 2.6.5: Pencapaian Unit Keselamatan (Keselamatan Dokumen) Tahun 2019

5.4 Keselamatan Pesakit

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1	Menerima laporan kemasukan pendatang asing dengan izin /UNHCR dari wad/Unit Hasil.	1427 kes	Sepanjang Tahun PATI – 67 PADI – 1342 UNCHR – 5 Unknown - 13
2	Melaksanakan Prosedur pengendalian pesakit warga asing tanpa dokumen perjalanan sah atau tamat tempoh lawatan visa atau UNHCR.	10 kes	Sepanjang Tahun
3	Memantau prosedur kawalan kemasukan pelawat ke wad, keselamatan pesakit, pas melawat kecemasan dan pas kebenaran menuggu pesakit.	Mengikut keperluan	Semakan dan penambahan jumlah keperluan pas lawatan kecemasan tambahan di wad-wad HM pada 10 Jun 2019.

Jadual 2.6.6: Pencapaian Unit Keselamatan (Keselamatan Pesakit) Tahun 2019

5.5 Laporan

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1	Melaksanakan tugas siasatan kejadian di Hospital Melaka : i. Gangguan seksual. ii. Penyalahgunaan dadah bersama AADK terhadap staf hospital dan pengawal keselamatan swasta.	Mengikut keperluan	Ujian Saringan Air Kencing bagi staf HM dijalankan pada 25 Nov 2019 (tiada +ve)
2	Laporan Penilaian Prestasi Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta	10 kali	Bermula daripada tender SKKS
3	Laporan Pemantauan Harian kehadiran pengawal keselamatan untuk makluman Pengurusan Tertinggi Hospital Melaka	365 Setiap hari termasuk cuti	Sepanjang Tahun

Jadual 2.6.7: Pencapaian Unit Keselamatan (Laporan) Tahun 2019

5.6 Kursus/Latihan

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1.1	Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan.	1 kali	Dilaksanakan pada 25 Mac 2019 dengan penglibatan seramai 81 peserta.

Jadual 2.6.8: Pencapaian Unit Keselamatan (Latihan) Tahun 2019

6.0 ISU DAN CABARAN

6.1 Kebanyakkan bangunan dan sistem keselamatan yang tersedia di Hospital Melaka telah usang dan sistem keselamatan yang digunapakai telah melewati perkembangan teknologi terkini. Walaubagaimanapun, dengan penambahbaikan yang dilaksanakan dari masa ke semasa. Prosedur kelengkapan keselamatan yang digunakan mampu memberi kawalan yang baik.

6.2 Pemantauan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta di Hospital Melaka dipantau oleh anggota Unit Keselamatan. Walaubagaimanpun, kekangan kekurangan anggota Unit Keselamatan untuk melaksanakan pemantauan secara syif tidak dapat dilaksanakan. Sebagai alternatif, anggota Unit Keselamatan memperkenalkan sistem pegawai atas panggilan (oncall system) yang ditugaskan untuk bertugas secara penggiliran mengikut hari dan melaksanakan tindakan susulan terhadap sebarang isu berkaitan keselamatan di Hospital Melaka.

7.0 AKTA DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN TUGAS

7.1 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
7.2 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959(Akta 298)
7.3 Kanun Prosedur Jenayah (AKTA 593)
7.4 Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
7.5 Arahan Keselamatan (Semakan & Pindaan 2017)
7.6 Pekeliling-Pekeliling Keselamatan Kerajaan.
7.7 Peraturan-Peraturan/Polisi yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

UNIT PERPUSTAKAAN PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Perpustakaan Perubatan telah ditubuhkan pada tahun 1978. Ia merupakan sebuah perpustakaan khusus di bawah bidang tanggungjawab Bahagian Pengurusan Hospital Melaka. Pada awal penubuhannya, ia merupakan sebuah bilik di Tingkat 3, Blok Pentadbiran Lama. Pada 9 Ogos 2000 Perpustakaan telah berpindah ke Blok B, Tingkat 3 yang mempunyai ruang yang lebih luas. Pada tahun 2000, Perpustakaan Perubatan telah bergabung dengan Perpustakaan Kolej Kejururawatan Melaka. Dengan penggabungan tersebut, perkongsian bahan dan sumber manusia telah dapat dimanfaatkan oleh kakitangan hospital dan warga Kolej Kejururawatan Melaka. Namun demikian, bermula pada 1 Julai 2005, Perpustakaan Kolej Kejururawatan Melaka telah berpindah daripada Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka. Pengguna perpustakaan terdiri daripada Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Pegawai Perubatan post graduate, Pegawai Farmasi, Pegawai Sains, Jururawat, Jururawat Terlatih, paramedik dan semua anggota kerja Hospital Melaka.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Objektif Perpustakaan Perubatan adalah untuk menyediakan perkhidmatan rujukan yang berkesan kepada pegawai-pegawai profesional dan separa profesional di Hospital Melaka. Misi Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka adalah menyediakan perkhidmatan maklumat dalam bidang perubatan kepada pegawai-pegawai profesional dan kumpulan sokongan Hospital Melaka. Perpustakaan Perubatan menyediakan perkhidmatan kepada warga kerja Hospital Melaka seperti :

2.1 Rujukan Bahan
2.2 Pinjaman dan pemulangan buku dan jurnal
2.3 Pangkalan Data Atas Talian / Online Databases
2.4 Pinjaman antara perpustakaan
2.5 Pencarian maklumat melalui internet
2.6 Kesedaran semasa
2.7 Keratan akhbar
2.8 Sistem Pembekalan Penerbitan

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pustakawan Gred S41 / S44	1	1	0	100%
Pembantu Pustakawan Gred S19/22	1	1	0	100%
Pembantu Operasi (PO) Gred N11	1	1	0	100%
JUMLAH	**3**	**3**	**0**	**100%**

Jadual 2.7.1: Maklumat Perjawatan Unit Perpustakaan Perubatan 2019

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Waktu Perkhidmatan

Waktu perkhidmatan Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU PERKHIDMATAN
Isnin - Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang
Sabtu dan Ahad	Tutup
Cuti Umum	Tutup

Jadual 2.7.2: Waktu Perkhidmatan Perpustakaan Perubatan

4.2 Kategori dan Pengkelasan Bahan

Koleksi bahan di Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka diklasifikasikan mengikut bidang pengkelasan sistem National Library of Medicine (NLM) dan juga Dewey Decimal Classification (DDC). Berikut adalah kategori bahan yang terdapat di Perpustakaan Perubatan:

BIL	KATEGORI BAHAN	JENIS KOLEKSI
1	Buku	Koleksi rak terbuka & Koleksi Rujukan
2	Terbitan Bersiri • Majalah • Laporan Tahunan • Buletin dll	Koleksi Rujukan
3	CD-ROM	Koleksi Sumber Manusia

Jadual 2.7.3: Kategori Bahan Perpustakaan Perubatan

Bidang Pengelasan bagi semua kategori adalah seperti berikut :

NO. PENGKELASAN	BIDANG
National Library of Medicine (NLM)	
QS	*Human Anatomy*
QT	*Pathology*
QU	*Physiology*
QV	*Biochemistry Cell Biology and Genetics*
QW	*Pharmacology*
QX	*Microbiology and Immunology*
QY	*Parasitology*
QZ	*Clinical Pathology*
W	*General Medicine. Health Professions*
WA	*Public Health*
WB	*Practice of Medicine*
WC	*Communicable Diseases*
WD	*Disorders of Systemic, Metabolic or Environmental Origin, etc.*
WE	*Musculoskeletal System*
WF	*Respiratory System*
WG	*Cardiovascular System*
WH	*Hemic and Lymphatic Systems*

WI	*Digestive System*
WJ	*Urogenital System*
WK	*Endocrine System*
WL	*Nervous System*
WM	*Psychiatry*
WN	*Radiology. Diagnostic Imaging*
WO	*Surgery*
WP	*Gynecology*
WQ	*Obstetrics*
WR	*Dermatology*
WS	*Pediatrics*
WT	*Geriatrics. Chronic Disease*
WU	*Dentistry. Oral Surgery*
WV	*Otolaryngology*
WW	*Ophthalmology*
WX	*Hospitals and Other Health Facilities*
WY	*Nursing*
WZ	*History of Medicine. Medical Miscellany19th Century Schedule*
Dewey Decimal Classification (DDC)	
000 - 099	*Generalities*
100 – 199	*Philosophy and Psychology*
200 – 299	*Religion*
300 – 399	*Social Sciences*
400 – 499	*Language*
500- 599	*Natural Sciences and Mathematics*
600 – 699	*Technology (Applied Sciences)*
700 – 799	*Arts*
800 – 899	*Literature and Rhetoric*
900 – 999	*Geography and History*

Jadual 2.7.4: Bidang Pengkelasan Kategori Bahan

5.0 STATISTIK TAHUNAN

5.1 Keahlian dan Penggunaan

5.1.1 Keahlian Berdaftar : 244 Orang

5.1.2 Bilangan pengunjung/pengguna : 339 Orang

5.2 Pinjaman Buku Tahun 2019

BULAN	JUMLAH PINJAMAN (NASKHAH)
Januari	1
Februari	5
Mac	0
April	0
Mei	5
Jun	1
Julai	6
Ogos	4
September	6
Oktober	3
November	8
Disember	0
JUMLAH	**39**

5.3 Keahlian Virtual

BULAN	JUMLAH KEAHLIAN
Januari	32
Februari	95
Mac	22
April	25
Mei	21
Jun	1
Julai	37
Ogos	0
September	11
Oktober	5
November	9
Disember	24
JUMLAH	**282**

Jadual 2.7.6: Jumlah Keahlian Virtual Tahun 2019

UNIT HAL EHWAL ISLAM

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Hal ehwal Islam telah diwujudkan buat pertama kalinya apabila wujud perjawatan Pegawai Agama di Hospital Melaka pada tahun 2008. Sehingga kini Unit Hal Ehwal Islam diletakkan dibawah bahagian pengurusan dan ditempatkan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka. Unit UHEI bukan sahaja memberikan khidmat kepada kakitangan hospital, malahan kepada pesakit (inpatient atau outpatient) juga kepada waris yang memerlukan khidmat nasihat serta bimbangan kerohanian. Pada masa ini, unit ini hanya mempunyai seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S32.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit UHEI berperanan dalam membantu perkembangan potensi diri disamping meningkatkan kesihatan mental dan emosi dikalangan kakitangan Hospital Melaka dan pesakit. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

i) Memberi khidmat nasihat kerohanian dan bantuan praktikal kepada pesakit / waris berkaitan tatacara mengambil wuduk, tayammum dan solat dalam keadaan sakit serta
ii) Bimbingan Kerjaya dan prestasi kepada kakitangan, oriantasi, cme kepada staf
iii) Bimbingan Isu Kekeluargaan / Peribadi (kewangan dan lain-lain)
iv) Bimbingan pengurusan konflik perkahwinan / perkahwinan luar negara / poligami merangkumi pesakit dan kakitangan hospital
v) Sokongan emosi kepada pesakit
vi) Membantu melaksanakan program pembangunan modal insan berdasarkan pendekatan spiritual
vii) Menganjurkan program, ceramah, bengkel, dan seminar yang berkaitan Hari Kebesaran Islam
viii) Melaksanakan program Hospital Mesra Ibadah

Kategori Klien:

i) Pesakit / waris (outpatient/ inpatient)
   - Dirujuk oleh Pegawai Perubatan
ii) Kakitangan hospital
   - Dirujuk oleh Ketua Jabatan/Ketua Unit/Penyelia

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S32	1	1	-	100

Jadual 2.8.1 :Maklumat Perjawatan Unit Hal Ehwal Islam 2019

4.0 AKTIVITI

a) Majlis Perarakan Sempena sambutan Maulidul Rasul:
Majlis ini telah diadakan pada bersamaan 12 Rabiulawal. Seramai 55 kakitangan hospital melaka terdiri daripada pelbagai katogeri perjawatan telah mengambil bahagian.

b) Melaksanakan CME 'TOT HMI':
CME berkaitan Hospital Mesra Ibadah kepada kakitangan sedia ada dan juga kepada Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan lantikan baru dan bertukar masuk ' TOT HMI' telah dijalankan sebanyak lima kali sepanjang tahun 2019 .

c) Program Korban Perdana Hospital Melaka telah diadakan pada hari raya haji, sebanyak 6 ekor lembu dan 3 ekor kambing telah dikorbankan, agihan daging korban kepada mereka yang memerlukan terdiri daripada kalangan kakitangan hospital, sinar jernih, medivest dan pengawal keselamatan hospital.

d) Sambutan Maal Hijrah(Tahnik Bayi). Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka, Seramai 11 orang bayi telah ditahnikkan pada hari tersebut oleh Y.bhg Datuk Wira Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Imam Besar Masjid Al Azim dan Y.Bhg Datuk Hj Abdul Rahim Abdul Khaliq. Kehadiran Isteri Kepada YAB Ketua Menteri Melaka sebagai tetamu kehormat.

e) Sambutan Maulidul Rasul(Tahnik Bayi). Program ini merupaka yang pertama kali diadakan bersama Jabtan Agama Islam Melaka, seramai 9 orang bayi telah ditahnikkan oleh Y.bhg Datuk Hj Abdul Rahim Abdul Khaliq dan penyampain cenderahati kepada ibu yang bersalin.

f) Program Tafaqquh Fi Din pada tahun 2019 telah diadakan sebanyak 8 siri telah dilaksanakan, program pengajian ini bersumberkan Hadith 40 Imam Nawawi yang dikendalikan oleh Y.bhg Datuk Hj Abdul Rahim Abdul Khaliq.

g) Program Street Dakwah pada tahun 2019 telah dilaksanakan sebanyak 8 siri, program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Melaka bersama Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Negeri Melaka bersama Ngo Melaka. Program menyantuni pesakit ini diadakan pada setiap hujung bulan bagi menyantuni dan mendekati pesakit, memberi skongan emosi dan spritual kepada pesakit muslim.

h) Program Mukmin Genius, program ini melibatkan anak-anak kakitangan bagi mengisi masa cuti sekolah, program telah diadakan selama satu minggu pada awal cuti sekolah penghujung tahun. Penyertaan seramai 40 orang peserta dan aktiviti ini diadakan di surau Hospital Melaka.

UNIT PSIKOLOGI KAUNSELING

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan kaunseling telah diwujudkan buat pertama kalinya apabila wujud perjawatan Pegawai Kaunselor di Hospital Melaka pada tahun 1998. Di awal perkhidmatan, Unit Psikologi Kaunseling merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2016, unit ini ditempatkan di Bahagian Pengurusan Hospital Melaka. Unit Psikologi Kaunseling bukan sahaja memberikan khidmat kaunseling kepada kakitangan hospital, malahan kepada pesakit (inpatient dan outpatient) yang memerlukan khidmat kaunseling. Pada masa ini, unit ini hanya mempunyai seorang Pegawai Psikologi S41/S44.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit ini berperanan dalam membantu perkembangan potensi diri disamping meningkatkan kesihatan mental dan emosi dikalangan kakitangan Hospital Melaka dan pesakit. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

i. Kaunseling secara individu dan kelompok:
ii. Sokongan emosi
iii. Runding cara
iv. Membantu melaksanakan program pembangunan modal insan berdasarkan pendekatan psikologi merangkumi pembangunan, pencegahan dan pemulihan, dan intervensi
v. Membantu mengurus pegawai berprestasi rendah dan bermasalah
vi. Menganjurkan ceramah, bengkel, dan seminar yang berkaitan dengan psikologi kaunseling kendiri seperti pengurusan stress, pengurusan konflik dan komunikasi berkesan

Kategori Klien:

i. Pesakit (outpatient/ inpatient)
- Dirujuk oleh Pegawai Perubatan

ii. Kakitangan hospital
- Dirujuk oleh Ketua Jabatan/Ketua Unit/ Penyelia

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN
PEGAWAI PSIKOLOGI (KAUNSELING) S41/S44	1	1	-	100

Jadual 2.9.1 :Maklumat Perjawatan Unit Psikologi Kaunseling 2019

4.0 BEBAN KERJA

i. Jumlah sesi bagi pesakit & kakitangan Hospital Melaka mengikut status kes

BULAN	RUJUKAN KES
JANUARI	15
FABRUARI	16
MAC	21
APRIL	14
MEI	13
JUN	11
JULAI	9
OGOS	19
SEPTEMBER	20
OKTOBER	16
NOVEMBER	42
DISEMBER	28
JUMLAH	**224**

Jadual 2.9.2: Jumlah Pesakit dan Kakitangan Hospital Melaka Mengikut Status Kes Tahun 2019

ii. Profil Perkhidmatan Kaunseling Kakitangan & Pesakit Mengikut Klasifikasi Kes

KLASIFIKASI KES	BILANGAN
PSIKOLOGI	3
DISIPLIN	8
OCD	
INTERPERSONAL	6
KEWANGAN	18
LAIN PENYAKIT	2
MEDICAL	20
DEPRESSION	7
ADJUSTMENT	21
OTHER	15
STRESS	
SCHIZOPHRENIA	
GRIEF	3
BEHAVIOR	5
OSCC	78
PANIC ATTACK	1
UNMARRIED PREGNANCY	
DYSTHYMIA	
ANXIETY	4
BIPOLAR	
MARITAL	6
FAMILY	6
ANGER MANAGEMENT	2
JUMLAH	**224**

Jadual 2.9.3: Profil Perkhidmatan Kaunseling Kakitangan & Pesakit Mengikut Klasifikasi Kes Tahun 2019

5.0 AKTIVITI

a) Kursus Bijak Wang Bijak Belanja

Kursus ini telah dijalankan pada 8 dan 9 April melibatkan kakitangan Hospital Melaka. Objektif program adalah untuk memberi pendidikan kewangan dan pengurusan kerdit secara berhemah. Wakil daripada Bank Negera Malaysia dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut dijemput.

b) Melaksanakan dan menganjurkan CME

Unit Psikologi Kaunseling telah menganjurkan CME berkaitan Personaliti Diri, Komunikasi dan juga Ketrampilan Diri. Selain itu Unit Psikologi Kaunseling juga terlibat dalam pengendalian ceramah melalui jemputan dari jabatan-jabatan atau unit di Hospital Melaka.

UNIT KEJURUTERAAN

1.0 PENGENALAN

Unit Kejuruteraan Operasi diwujudkan pada tahun 2010 bagi mengambil alih fungsi syarikat jururunding SIHAT. Penubuhan unit adalah bagi melaksanakan kawal selia Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH).

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Unit Kejuruteraan bertanggungjawab kepada Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan, Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan), Timbalan Pengarah (Operasi), Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), dan Pengarah Hospital untuk memantau pelaksanaan penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak Perjanjian Konsesi (Concession Agreement -CA). Antara perkhidmatan adalah :

2.1.1 Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS) ,
2.1.2 Perkhidmatan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS),
2.1.3 Perkhidmatan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS)
2.1.4 Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian (CLS)
2.1.5 Perkhidmatan Pendobian Linen (LLS) ,
2.1.6 Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal (HWMS)

2.2 Unit Kejuruteraan bertanggungjawab dalam menerima dan mematuhi arahan–arahan berbentuk teknikal dari Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan, Pengarah Hospital, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kejuruteraan), dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.3 Unit Kejuruteraan bertanggungjawab dalam menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas sistem, pepasang, loji dan peralatan jentera/mekanikal, elektrik dan biomedikal/elektronik.

2.4 Memberi khidmat nasihat berkaitan bidang kejuruteraan meliputi kejuruteraan awam, mekanikal, elektrikal dan biomedikal

2.5 Menyelaras maklumat Berkaitan Pembayaran Aset Tambahan Di Hospital serta memberi khidmat nasihat dalam perubahan kerja (Variation Order – VO) untuk penswastaan perkhidmatan sokongan hospital (PSH)

2.6 Pemantauan kualiti terhadap penswastaan perkhidmatan sokongan hospital (PSH).

2.7 Memastikan operasi rangkaian teknologi maklumat Asset and Services Information System (ASIS) dan program jaminan mutu (QAP) bagi PSH dikemaskini serta berkesan.

2.8 Menyemak Hospital Specific Implentation Plan (HSIP) Tahunan bersama Pegawai Penyelaras

2.9 Menyediakan Laporan 'Beyond Economic Repair 2 ' (BER2) dan 'Sijil Perakuan Pelupusan' (PEP) bagi peralatan jentera/mekanikal, elektrik dan biomedikal.

2.10 Melakukan khidmat nasihat dalam pemantauan Kerja Penyelenggaraan Bangunan, Sistem, Pepasangan, Loji dan Peralatan jentera/mekanikal, elektrikal dan biomedikal Semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) Bagi Hospital/Fasiliti Baru

2.11 Memberi khidmat nasihat bagi penyediaan Spesifikasi Kerja, lakaran lukisan pembinaan, lawatan tapak serta dokumen yang berkaitan, pemantauan projek-projek Pembangunan dan kerja-kerja pengujian dan pentauliahan.

2.12 Membantu melaksanakan aktiviti berkaitan keselamatan kebakaran di Hospital Melaka

2.13 Membantu menyemak prestasi, laporan teknikal, laporan kejadian dan aduan bagi perkhidmatan

2.14 Memberi khidmata nasihat berkaitan teknikal dari aspek kejuruteraan.


3.0 SUMBER MANUSIA

4.1 Pemotongan yuran Syarikat Konsesi (2019)

SERVICE	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Yearly Aver.
Facility Engineering Maintenance Service	11.54%	10.58%	9.16%	9.34%	12.78%	10.59%	9.36%	8.10%	8.71%	7.29%	6.90%	4.78%	45.24%
Biomedical Engineering Maintenance Service	2.55%	2.61%	3.61%	4.61%	4.18%	3.46%	3.30%	5.38%	4.38%	4.02%	3.74%	3.58%	15.32%
Linen & Laundry Service	8.16%	5.35%	3.40%	0.21%	0.05%	0.02%	0.18%	1.29%	1.02%	2.02%	0.58%	0.21%	5.13%
Cleaning Service	3.75%	13.24%	7.14%	5.23%	33.00%	3.43%	3.35%	4.90%	2.97%	3.01%	2.00%	2.50%	17.41%
Healthcare Waste Management Services	0.50%	10.30%	1.33%	1.49%	0.80%	1.13%	2.95%	1.64%	1.84%	0.55%	0.67%	1.62%	2.99%
Facility Management Services	41.40%	37.47%	40.10%	40.57%	37.00%	33.42%	39.71%	31.04%	29.42%	30.73%	27.36%	24.08%	0.86%
TOTAL DEDUCTION (%)	7.24%	8.77%	6.49%	6.21%	10.98%	5.66%	5.42%	5.71%	5.33%	4.85%	4.19%	3.50%	6.19%

SERVICE	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	TOTAL
Facility Engineering Maintenance Service	106,045.16	98,119.12	84,183.02	91,386.68	117,476.50	98,287.38	86,026.38	74,843.18	80,472.62	67,365.42	63,759.74	44,216.48	1,012,182.28
Biomedical Engineering Maintenance Service	19,570.00	20,030.00	27,750.00	35,390.00	32,080.00	26,540.00	25,370.00	39,770.00	32,430.00	29,720.00	27,650.00	26,490.00	342,790.00
Linen & Laundry Service	42,846.34	24,569.04	18,174.32	1,080.52	240.24	122.76	1,006.50	6,735.06	4,987.84	10,680.70	3,113.60	1,145.20	114,702.12
Cleaning Service	17,273.70	61,015.30	32,881.06	24,116.58	152,062.14	15,788.50	15,456.70	22,557.80	13,685.54	13,868.20	9,213.36	11,539.80	389,460.08
Healthcare Waste Management Services	1,328.54	25,236.38	3,760.80	3,905.02	2,231.82	2,995.50	9,036.02	4,815.60	5,425.86	1,586.08	1,976.38	4,666.52	66,962.92
Facility Management Services	31,203.47	27,595.44	30,472.77	30,448.88	27,987.28	24,887.54	30,700.68	23,403.58	21,934.19	23,177.74	21,175.05	18,262.67	311,047.29
TOTAL DEDUCTION (RM)	218,267.21	256,363.88	197,221.97	186,326.08	332,077.98	168,622.68	167,596.28	172,125.22	158,936.45	146,398.14	126,888.13	106,320.67	2,237,144.69
Fee	3,015,170.52	2,924,415.85	3,039,659.39	3,001,858.72	3,025,629.93	2,978,688.18	3,092,317.17	3,016,267.22	2,982,266.71	3,017,275.33	3,028,989.75	3,034,035.77	36,156,574.54
Actual FEE	2,796,903.31	2,668,051.97	2,842,437.42	2,815,532.64	2,693,551.95	2,810,065.50	2,924,720.89	2,844,142.00	2,823,330.26	2,870,877.19	2,902,101.62	2,927,715.10	33,919,429.85


Jadual 2.10.2 : Peratusan dan Jumlah (RM) pemotongan yuran yang dikenakan kepada syarikat konsesi – Medivest Sdn Bhd. Tahun 2019



Rajah 2.10.1 : Peratusan dan Jumlah (RM) pemotongan yuran yang dikenakan kepada syarikat konsesi – Medivest Sdn Bhd. Tahun 2019

Pemotongan dibuat berdasarkan Deduction Formula Guideline KKM dan mengambil kira semua aduan, Planned Preventive Maintenance (PPM), statutory requirement, latihan pengguna dan laporan teknikal.

Jumlah keseluruhan pemotongan yang di kenakan adalah RM 2,237,144.69 iaitu sebanyak 6.19% daripada Yuran sebenar RM 36,156,574.54.



Tahun	Jumlah Deduction	Jumlah Fee	Peratus Deductions
2015	RM1,412,033.91	RM34,436,886.56	4.10%
2016	RM3,659,401.40	RM35,271,693.38	10.37%
2017	RM4,890,016.71	RM35,240,666.33	13.88%
2018	RM3,750,278.56	RM35,625,030.40	10.53%
2019	RM2,237,144.69	RM36,156,574.54	6.19%

Rajah 2.10.2 : Perbandingan Pemotongan Yuran Syarikat Konsesi Tahunan (2015~2019)

Merujuk Rajah 2.10.2, pemotongan yuran dikenakan menunjukkan penurunan pada tahun 2019 iaitu daripada 10.53% kepada 6.19%. Penurunan pemotongan yuran ini adalah disebabkan perlaksanaan terhadap perkhidmatan sokongan hospital oleh syarikat konsesi bertambah baik dari segi pelaksanaan PPM. Selain itu, peningkatan kualiti kerja khidmat sokongan hospital yang dijalankan oleh syarikat konsesi. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan prestasi syarikat konsesi perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menjamin perkhidmatan hospital di berikan terbaik kepada pelanggan dan juga staf hospital.

4.2 Laporan BER2 dan Sijil Pelupusan (PEP) pada tahun 2019

FEMS : 115 Sijil
BEMS : 184 Sijil

4.3 Service Satisfaction Survey

Kajian kepuasan pelanggan terhadap semua perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat konsesi dibuat oleh pihak hospital termasuk Pengarah, Jurutera, semua Liason Officer dan user. Hasil Kajian adalah seperti dibawah:

4.3.1 Perkhidmatan FMS

FMS			
RESPONSE TIME	MANPOWER	DOCUMENTATION DAN KHIDMAT NASIHAT	USER TRAINING
64.72	57.09	56.43	61.66

Jadual 2.10.3 : Perkhidmatan FMS Tahun 2019

4.3.2 Perkhidmatan FEMS

FEMS			
PENYELENGGARAAN	KUALITI PEMBAIKAN	TEMPOH PEMBAIKAN	PENGOPERASIAN
57.12	54.11	50.81	58.36

Jadual 2.10.4 : Perkhidmatan FEMS Tahun 2019

4.3.3 Perkhidmatan BEMS

BEMS			
PENYELENGGARAAN	KUALITI PEMBAIKAN	TEMPOH PEMBAIKAN	PENGOPERASIAN
61.97	61.15	56.53	61.78

Jadual 2.10.5 : Perkhidmatan BEMS Tahun 2019

4.3.4 Perkhidmatan CLS

CLS	
AKTIVITI	KUALITI
54.76	51.18

Jadual 2.10.6 : Perkhidmatan CLS Tahun 2019

4.3.5 Perkhidmatan LLS

LLS	
KUANTITI	KUALITI
64.88	58.95

Jadual 2.10.7 : Perkhidmatan LLS Tahun 2019

4.3.6 Perkhidmatan HMWS

HWMS			
PELAKSANAAN KUTIPAN	PROSEDUR KUTIPAN	KUANTITI RECEPTACLES & CONSUMABLES	KUALITI RECEPTACLES & CONSUMABLES
62.89	59.33	59.82	59.47

Jadual 2.10.8 : Perkhidmatan HMWS Tahun 2019

Berikut adalah keseluruhan peratusan perkhidmatan kajian kepuasan pelanggan terhadap semua perkhidmatan yang dijalankan:

4.4 Penyediaan Spesifikasi Kerja, lakaran lukisan pembinaan, lawatan tapak serta dokumen yang berkaitan, pemantauan projek-projek Pembangunan dan kerja-kerja pengujian dan pentauliahan.

Projek berikut telah dilaksanakan pada tahun 2019 :

- Kerja-kerja pemasangan sistem waterproofing di Blok B & C serta kerja-kerja berkaitan di Hospital Melaka.
- Kerja-kerja penggantian pendawaian elektrikal serta kerja-kerja berkaitan di stor perubatan hospital Melaka.
- Kerja-kerja membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah CT Scan 32 Slices untuk kegunaan Jabatan Radiologi (Project Leasing) oleh pihak pembekal.
- Kerja-kerja penggantian sistem manifold di blok baru Hospital Melaka .
- Kerja-kerja pembaikan janakuasa tunggu sedia di Kuarters Pangsapuri Al-Zahrawi Hospital Melaka.
- Kerja-kerja membaikpulih saluran paip air buang ke tangki sedia ada di aras bawah blok E Hospital Melaka.
- Kerja-kerja membaikpulih 2 unit tandas di Auditorium dan 2 unit tandas di surau Unit Angkut Hospital Melaka.
- Kerja-kerja naiktaraf sistem penyelenggaraan eletrik di stor exhibit Farmasi Penguatkuasa.
- Kerja-kerja pemasangan backsplash di 4 Bilik Scrub dewan bedah Hospital Melaka.
- Kerja-kerja membaikpulih garaj tempat letak kereta di kuarters al-Zahrawi.

- Kerja pemasangan hand railing di tandas dan bilik mandi serta pembaikan ciri keselamatan tingkap wad-wad Hospital Melaka .
- Pembaikan Tembok Bangunan Rumah Mayat Lama dan Struktur Besi Bumbung Rumah Sampah Hospital Melaka.
- Kerja-kerja pemasangan PU Foam di soffit slab serta kerja-kerja lain berkaitan di Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Pemasangan Papan Tanda Lalulintas Kenderaan Untuk Panduan Awam Di Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Menaiktaraf Kaunter Farmasi Klinik Pakar di Farmasi Utama dan Farmasi Satelit 5.
- Naiktaraf Pintu Tandas OKU Dan Pengantian Railing Langsir Di Wad D2, Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Penggantian Sistem Perpaipan Air Bersih di Wad A4 dan Wad B3 Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Pembaikan Kecil Elektrik Hospital Melaka.
- Kerja-kerja Naiktaraf pintu keselamatan kebakaran di blok lama,Hospital Melaka.
- Kerja-kerja penggantian kabel elektrik ke Blok E normal supply di Hospital Melaka.
- Kerja-kerja menanggal dan melupus telefon awam di Hospital Melaka.
- Kerja-kerja pendawaian talian telefon dan faks serta kerja-kerja berkaitan Jabatan Pembedahan Plastik & Rekonstruktif Hospital Melaka.
- Detail Energy Audit Hospital Melaka.
- Kerja-kerja naik taraf ruang sedia ada di aras 3 Blok E untuk Klinik Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif di Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Penggantian PABX Serta Kerja-Kerja Lain Berkaitan di Hospital Melaka.
- Kerja-Kerja Naiktaraf Pagar Di Koridor Belakang, Kuaters Cheng.
- Kerja-kerja penggantian booster pam dan sistem paip di blok D (Blok Tambahan) Hospital Melaka serta kerja-kerja berkaitan.
- Projek Retrofit Sistem Penyaman Udara Berpusat (CHILLER) Di Hospital Melaka Di Bawah Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11, Kementerian Tenaga, Sains,Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTEC) – dalam proses pelaksanaan dan di jangka siap pada penghujung tahun 2020.

5.0 ISU DAN CABARAN

5.1 KEKURANGAN KAKITANGAN

Beban kerja yang tinggi berbanding sumber tenaga kerja yang sedia ada yang tidak mencukupi dengan perjawatan sedia ada yang mana terdapat yang mana hanya terdapat tiga (3) Jurutera – (Elektrikal , Mekanikal dan Elektronik). Selain itu, kadar mesyuarat yang tinggi dan jumlah keanggotaan ahli jawatankuasa yang menyebabkan kekurangan masa bagi pemantauan di lapangan.

5.2 PENGGUNAAN ASET YANG BERUSIA

Kebanyakan aset-aset hospital telah berusia lebih 10 tahun dan penggunaan yang kerap pada aset yang sama menyebabkan kerap mengalami kerosakan dan mengganggu perkhidmatan hospital. Proses penggantian aset yang tidak menyeluruh juga memburukkan keadaan.

5.3 KUALITI DAN PRESTASI KERJA SYARIKAT KONSESI

Cabaran yang dihadapi adalah kerja-kerja atau perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat konsesi kurang memuaskan yang menyebabkan perkhidmatan hospital terjejas dan terganggu seperti :

6.16 Aktiviti bersama Unit Pendidikan pula membantu dalam Trim & Fit di mana staf Terapi Carakerja menyertai sebagai fasilitator dan peserta dengan mengambil bahagain Mendaki Bukit Batu Putih 8 Ogos 2019, Bukit Bernang; 5 September 2019 dan Bukit Batu Putih dan pada 8 Ogos 2019. Penutup program diadqakan di Pantai Klebang pada 31 Oktober 2019.

6.17 Aktiviti Outing Pskiatrik 15 Januari - Muzium Alor Gajah & Freeport A' Famosa Outlet, 13 Februari- Pantai Pengkalan Balak Masjid Tanah, 13 Mac- Gold Coast Melaka, 18 Jun- Kip Mart , Bacang ; 15 Ogos- Stadium Tun Fatimah; 21 Ogos – Eksplore Race di Bandar Hilir; 25 September- AEON Bandaraya; 23 Oktober – Taman Botanikal Ayer Keroh dan 18 Disember 2020 – Rumah Seri Kenangan Cheng.

6.18 Aktiviti dari displin Otopedik menjalankan Program Kesedaran " Carpal Tunnel Syndrome" pada 21 November 2019 bertempat di Unit Pemulihan Carakerja Blok E1 Hospital Melaka.

6.19 Unit kami dijemput menjadi Urusetia dengan bekerja bersama Jabatan Perubatan (Geriatrik) mengambil bahagian dalam aktiviti Rekreasi di Taman Botanikal pada 23 Oktober 2019. Ia adalah sempena Sambutan Hari Warga Emas yang disambut setiap tahun.

6.20 Jabatan Pediatrik telah menjayakan NICU Graduation Day di mana Unit Carakerja dijemput membuka Booth. Diadakan di Auditorium Baiduri , Hospital Melaka pada 15 November 2019.

6.21 Membuka booth di Tempat Parkir Kereta Pakar, Lobi Utama Hospital Melaka pada Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Hospital Melaka pada 25 April 2019. Menang tempat pertama untuk Pertandingan Menu Sihat yang anjurkan oleh Jabatan Dietetik dan Sajian.

6.22 Bekerjasama dengan Pakar Klinik Kesakitan untuk menjalankan "Sesi Pembelajaran Sakit Kronik Berkumpulan" pada 12 Jun 2019 peserta akan hadir 8 sesi. Seramai 12 peserta yang menghadiri MENANG program ini. Manakala pada 29 Ogos 2019 telah membawa pesakit Outing di Kawasan Pelancongan Bandar Hilir. Hari "Graduation" diadakan pada 5 Disember 2019.

6.23 Membantu Pain Free Hospital Melaka menjalankan Audit di semua wad Hospital Alor Gajah pada 1 November 2019.

6.24 Lawatan kerja ke MENTARI Mentakab bersama staf dari Jabatan Psikiatrik. Lawatan diadakan pada 30 hingga 31 Oktober 2019. 3 orang terapis dari Unit Carakerja displin Psikiatrik telah ikut bersama.

6.25 Bekerjasama dengan JOBS MALAYSIA CENTER. Membawa pesakit yang dirujuk untuk Return To Work Program atau Supported Employment untuk memberi pendedahan peluang pekerjaaan. Sebanyak 7 work visit telah dijalankan.

6.26 Kejayaan kami unutk tahun ini adalah memenangi tempat ketiga untuk Pertandingan EKSA dan tempat kelapan untuk Pertandingan Hari Merdeka serta mendapat Sijil Penghargaan menyertai Pertandingan Hari Raya.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Kami berterima kasih kerana telah dapat asset yang dimohon iaitu "Corner Chair" untuk kegunaan pesakit di displin Pediatrik. Dengan ini perkhidmatan yang diberi adalah lebih menyakinkan pesakit. Semoga kita akan mendapat asset yang telah diminta.

7.2 Masih mengharapkan dapat penambahan Sumber Manusia untuk menjaga pesakit Psikiatri ke MENTARI yang terletak di di Pusat Kesihatan Mental Masyarakat , (PKMM)
Cheng Melaka meningkatkan peluang pekerjaan dengan menyertai aktiviti Supported Employment.

Diharap ada pertambahan sumber manusia bagi menempatkan seorang pegawai di sini supaya Supported Employment dapat dikembangkan.

7.3 Peningkatan kes Pediatrik serta Hospital Melaka ingin membina "Woman And Child Hospital" di masa akan datang dengan ini adalah wajar untuk mendapatkan sumber manusia bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik. Kami masih amalkan memberi "Home Programme" pada setiap kes baru sebelum mereka dapat temujanji yang sekarang sebulan.

Pada tahun ini telah mengambil pendekatan untuk seorang terapis bertanggung jawab membuat penilaian terperinci serta memberi rawatan dan modalities kepada setiap pesakit baru. Masaalah ini boleh diatasi dengan pertambahan staf yang pernah diusulkan pada Ketua Profesion. Pertambahan sebanyak 2 terapis yang diminta.

7.4 Diharap dapat menaikkan taraf di Unit Psikiatri Blok CG dengan memasang Penghawa dingin bukan saja di Terapi Relaksasi tetapi di ruang rawatan yang sediada supaya pesakit akan merasa selesa semasa rawatan dijalankan.

7.5 Lantai yang tidak rata dikhuatiri boleh menyebabkan pesakit jatuh. Diharap dapat menukar lantai tiles atau vinyl.

7.6 Manakala untuk Blok E1 keperluan penghawa dingin untuk stor penyimpanan alat tulis dan bahan-bahan konsumabel yang perlu suhu sejuk untuk mengekalkan bahan splinting supaya tidak cepat bertukar tekstur yang mempercepatkan tidak dapat digunakan sebelum tarikh lupus.

7.7 Penukaran “Blind Curtain “ ke langsir biasa telah diminta kerana curtain yang sediada tidak berfungsi dengan baik yang cahaya dari luar masuk. Pancaran ini mengganggu pesakit menerima rawatan terutama di sessi pagi.

7.8 Pintu masuk di E1 sering ada masaalah dengan ‘Sliding Door” yang kerap tidak berfungsi dengan baik yang kadang-kadang membuatkan masaalah untuk laluan masuk pesakit yang berkerusi roda.

7.9 Bilik rawatan Kanak-kanak sering dimasuk air hujan jika taburannya sangat lebat. Bumbung di EG perlu dinaik taraf supaya setiap kali hujan bilik rawatan tidak dibanjiri air.

UNIT FISIOTERAPI

1.0 PENGENALAN

Unit Fisioterapi di Hospital Melaka berusia lebih setengah abad telah memberi perkhidmatan yang terbaik dengan terbuktinya peningkatan beban kerja yang ketara, pengwujudan bidang pengkhususan berbagai disiplin serta penglibatan secara aktif di dalam program-program yang melibatkan cara hidup sihat dan rehabilitasi.

Unit Fisioterapi sentiasa komited di dalam mencapai Visi dan Misi Unit yang sejajar dengan Visi dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Hospital Melaka.

1.1 Objektif

- Memberi perkhidmatan Fisioterapi berjadual yang komprehensif, holistik dan terbukti berkesan (Clinical Effectiveness) dengan penggunaan Amalan Berdasarkan Bukti (Evidence-Based Practice) kepada pesakit luar dan di dalam wad berlandaskan Piawaian Amalan Fisioterapi.
- merangka program rehabilitasi yang bersesuaian dengan penggunaan teknologi dan kemahiran tinggi serta terkini untuk mencapai tahap berdikari yang tinggi selaras dengan ketidakupayaan yang dialami.
- Memperkembangkan perkhidmatan (expanded) Fisioterapi di semua disiplin perubatan dan menjangkau (extended) kesemua kelompok masyarakat bagi memastikan kualiti hidup yang lebih sihat berlandaskan skop 'Promotive, Preventive, Rehabilitative dan Curative'.
- Menyediakan program pembelajaran berterusan untuk setiap warga kerja unit selain memberi pengajaran klinikal kepada pelatih Fisioterapi, Kejururawatan, Penolong Pegawai Perubatan, Kedoktoran dan Guru Pendidikan Khas yang menjalani penempatan klinikal di unit ini.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Menyediakan perkhidmatan Fisioterapi yang komprehensif dan holistik kepada pesakit dalam dan pesakit luar di Unit Fisioterapi dengan penggunaan pelbagai modaliti perawatan berlandaskan Piawaian Amalan Fisioterapi.

2.1.1 Pain relief management
2.1.2 Exercise therapy
2.1.3 Manual therapy

2.1.4 Specialization Program:

2.1.4.1 Women & Men Health including Lympoedema management

2.1.4.2 Phototherapy

2.1.4.3 Cardiac Rehabilitation

2.1.4.4 Amputation Program

2.1.4.5 Geriatric Rehabilitation

2.1.4.6 Ergonomic & workstation consultation

2.1.4.7 Sport Injury Rehabilitation

2.1.4.8 Vestibular Rehabilitation

2.1.4.9 Chronic Pain Management

2.1.5 Chest Physiotherapy

2.2 Perkhidmatan Fisioterapi disediakan pada hari dan waktu - waktu seperti berikut:

2.2.1 Waktu tugas rasmi Isnin hingga Jumaat

a) 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

2.2.2 Hari cuti umum dan cuti biasa hujung minggu: "Scheduled Call" dijalankan di wad intensif seperti ICU/CCU/SCN/HDW.

3.0 SUMBER MANUSIA

3.1 Jumlah Perjawatan

JAWATAN/GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U44	1	1	0	**100%**
Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U41	2	2	0	**100%**
Jurupulih Perubatan Fisioterapi U38	1	1	0	**100%**
Jurupulih Perubatan Fisioterapi U36	2	2	0	**100%**
Jurupulih Perubatan Fisioterapi U32	3	3	0	**100%**
Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29	16	16	0	**100%**
Pembantu Tadbir N17	1	1	0	**100%**
Pembantu Perawatan Kesihatan KUP12/U11	5	5	0	**100%**
JUMLAH	**33**	**33**	**0**	**100%**

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Jadual Jumlah Pesakit dan Perawatan Fisioterapi Mengikut Bulan Tahun 2019

BULAN	BILANGAN PESAKIT		BILANGAN PERAWATAN	
	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR
JANUARI	1811	1584	10380	6574
FEBRUARI	2211	1184	10678	6423
MARCH	2582	1781	15072	8271
APRIL	2458	1535	14455	8417
MEI	1724	1352	9766	7927
JUN	1508	1214	10173	5688
JULAI	1832	1534	9591	8360
OGOS	2550	1451	14260	7935
SEPTEMBER	1790	1320	11411	7491
OKTOBER	1898	1529	11595	7815
NOVEMBER	1994	1478	12253	8293
DISEMBER	1686	1551	11357	5132
JUMLAH	**24044**	**17513**	**140991**	**88328**

4.2 Perbandingan Beban Kerja dari Tahun 2014 – 2018

TAHUN	BIL. PESAKIT	BIL.PERAWATAN
2014	44,484	274,185
2015	**48,983**	**292,610**
2016	**40,668**	**242,124**
2017	**41,941**	**210,116**
2018	**37256**	**191,006**
2019	**41557**	**229,319**

4.3 Perbandingan Beban Kerja dari Tahun 2014 – 2018

TAHUN	BIL. PESAKIT	BIL.PERAWATAN
2014	44,484	274,185
2015	**48,983**	**292,610**
2016	**40,668**	**242,124**
2017	**41,941**	**210,116**
2018	**37256**	**191,006**
2019	**41557**	**229,319**

5.0 AKTIVITI

6.1 Perkhidmatan Klinikal

6.1.1 Program Bersama Pesakit dan Penjaga

Unit Fisioterapi telah berjaya mengadakan 2 Program Bersama Pesakit. Program ini dijalankan secara berkumpulan bersama pesakit dan ahli keluarga pesakit. Program ini dapat dijadikan platform untuk komunikasi dua hala di antara Ahli Fisioterapi dan pesakit.

6.1.2 Memperkembangkan perkhidmatan (expanded) Fisioterapi di semua disiplin perubatan dan menjangkau (extended) kesemua kelompok masyarakat bagi memastikan kualiti hidup yang lebih sihat berlandaskan skop 'Promotive, Preventive, Rehabilitative dan Curative'. Berikut adalah statistik Perkhidmatan Pengkhususan Fisioterapi yang telah diadakan pada 2019:

BIL	KONDISI	JUMLAH PESAKIT
1	*Stroke*	985
2	*Lymphoedema*	107
3	Obesiti Kanak-Kanak	42
4	*Cardiac Rehab*	253
5	*Chronic Pain*	140
6	*Phototherapy*	1192
7	*Amputee Rehab*	330
8	*Vestibular Rehab*	88
9	*Pre-Op Physiotherapy*	67

6.1.3 Selaras dengan objektif Hospital Melaka untuk menyediakan rawatan kepakaran yang berkualiti kepada pesakit rawatan harian, Unit Fisioterapi giat memperkembangkan perkhidmatan (expanded) di beberapa disiplin perubatan dengan menganggotai Combine Clinic bersama kepakaran seperti berikut:

BIL	PAKAR	PROGRAM	KEKERAPAN
1	Pakar Perubatan Rehabilitasi	*Klinik Dysport*	1 x /2 bulan
		Klinik Amputation/ Cardiac Rehab	1 x /seminggu
		Inter Discipline Review	1 x /seminggu
2	Pakar Perubatan Sukan	*Klinik Sport*	1 x /seminggu
3	Pakar Bius	*Klinik General Anesthesia*	1 x /seminggu
4	Pakar Bius	*Program Chronic Pain*	6 bulan
5	Pakar Perubatan Geriatrik	*Home Visit*	1x/seminggu
		Multi Discipline Meeting	1x/seminggu

6.2 Bukan Klinikal

6.2.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti :

KPI *INDICATOR*	SASARAN	PENCAPAIAN
Timely response (within 10 days) by Physiotherapist to outpatient referrals	80%	81%
Timely response (within 24 hours) by Physiotherapist to inpatient referrals	100%	100%
Percentage of patients with waiting time of < 30 minutes to see Physiotherapist at the Physiotherapist Clinic	80%	100%
Incidence of burns sustained during delivery of electrotherapeutic modalities or thermal agents	0%	100%
Percentage of patients with backache who achieved the highest level of function within 24 visits (or 6 months period) in a single continuous episode of care	89%	93%

6.2.2 Aktiviti Peningkatan Kualiti : Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian ini adalah berbentuk diskriptif kualitatif, menggunakan teknik “self administer Questionaire”. Ianya dijalankan 2 kali setahun dan melibatkan 200 responden di kalangan pesakit luar di unit ini yang di ambil secara rawak. Kajian dilakukan pada Jun 2019 dan Oktober 2019.

Kesimpulannya, 65% telah bersetuju mengatakan perkhidmatan Fisioterapi yang diberikan adalah berkualiti SANGAT BAIK manakala 35% lagi memberi skor BAIK dan 5% memberi skor sederhana.

6.2.3 Latihan

a) Jadual Continous Medical Education (CME) Peringkat Negeri

PERKARA	SANGAT BAIK	BAIK	SEDERHANA	KURANG BAIK	TIDAK BAIK
Mutu perkhidmatan fisioterapi secara keseluruhan	**65 %**	**30%**	**5%**	**0%**	**0%**

6.0 ISU DAN CABARAN

6.1 Sumber Manusia

Dengan pertambahan permintaan Pakar Perubatan untuk perkhidmatan Fisioterapi, penambahan jawatan lebih tinggi Jurupulih Perubatan Fisioterapi gred U32, U36 dan U38 amat diperlukan. Sementara, jawatan baru Jurupulih Perubatan Fisioterapi U40 dan Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U48 perlu diwujudkan bagi memastikan pengkhususan perkhidmatan Fisioterapi dapat diteruskan dengan cemerlang.

Perkhidmatan Rehabilitasi Perubatan yang berkembang di dalam pelbagai kondisi seperti Rehabilitasi Jantung, Rehabilitasi Spinal, Rehabilitasi Amputasi dan Rehabilitasi Neurologi sangat memerlukan jawatan gred yang lebih tinggi yang berupaya untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan holistik.

BIL	CME	WAKTU	PENCAPAIAN
1	CME bagi Fisioterapi Peringkat Negeri Melaka	3.00 – 5.00 petang Setiap Jumaat Minggu ke-4	8 kali diadakan

6.2 Peralatan

Aset perubatan sedia ada yang kebanyakannya berusia melebihi 10 tahun memerlukan penukaran/gantian. Beberapa aset baru yang berteknologi tinggi telah dikenalpasti bagi membantu perawatan yang lebih efisien dan berkualiti seperti Pneumatic Pump Ambulatory Mobility bagi kegunaan latihan berjalan pesakit Amputasi lutut.

7.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, Unit Fisioterapi Hospital Melaka telah berjaya mencapai matlamat yang dirancang dengan jayanya. Pelbagai usaha masih giat diteruskan bagi meningkatkan ke arah memastikan kualiti hidup pesakit yang lebih baik.

Penekanan kepada budaya kerja berpasukan dan cemerlang terus diterapkan. Pengetahuan dan kemahiran baru digapai melalui pembelajaran berterusan.

Selain itu, aspek insani dan kerohanian terus diamalkan secara menyeluruh malalui konsep penyayang agar perkhidmatan yang diberi sejajar dengan wawasan Kementerian Kesihatan Malaysia.

8.0 KESIMPULAN

Dengan perancangan yang teliti dan teratur, semangat kerjasama berpasukan, komitmen dan dedikasi dari semua anggota dan juga sokongan dan keterbukaan pihak Pengurusan, Unit Fisioterapi Hospital Melaka akan terus menyerlah dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang serta menepati citarasa kepuasan pelanggan

DIREKTORAT

SOKONGAN BUKAN KLINIKAL

JABATAN FARMASI

1.0 PENGENALAN

Unit Sumber Manusia merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Perkhidmatan, Perjawatan, Latihan dan Kompetensi, Tatatertib dan HRMIS di Hospital Melaka. Unit ini membantu pengurusan tertinggi dalam membuat keputusan yang berkesan ke arah pencapaian objektif Hospital Melaka dengan memberi perkhidmatan yang tepat selaras dengan Perintah Am dan Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa. Objektif unit ini adalah untuk menguruskan keperluan sumber manusia di Hospital Melaka dengan melaksanakan semua hal merangkumi perkhidmatan, perjawatan, latihan dan kompetensi, tatatertib dan HRMIS kepada anggota-anggota hospital secara efektif dan efisyen.

Objektif jabatan ini adalah :

1. Memastikan perolehan ubat dan bukan ubat dilakukan dengan cermat dan mematuhi Tatacara Pengurusan Stor terkini.

2. Memastikan pesakit mendapat bekalan ubat yang betul, mencukupi dan berkualiti dalam masa seperti yang dinyatakan dalam piagam pelanggan.

3. Memastikan pesakit mendapat nasihat pengambilan atau penggunaan ubat yang betul.

4. Memastikan ubat dibekalkan dalam bekas yang sesuai untuk menjamin kestabilan dan keberkesanannya serta dilabel dengan betul dan jelas.

5. Melibatkan diri dan menyumbang dalam rondaan wad serta memastikan penggunaan ubat adalah rasional.

6. Memastikan kesan advers dan alahan ubat dilaporkan dan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

7. Memastikan stok ubat-ubat disimpan mengikut keperluan penstoran yang ditetapkan dan rekod-rekod diselenggara mengikut keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan semasa.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Jabatan Farmasi dan Bekalan terbahagi kepada dua iaitu Perkhidmatan Farmasi Am dan Perkhidmatan Farmasi Klinikal.

Perkhidmatan Farmasi Am

Perkhidmatan ini meliputi Unit Farmasi Klinik Pakar dan Farmasi Logistik di mana ia berfungsi untuk memberikan perkhidmatan dengan menjalankan perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat-ubatan, alat kelengkapan perubatan dan aset untuk Hospital Melaka serta mendispens ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di klinik-klinik pakar Hospital Melaka dan pesakit discaj dari wad-wad di Hospital Melaka.

Perkhidmatan Farmasi Klinikal

Perkhidmatan Farmasi Klinikal harus menyumbang ke arah kejayaan terapeutik dan rawatan yang "cost-effective" dan selamat. Pegawai farmasi menggunakan pengetahuan dalam penggunaan ubat-ubat untuk pesakit dalam di wad secara proaktif dan melibatkan diri dalam rondaan farmakoterapi bersama pakar atau pegawai perubatan.

Perkhidmatan ini juga meliputi aktiviti-aktiviti pembekalan ubat-ubatan dan prabungkus seperti sediaan oral (internal), krim, salap serta losyen ke unit-unit lain seperti Farmasi Klinik Pakar, Farmasi Pesakit Dalam serta klinik-klinik kesihatan dan hospital lain dalam Negeri Melaka; perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal; penyediaan sediaan steril seperti rekonstitusi ubat sitotoksik, larutan nutrisi parenteral, sediaan iv admikstur dan ubat titis mata; pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam dan memberikan maklumat ubat dan racun.

Secara keseluruhan, skop perkhidmatan Jabatan Farmasi Hospital Melaka meliputi:

1. Perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat-ubatan, bukan ubat, reagen dan gas perubatan di Hospital Melaka.
2. Pembekalan dan penyediaan ubat-ubatan campuran, losyen, salap, krim, ubat mata, telinga dan hidung mengikut tatacara tertentu dan amalan pengilangan yang baik. (Practices for the Preparation of Medicines Products in Healthcare Establishment; PE 010-4; 1st March 2014 dan Guides to the Development of Sterile Pharmaceutical Preparations Facilities; Pharmaceutical Services Division; March 2010).

3. Memberi perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit luar, pesakit discaj dan pesakit dalam.
4. Memberi perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (VAS) bagi preskripsi susulan.
5. Memberi perkhidmatan maklumat ubat-ubatan.
6. Memberi perkhimatan kaunseling dan pemantauan pesakit di klinik pakar.
7. Memberi perkhidmatan Medication Therapy Adherence Clinic(MTAC).
8. Menyediakan perkhidmatan farmasi klinikal.
9. Memberi perkhidmatan Nutrisi Parenteral (TPN).
10. Memberi perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (TDM)
11. Memberi perkhidmatan rekonstitusi ubat sitotoksik (CDR).
12. Memberi perkhidmatan rawatan terapi gantian methadone (RTGM).

3.0 SUMBER MANUSIA

Jadual berikut menunjukkan bilangan jawatan sediada, jawatan diisi dan jawatan kosong di Jabatan Farmasi, Hospital Melaka.

Bil.	Jawatan	Jawatan Sediada	Jawatan Diisi	Jawatan Kosong
			Fleksi	
1	Pegawai Farmasi U54	100	6	15
2	Pegawai Farmasi U52		6	
3	Pegawai Farmasi U48		23	
4	Pegawai Farmasi U44		33	
5	Pegawai Farmasi U41		17	
6	Penolong Pegawai Farmasi U40	1	0	1
7	Penolong Pegawai Farmasi U38	2	0	2
8	Penolong Pegawai Farmasi U36	2	2	0
9	Penolong Pegawai Farmasi U32	6	6	0
10	Penolong Pegawai Farmasi U29	31	30	1
11	Pen. Pegawai Tadbir N32 (Stor)	1	0	1
12	Pen. Pegawai Tadbir N29/(P/O)	2	1	1
13	Pembantu Tadbir N26 (Stor)	1	1	0
14	Pembantu Tadbir N22 (Stor)	2	2	0
15	Pembantu Tadbir N19 (Stor)	11	11	0
16	Pembantu Tadbir N19 (P/O)	2	1	1
17	Pekerja Rendah Awam H14	1	1	0
18	Pekerja Rendah Awam H11	8	8	0
19	Pembantu Perawatan Kesihatan U14	1	1	0
20	Pembantu Perawatan Kesihatan U12	1	1	0
21	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	11	8	3
Jumlah		183	158	25

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Unit Farmasi Klinik Pakar (Farmasi Klinik Pakar dan Farmasi Satelit 5)

4.1.1 Aktiviti Pendispensan di kaunter Farmasi Klinik Pakar

Jadual 1 menunjukkan perbandingan bilangan preskripsi pada tahun 2017 hingga 2019. Terdapat penurunan sebanyak hampir 4.2% dalam bilangan preskripsi yang diterima pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Pengurangan jumlah preskripsi mungkin berpunca daripada kerosakan QMS yang berlaku di Satelit 5 menyebabkan bukan semua preskripsi direkodkan ketika itu.

BILANGAN PRESKRIPSI	TAHUN 2017	TAHUN 2018	TAHUN 2019
FKP Utama	351,791	367,705	334,054
FKP Satelit 5	95,337	113,466	126,912
JUMLAH	447,128	481,171	460,966

Jadual 8.1.1: Bilangan Preskripsi diterima pada tahun 2017-2019

4.1.2 Perkhidmatan Farmasi Tambah Nilai (PHAS-Vas)

Jadual 2 menunjukkan pada tahun 2019, Farmasi Tambah Nilai Hospital Melaka telah mencapai sasaran KKM dan BPFM. Di peringkat BPFM, sejumlah 72,751 pendispensan susulan secara PHAS-Vas telah dilakukan. Manakala sasaran di peringkat KKM pula, sebanyak 61.25% telah dicapai berbanding sasaran KKM 16-20%.

PERKHIDMATAN FARMASI TAMBAH NILAI	TAHUN	
	2018	2019
Pandu Lalu	7,551	16,385
UMP 1 Malaysia	1,447	3,691
Locker4U (Jan 2018)	487	1,156
Kad Temujanji	3,821	7,928
MTAC	1,490	5,486
Letak & Ambil Kemudian	2,911	7,280
SPUB	19,225	30,616
Myhome (Jan 2019)	-	209
Jumlah Preskripsi PhAS-VAS (45,000)	36,445	72,751
Jumlah Preskripsi Susulan	86,361	118,799
% PhAS-VAS / Preskripsi Susulan	42.20%	61.25%

Jadual 8.1.2: Pencapaian Farmasi Tambah Nilai

(Sasaran KKM: 16-20%, Sasaran BPFM: 45,000 pendispensan)

4.1.3 Kaunseling Farmasi Pesakit Luar

TAHUN	2017	2018	2019
FKP dan Satelit 5	7231	7034	8607
MTAC	491	336	377
JUMLAH	7722	7370	8984

Jadual 8.1.3: Pencapaian Kaunseling Farmasi Pesakit Luar (FPL)

Pada tahun 2019, sebanyak 8607 kaunseling telah dijalankan di Farmasi Klinik Pakar (Utama dan Satelit 5). Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 21.9% berbanding jumlah kaunseling yang dijalankan pada tahun 2018 dan jumlah kaunseling ini jauh melebihi sasaran yang ditetapkan pada awal tahun 2019 iaitu sebanyak 8100.
Pada tahun 2019, kaunseling yang dijalankan di Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) juga direkodkan dan dimasukkan ke dalam jumlah kaunseling yang dijalankan bagi pesakit di ambulatori.

4.1.4 Program Perkhidmatan Kualiti

4.1.4.1 Laporan Key Performance Indicator (KPI)

Pencapaian masa menunggu Farmasi Pesakit Luar adalah Key Performance Indicator (KPI) yang dihantar setiap bulan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Melaka. Sasaran KPI tersebut adalah 95% preskripsi perlu didispens dalam tempoh masa 30 minit atau kurang. Secara keseluruhannya pada tahun 2019, masa menunggu Farmasi Pesakit Luar telah dicapai adalah 90.62% iaitu kurang dari sasaran yang ditetapkan.

4.1.4.2 Laporan QAP

TAHUN	2017	2018	2019
Bilangan Preskripsi	447,128	481,168	460,966
Bilangan Kesilapan	612	78	22
% Med Error	0.137%	0.016%	0.004%

Jadual 8.1.4: Pencapaian QAP Tahun 2019

Laporan QAP 1 merujuk kepada peratus preskripsi yang diisi salah dan dikenalpasti sebelum didispens kepada pesakit. Terdapat penurunan dari bilangan kesilapan yang dilakukan pada tahun 2019.Terdapat penurunan sebanyak 25%, ini adalah kerana bermula tahun 2019, unit Farmasi Pesakit Luar telah menjalankan proses Semak Ulang (counterchecking) untuk semua preskripsi dan kesilapan pengubatan dapat dikenalpasti sebelum ubat diberi kepada pesakit.

4.1.4.3 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan dengan menggunakan kaedah SERVQUAL telah dijalankan di FKP dan Farmasi Satelit 5 pada 14 Oktober – 18 Oktober 2019. Sebanyak 300 borang kajian telah diedarkan kepada pelanggan di Jabatan Farmasi dan 292 borang kajian yang dapat dikumpulkan semula dengan lengkap. Hasil Kajian mendapati seramai 95.8% pesakit berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Jabatan Farmasi akan sentiasa menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa

4.1.5 Masalah yang dihadapi

4.1.5.1 Penurunan waktu menunggu di Farmasi Pesakit Luar (FPL)

Waktu menunggu di Farmasi Pesakit Luar telah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tempoh sepuluh bulan bagi tahun 2019. Masalah yang dikenal pasti ialah anggota farmasi yang berkhidmat tidak mencapai sasaran anggota yang mencukupi. Selain itu, proses kerja seperti preskripsi yang memerlukan rekod khas, ubat psikotropik memanjangkan waktu menunggu pesakit.

4.1.5.2 Stor ubat-ubatan dan ruang kerja Farmasi Klinik Pakar

Ruang penyimpanan ubat-ubatan kegunaan FKP terhad dan penyimpanan ubat-ubatan tidak dapat disusun sepenuhnya mengikut amalan penstoran yang baik.

Amalan EKSA dipupuk di kalangan kakitangan Jabatan Farmasi untuk memastikan ruang kerja sedia ada digunakan secara optimum dan kekemasan dan kebersihan ruangan kerja dijaga baik.

FKP kini membuat perancangan untuk memurnikan cara perekodan ubat-ubat terkawal agar proses kerja dapat dipercepatkan.

4.1.6 Cadangan Masa Hadapan

1. Memperkasa peranan ‘manager’ harian bagi memastikan setiap isu dalam mencapai sasaran 30 minit masa menunggu pesakit menerima ubat dapat dicapai.
2. Membuat pemurnian kaedah dan lokasi ubat berekod bagi melancarkan proses pengisian sekaligus mempercepatkan masa menunggu ubat bagi pesakit/waris.

4.2 Unit Farmasi Logistik

4.2.1 Nilai Perolehan yang dikendalikan

Bil	Perkara	Nilai (RM)
1	Nilai stok diterima	93,034,077.80
2	Bilangan perkara diterima	17,230
3	Nilai perkara dibekal	91,126,662.28
4	Bilangan perkara dibekal	33,507
5	Nilai stok pada akhir 2019	10,277,682.19

4.2.2 Stok dikendalikan oleh stor

Bil	Butiran pembelian	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perolehan (RM)	Peratus perolehan (%)
1.	Ubat-ubatan	55,912,106.93	55,895,866.03	99.97%
1.	Vaksin	132,050	131,984.18	99.95%
1.	Bahan pakai buang	23,939,769.64	23,937,113.33	99.99%
1.	Reagen	11,314,315.20	11,110,872.61	98.2%
1.	Gas Perubatan	1,155,416.69	1,037,513.02	89.79%
1.	Filem X-ray	749,858.66	749,858.66	100.00%
1.	Alat perubatan pesara	4,036,000	4,036,000	100%

4.2.3 Pemantauan Tarikh Luput dan Item Lambat Bergerak

Pegawai Farmasi y/m ubat terlibat dalam mesyuarat Task Force Pelupusan setiap 2 bulan bagi pemantauan tarikh luput ubat di Jabatan Farmasi secara keseluruhan. Untuk tahun 2019, tiada ubat luput yang dilaporkan. Edaran surat ubat lambat/bergerak dan hampir tarikh luput ke fasiliti-fasiliti KKM yang lain dilakukan sebanyak enam kali di dalam tahun 2019. Untuk bukan ubat, edaran surat item lambat bergerak dan hampir tarikh luput dilakukan sebanyak enam kali untuk tahun 2019. Pemantauan tarikh luput ubat juga dilakukan di bahagian penerimaan.

Selain itu, carta alir bagi mengendalikan ubat yang telah diberhentikan di Hospital Melaka juga telah diwujudkan sebagai salah satu prosedur kerja. Ini adalah bagi memastikan stok yang telah diberhentikan diuruskan dengan betul dan tiada lagi pembelian dilakukan pada masa akan datang.

4.2.4 Pemantauan tanggungan bagi ubat, bukan ubat, reagen dan aset perubatan

Pemantauan setiap Pesanan Tempatan yang dikeluarkan dengan meneliti status setiap pesanan yang dikeluarkan bagi memastikan bekalan yang berterusan. Mesyuarat tanggungan telah diadakan sebanyak 12 kali sepanjang tahun 2019, iaitu sekali sebulan

4.3 Unit Farmasi Wad

4.3.1 Rondaan wad termasuk Grand Ward Rounds

Perkhidmatan Farmasi Wad di Hospital Melaka telah bermula sejak tahun 2006. Wad yang terlibat termasuklah wad medikal, wad rawatan rapi, wad pediatrik, wad kecemasan dan trauma, wad pembedahan dan perkhidmatan kesakitan kronik. Pada tahun 2019, perkhidmatan farmasi wad telah diperluaskan ke wad NICU serta satu wad ortopedik (D3) dan satu lagi wad pembedahan (1-1). Ini membawa kepada sejumlah 20 pegawai farmasi yang bertugas di 19 wad serta perkhidmatan kesakitan kronik.

Bil	Aktiviti	2014	2015	2016	2017	2018	2019
1	Rondaan wad (ward rounds) termasuk grand rounds	2991	3101	2741	3269	3559	4031
2	Rondaan farmakoterapi farmasi (Pegawai Farmasi)	25	17	21	24	47	48
3	Pharmacists Discussion Session	22	12	24	23	22	24


4.3.2 Permonitoran Pesakit

Sejarah pengubatan pesakit di wad diambil dengan menggunakan borang CP1. Jadual di bawah menunjukkan aktiviti dan pencapaian bagi sepuluh tahun berturut-turut. Terdapat peningkatan bagi bilangan CP1 yang diambil, iaitu meningkat sebanyak 6.8% untuk tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. Pesakit di wad dimonitor dengan menggunakan borang CP2. Terdapat peningkatan jumlah bilangan CP2 sebanyak 20.6% untuk tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. Bilangan pesakit di 'review' meningkat sebanyak 21.0% untuk tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. Pada tahun 2019 juga seramai 34 orang PRP telah menjalani latihan sangkutan di unit ini.

Bil	Aktiviti	2014	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bilangan CP1	9751	11501	11504	11169	11643	12434
2	Bilangan pesakit di 'clerk'	5763	5040	5260	9363	9343	10798
3	Bilangan pesakit di 'review'	7681	2382	2271	944	30059	36355
4	Latihan farmasi wad bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP)	26 orang	30 orang	33 orang	27 orang	45 orang	34 orang


4.3.3 Intervensi ubat

Rajah di bawah menunjukkan perbandingan bilangan intervensi di antara tahun 2013 sehingga 2019. Berbanding tahun 2018, jumlah intervensi yang dibuat meningkat sebanyak 15. 3%, iaitu daripada 13964 intervensi pada tahun 2018 kepada 16097 intervensi pada tahun 2019.



4.3.4 Pengendalian maklumat ubat-ubatan di wad


Rajah di bawah menunjukkan maklumat ubat-ubatan yang dikendali oleh Pegawai Farmasi Wad pada tahun 2019. Di antara maklumat ubat-ubatan yang diperlukan, dos ubat merupakan soalan yang paling banyak ditanya oleh doktor. Ia telah menyumbang sebanyak 53% (1074 kes) diikuti oleh maklumat produk umum, 16% (320 kes). Jumlah maklumat ubat-ubatan yang dikendali adalah sebanyak 2006.



4.3.5 Kaunseling Pesakit

Khidmat kaunseling pesakit dalam turut dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad. Pesakit dalam yang memerlukan khidmat kaunseling akan dirujuk kepada Pegawai Farmasi oleh Pegawai Perubatan dengan menggunakan borang kaunseling khas. Kaunseling juga turut diberikan kepada pesakit yang dikenalpasti mengalami masalah komplian terhadap ubat-ubatan dan yang memerlukan penilaian teknik peralatan perubatan. Berikut ialah statistik perkhidmatan kaunseling pesakit dalam yang dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad sahaja. Sebanyak 6891 kaunseling telah diberikan pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 19.5% berbanding tahun 2018. CP4 akan dibuat bagi pesakit discaj yang memerlukan kaunseling susulan di inter- atau intra-fasiliti. Jumlah CP4 yang dibuat pada tahun 2019 adalah sebanyak 195.

Bilangan Kaunseling Tahun 2013 - 2019



4.3.6 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Pegawai Farmasi Wad telah diadakan pada bulan Julai 2019 selama 2 minggu yang melibatkan 169 responden. Kajian ini menggunakan versi SERVQUAL dan secara keseluruhannya, peratus responden berpuashati adalah baik iaitu sebanyak 96.4%.

4.3.7 Pemeriksaan Wad

Pemeriksaan wad dimulakan pada tahun 2016 di wad-wad yang mempunyai Pegawai Farmasi Wad sepenuh masa. Tujuan pemeriksaan diadakan adalah untuk memeriksa stok ubat secara rawak dan memastikan tiada ubat yang luput dan jumlah ubat tidak melebihi stok maksima. Sasaran tahunan adalah sebanyak sekali sebulan (kecuali pada bulan di mana aktiviti pemeriksaan wad dijadualkan oleh pihak unit Farmasi Bekalan Wad) bagi setiap wad yang terlibat mulai Mac 2016. Pada tahun 2019, sebanyak 169 kali pemeriksaan wad telah dilakukan.

4.4 Unit Farmasi 'Medication Therapy Adherence Clinic' (MTAC)

Pada tahun 2019, terdapat 12 MTAC yang aktif di Hospital Melaka iaitu MTAC Diabetes, Respiratori (Dewasa), Respiratori (Pediatrik), Antikoagulan, Retroviral Disease (RVD) (Dewasa), RVD (Pediatrik), Talessemia, Cardiac Rehabilitation Programme (CRP), Hepatitis, Nefrologi (CKD) dan Hemofilia (Dewasa).

4.4.1 Bilangan kaunseling MTAC 2019

Bilangan MTAC kaunseling (Pre: Post)

TAHUN	2019	
	PRE	POST
DIABETES	67	155
RESPIRATORI (DEWASA)	30	90
RESPIROTORI (PEDIATRIK)	78	95
ANTIKOAGULAN	161	3956
RETROVIRAL DISEASE (DEWASA)	87	171
RETROVIRAL DISEASE (PADIATRIK)	0	44
TALASEMIA	5	41
CARDIAC REHABILITATION PROGRAM (CRP)	46	72
HEPATITIS	38	95
NEFROLOGI (CKD)	72	346
HEMOFILIA (DEWASA)	2	201
KAUNSELING (BELUM DIRECRUIT DALAM MTAC)*	377	

** Merangkumi semua MTAC displin.*

4.5 Unit Farmasi Pengeluaran dan Makmal Steril


Farmasi Pengeluaran bertanggungjawab menyediakan sediaan ubat bukan steril dalam bentuk internal dan eksternal, ubat titis hidung dan ubat titis telinga yang tiada dalam pasaran untuk kegunaan Hospital Melaka, Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan klinik kesihatan di Negeri Melaka. Semua persediaan yang dihasilkan adalah mengikut Garis Panduan Amalan Penyediaan Baik (Good Preparation Practice) bagi memastikan kestabilan dan keselamatan ubat tersebut.

4.5.1 Penyediaan oral mixture

Pada tahun 2019, jumlah oral mixture sebanyak 4885.55 L telah disediakan dan pembungkusan semula oral mixture adalah 11956 unit.

Perbandingan antara persediaan oral mixture dari tahun 2017 sehingga 2019 adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH PERSEDIAAN (L)			JUMLAH PRABUNGKUS (UNIT)		
Tahun	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Oral Mixture	13731	4595.2	4885.55	23231	10808	11956




4.5.2 Penyediaan cream/ ointment

Pada tahun 2019, jumlah cream/ointment sebanyak 6952 kg telah disediakan dan pembungkusan semula cream/ointment adalah 142348 botol.

Perbandingan antara persediaan cream/ointment dari tahun 2017 sehingga 2019 adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH PERSEDIAAN (KG)			JUMLAH PRABUNGKUS (UNIT)		
Tahun	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Cream/ointment	7101	6377	6952	102458	116059	142348




4.5.3 Penyediaan lotion

Pada tahun 2019, sebanyak 12559.78 L lotion telah disediakan, manakala pembungkusan semula lotion adalah sebanyak 51771 unit.

Perbandingan antara persediaan lotion dari tahun 2017 sehingga 2019 adalah seperti berikut:


PERKARA	JUMLAH PERSEDIAAN (L)			JUMLAH PRABUNGKUS (BOTOL)		
Tahun	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Lotion	14842	13539	12559.78	59605	64904	51771



4.5.4 Penyediaan sediaan aseptik (ubat titis telinga/hidung/ dll)


Pada tahun 2019, jumlah persediaan aseptik (ubat titis telinga/ hidung/ dll) adalah sebanyak 19475 unit

Perbandingan antara persediaan aseptik dari tahun 2017 sehingga 2019 adalah seperti berikut:




4.5.5 Pembungkusan ubat garam

Pada tahun 2019, jumlah pembungkusan ubat garam (Sodium Chloride, Sodium bicarbonate, Sodium dihydrogen phosphate) yang telah diprabungkus dalam bentuk unit dos adalah 16460 paket. Perbandingan jumlah prabungkus dengan tahun yang sebelumnya adalah seperti berikut.




4.6 Sediaan Nutrisi Parenteral (TPN)


4.6.1 Penyediaan larutan nutrisi parenteral (TPN)




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan kes TPN pada tahun 2019.




Graf di atas menunjukkan perbandingan jumlah kes yang disedia bagi tahun 2018 dan 2019.




Graf di atas menunjukkan taburan pesakit yang dimonitor pada tahun 2019.




Graf di atas pula menunjukkan perbandingan jumlah kes yang dimonitor bagi tahun 2018 & 2019.




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan standard PN pada tahun 2019.




Graf di atas menunjukkan perbandingan jumlah persediaan standard PN yang dibuat bagi tahun 2018 & 2019.




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan lipid emulsion pada tahun 2019.




Graf di atas menunjukkan taburan penyediaan IV Admixtur pada tahun 2019



Graf di atas menunjukkan perbandingan persediaan IV admixtur bagi tahun 2018 dan 2019.



Graf di atas menunjukkan taburan persediaan ubat titis mata pada tahun 2019.




Graf di atas menunjukkan perbandingan persediaan ubat titis mata bagi tahun 2018 dan 2019. Peningkatan ubat mata ceftazidime dan ampho B disebabkan oleh penukaran janka masa tarikh luput dari 2 minggu kepada seminggu. Penukaran in adalah berdasarkan McElhiney, Linda F. Compounding Guide For Ophthalmic Preparations. Washington, D.C.: American Pharmacists Association, 2013.

4.7 Unit Farmasi Onkologi

4.7.1 Rekonstitusi ubat sitotoksik

Sebanyak 559 kes onkologi/hematologi telah dirawat di Hospital Melaka berdasarkan rekod unit ini pada tahun 2019. Sebanyak 10,015 sediaan telah disediakan dan dibekalkan kepada pesakit samada di wad atau di pusat rawatan harian.



Graf di atas menunjukkan bilangan sediaan ubat sitotoksik dan bilangan pesakit dari tahun 2014 sehingga tahun 2019.

Bil.	Jenis kes	Bilangan Kes
1.	Acute lymphoblastic leukemia	8
2.	Acute myeloid leukemia	16
3.	Breast cancer	175
4.	Cervical cancer	11
5.	Colon cancer	45
6.	Gastric cancer	10
7.	Gestational trophoblastic disease	3
8.	Head and neck cancer	9
9.	Hodgkin Lymphoma	18
10.	Lung cancer	28
11.	Multiple myeloma	11
12.	Nasopharyngeal cancer	16
13.	Non-Hodgkin lyphoma	51
14.	Ovarian cancer	35
15.	Periampullary carcinoma	5
16.	Rectal cancer	30
17.	SLE & Autoimmune Dx	26
18.	Urogenital cancer	7
19.	Uterine/endometrium cancer	14
20.	Others	41
	JUMLAH	**559**

Jadual di atas menunjukkan jenis kes onkologi di Hospital Melaka pada tahun 2019

4.7.2 Kaunseling pre-chemoterapy


Unit CDR Farmasi juga menjalankan perkhidmatan kaunseling untuk pesakit kanser yang menerima rawatan kemoterapi di Hospital Melaka. Melalui perkhidmatan ini, pesakit kanser akan diberi kaunseling tentang rawatan kemoterapi dan kesan-kesan sampingan serta cara mengatasinya. Komplian pesakit juga dititikberatkan sewaktu sesi kaunseling diberikan. Jumlah kaunseling pre-kemoterapi yang dibuat pada tahun 2019 adalah 665 kes, manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 565 kes.

4.8 Unit Farmasi Farmakokinetik Klinikal/Therapeutic Drug Monitoring (TDM)


4.8.1 Analisa sampel

Unit Farmakokinetik Klinikal telah beroperasi secara laboratoy-based bermula Julai 2017. Semua sampel adalah dianlisa oleh Unit Biokimia, Jabatan Patologi dengan menggunakan mesin Viva Pro-E dan ADVIA Centaur Siemens yang diperolehi secara kontrak reagent-rental. Jumlah sampel yang telah dianalisa adalah sebanyak 4894 sampel. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 4.7% berbanding dengan 5137 sampel yang diterima pada tahun 2018 (rujuk Rajah 8.1.1 dan Rajah 8.1.2). Sampel yang paling banyak dianalisa adalah Vancomycin (2170 sampel, 44.3%), manakala sampel yang paling sedikit dianalisa adalah Theophylline (17 sampel, 0.3%) (rujuk Jadual 8.1.5).


Indikasi penghantaran sampel untuk dianalisa merangkumi permonitoran terapeutik, kes toksisiti, poor response dan non-compliance. Bagi tahun 2019, kebanyakan indikasi untuk pemantauan TDM adalah untuk tujuan permonitoran terapeutik (4131 sampel, 85.0%), diikuti oleh kes-kes toksisiti (739 sampel, 15.0%), non-compliance (20 sampel) dan poor response (4 sampel) (rujuk Rajah 8.1.3).



Rajah 8.1.1 : Bilangan *assay* yang dianalisa mengikut bulan untuk tahun 2016 hingga 2019




Rajah 8.1.2 : Perbandingan sampel yang diterima dari tahun 2007 hingga 2019.



Perbandingan sampel yang diterima dari tahun 2007 hingga 2019.

Bil	Jenis *Assay*	2016	2017	2018	2019
1	Vancomycin	1872	1751	2189	2170
2	Amikacin	279	434	505	440
3	Gentamicin	324	185	267	166
4	Sodium valproate	1514	936	947	760
5	Phenytoin	712	479	399	343
6	Carbamazepine	278	184	189	117
7	Phenobarbitone	66	57	43	46
8	Digoxin	256	253	144	86
9	Theophylline	117	54	37	17
10	Acetaminophen	203	170	253	421
11	Salicylate	66	54	88	269
12	Methotrexate	191	141	82	59
Jumlah		**5878**	**4698**	**5137**	**4894**

Jadual 8.1.5: Perbandingan jumlah sampel yang dimonitor mengikut jenis assay dari tahun 2016 hingga 2019.



Rajah 8.1.3 : Peratusan sampel yang dianalisa mengikut indikasi bagi tahun 2019

4.8.2 Pengiraan parameter farmakokinetik dan pengubahsuaian dos


Pengiraan berdasarkan paras serum dilakukan untuk tujuan syor terapi ubat. Ini merangkumi parameter farmakokinetik seperti Ke (rate of elimination), t½ (masa separuh hayat), Vd (volume of distribution), Cl (clearance), CrCl (creatinine clearance), Cmin (minimum concentration) dan Cmax (maximum concentration). Nilai-nilai ini akan digunakan untuk pengubahsuaian dos sekiranya perlu.

4.8.3 Syor terapi ubat

Syor terapi ubat dilakukan dengan mengambil kira paras serum yang diperolehi, parameter farmakokinetik serta keadaan klinikal semasa pesakit. Rekomendasi yang diberikan meliputi penambahan atau pengurangan dos, perubahan frekuensi ubat, pemberhentian sementara (withhold), pengekalan regimen sama atau pemberhentian penggunaan sesuatu ubat. Sekiranya berkenaan, saranan untuk mengulang semula pengsampelan juga akan dilakukan bagi mengoptimakan terapi pesakit dan mengelakkan kemungkinan berlakunya paras serum melebihi julat normal yang mungkin memudaratkan pesakit.

Semua sampel yang dihantar semasa waktu bekerja akan dilakukan rekomendasi. Bagi sampel yang dihantar selepas waktu bekerja, hanya kes-kes dari wad kritikal (ICU Mawar, ICU Orkid, CCU, SCN/NICU, PICU dan wad HDW), kes toksisiti (termasuk kes untuk permonitoran Methotrexate post-48 hours/ post-72 hours), kes yang memerlukan cadangan loading dose, pesakit yang telah diberi loading dose (post-loading) dan juga kes-kes di kalangan pesakit ESRF yang akan diberi keutamaan. Bagi sampel yang tidak memenuhi krieria, rekomendasi akan dilakukan pada keesokan hari.

Pada tahun 2019, sebanyak 2054 sampel diterima selepas waktu pejabat, berbanding 2064 sampel pada tahun 2017. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.4% (Rujuk Rajah 8.1.4).



Rajah 8.1.4 : Bilangan assay yang dianalisa selepas waktu pejabat mengikut bulan untuk tahun 2016 hingga 2019.

4.8.4 Pemantauan pesakit

Pemantauan pesakit dilakukan ke atas semua pesakit di wad yang telah menghantar analisa paras serum. Ini membolehkan perkembangan klinikal pesakit dimonitor dan memastikan sampel ulangan (sekiranya perlu) dihantar mematuhi masa pengsampelan yang betul.

4.9 Unit Farmasi Bekalan Wad

4.9.1 Bilangan preskripsi/Inden

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 489,801 preskripsi dan 1,535,244 item telah didispens melalui sistem Unit Dos berbanding 369,772 preskripsi dan 1,904,085 item pada tahun 2018. Ini menunjukkan terdapat peningkatan bilangan preskripsi sebanyak 32.5% dan penurunanan bilangan item sebanyak 19.4%.

Pembekalan ubat melalui sistem tradisional pula menunjukkan penurunanan bilangan inden sebanyak 14.5% dan peningkatan bilangan item sebanyak 1.58% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Perkara			2018	2019
Ubat	Preskripsi	Sistem Unit Dos	369,772	489,801
		Item	1,904,085	1,535,244
	Inden		19,563	16725
	Item		139,857	142067

4.9.2 Pemeriksaan wad

Pemeriksaan wad adalah salah satu daripada aktiviti yang dilakukan bagi memastikan bekalan ubat di wad/unit tersebut mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Di samping itu, pemeriksaan wad juga memastikan bekalan ubat disimpan, diguna dan direkod dengan betul, khususnya untuk dadah berbahaya dan ubat yang tersenarai dalam senarai 'after office hours' (AOH). Kekerapan pemeriksaan wad adalah bergantung kepada gred yang diberikan seperti berikut:

Pada tahun 2019, sebanyak 213 pemeriksaan wad telah dijalankan. Berikut adalah jadual yang menunjukan jumlah wad yang mendapat gred A,B,C dan D pada tahun 2018 dan 2019.

GRED	2018	2019
GRED A (90-100%) : setiap 3 bulan	191	165
GRED B (80-89%) : setiap 3 bulan	22	47
GRED C (70-79%) : setiap 2 bulan	2	0
GRED D (60-69%) : setiap bulan	1	1
GRED E (<59%) : setiap bulan	0	0
JUMLAH	216	213

4.9.3 Pendispensan Discaj Pesakit Dalam (Bedside Dispensing)

Perkhidmatan ini telah dimulakan pada Mac 2007 bertujuan untuk memudahkan pesakit-pesakit yang keluar dari wad mendapat bekalan ubat dan khidmat kaunseling daripada Pegawai Farmasi. Ini juga bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu di FKP. Berikut adalah pencapaian perkhidmatan ini sepanjang tahun 2018-2019.

Jumlah Pendispensan Discaj Pesakit Dalam (Bedside Dispensing) yang dicapai oleh Farmasi Bekalan Wad pada tahun 2018 hingga 2019.

Tahun	2018	2019	% Peningkatan
Bilangan Pendispensan Discaj	4173	4888	17.1%

4.9.4 Kaunseling Pesakit

Khidmat Kaunseling Pesakit Farmasi Wad dilakukan khas untuk pesakit di dalam wad. Pesakit dirujuk kepada Pegawai Farmasi oleh Pegawai Perubatan dengan menggunakan borang kaunseling khas atau pesakit yang sesuai dipilih sendiri oleh Pegawai Farmasi semasa rondaan wad.

Tahun	2018	2019	% Peningkatan
Bilangan Kaunseling	11003	12275	11.56%

Sebanyak 12275 kaunseling telah diberikan pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 11.56% berbanding tahun lepas. Jenis kaunseling terdiri dari kaunseling inhaler, terapi warfarin, menggunakan alat-alatan khas seperti aerochamber, pen insulin atau masalah komplian.

4.9.5 Penambahbaikan Perkhidmatan Farmasi Bekalan Wad

4.9.5.1 Pemeriksaan wad secara berkala

Pemeriksaan wad telah dijalankan secara berkala pada bulan Februari, Ogos dan November.

4.9.5.2 Pelaksanan Patient Own Medications (POMs) di wad perubatan.

POMs telah dijalankan di 6 wad perubatan, iaitu E2, AG, 4-1, 4-3, 3-4 & 3-2 sepanjang tahun 2019. Sebanyak 747 pesakit telah direkrut dalam program ini.

Tahun	2018	2019	% Peningkatan
Bilangan Pesakit POMS	249	747	200%

4.10 Unit Farmasi Rawatan Terapi Gantian Methadone

4.10.1 Bilangan Klien Rawatan Methadone

Bilangan klien Rawatan Methadone yang aktif pada tahun 2019 adalah seramai 100 orang dengan peratus kadar retensi sebanyak 54.05%. Klien DOT (Direct On Therapy) adalah seramai 30 orang manakala klien DBB (Dos Bawa Balik) adalah seramai 70 orang. Kebenaran untuk pengambilan ubat secara DBB hanya boleh dimulakan oleh Ketua Jabatan Psikiatri dan diteruskan oleh Pakar Perubatan Psikiatri.

Dalam kes-kes khas di mana klien tidak dapat hadir untuk mengambil ubat DBB , kebenaran akan diberikan kepada pengiring / wakil ahli keluarga terdekat untuk membawa pulang ubat bagi pihak klien.Ini juga akan ditentukan oleh Ketua Jabatan Psikiatri atau Pakar Perubatan Psikiatri selepas syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Pada tahun 2019, seramai 261 klien SPUB rujukan daripada hospital dan klinik kesihatan di Semenanjung Malaysia, di mana melibatkan 3476 dos Methadone telah didispens.

4.10.2 Kaunseling Klien Rawatan Methadone

Bilangan kaunseling klien Rawatan Methadone yang dijalankan oleh Pegawai Farmasi sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 191 kaunseling. Kaunseling yang diberikan merangkumi orientasi klien terhadap perkhidmatan rawatan terapi gantian, pengenalan kepada methadone, permulaan rawatan, cara pengambilan, dos tertinggal, dos termuntah, kesan-kesan yang tidak diingini, interaksi ubat, terlebih dos, simptom pengunduran, dos bawa balik, penyimpanan methadone, penjagaan diri klien dan kes-kes khas. Intervensi seperti maklumat ubat, kesan sampingan,interaksi ubat-ubatan dan pengubahsuaian dos juga dilaksanakan oleh Pegawai Farmasi.

4.10.3 Ceramah Motivasi dan Kaunseling Berkumpulan

Pada tahun 2019, 2 ceramah motivasi (kaunseling berkumpulan) telah dianjurkan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Melaka. Ceramah-ceramah tersebut diberi oleh Pakar Psikiatri dan kaunselor Hospital Melaka dan melibatkan peserta seramai 110 orang.

4.11 Pusat Informasi & Sumber Farmasi (PRIC)

4.11.1 Pertanyaan Mengenai Ubat dan Racun

Pertanyaan mengenai ubat dan racun diterima daripada pelbagai anggota. Pertanyaan yang diterima dijawab secara lisan atau bertulis. 100% daripada pertanyaan yang diterima dapat dijawab pada hari yang sama dan maklumat yang digunakan untuk menjawab pertanyaan adalah daripada Micromedex, MIMS Gateway, sisip bungkus produk (Produk Insert), buku rujukan (Drug Information Handbook, British National Formulary dan lain-lain), jurnal dan lain-lain.

Jenis dan bilangan pertanyaan yang diterima oleh Pusat Informasi & Sumber Farmasi pada tahun 2017 dan perbandingan dengan pencapaian tahun 2017-2019 adalah seperti berikut.

Bil.	Jenis Pertanyaan	2017	2018	2019
1	Keracunan/Ketoksikan	38	24	2
2	Dos/Administrasi	744	1051	827
3	Kesan Samping	50	20	126
4	Indikasi	88	90	10
5	Interaksi	66	65	29
6	Kontraindikasi	27	24	31
7	Farmakokinetik	107	31	21
8	TPN	861	0	0
9	*Pharmaceutical Availability*	125	143	101
10	*Pharmaceutical Compatibility*	30	59	30
11	*Pharmaceutical Identification*	45	42	17
12	Maklumat Am Produk	170	208	205
13	Lain-lain	106	216	578
	Jumlah	**2457**	**1973**	**1977**

4.11.2 Program Pembelajaran Berterusan untuk anggota Farmasi

Sesi Pembelajaran Berterusan Farmasi (CPE) diadakan setiap minggu iaitu pada hari Rabu dan Khamis. Mata kredit CPD sebanyak 2 mata diberikan kepada anggota yang menghadiri CPE.

2017		2018		2019	
Bil. Sesi	**Bil. Sesi**	**Bil. Sesi**	**Bil. Peserta yang Hadir**	**Bil. Sesi**	**Bil. Peserta yang Hadir**
84	84	100	2718	125	2975

4.11.3 Program Pendidikan Pesakit

Kelas pendidikan diabetes dan hipertensi dikendalikan oleh Unit Pendidikan Kesihatan manakala kardiak rehabilitasi dilaksanakan di wad E2 dan insulin antenatal di klinik O&G. Program Kenali Ubat Anda dikendalikan oleh unit PRIC sepenuhnya dan diadakan 2 kali sebulan iaitu pada hari Khamis. Semua Pegawai Farmasi akan dilibatkan dalam setiap program pendidikan pesakit melalui jadual yang disediakan. Pecahan untuk jenis kelas, bilangan sesi, jumlah kehadiran pesakit adalah seperti berikut:

Bil.	Kelas	Bil. Kelas/Sesi dilaksanakan	Jumlah Pesakit
1	Insulin Antenatal	45	297
2	Kenali Ubat Anda	60	2498
3	Diabetes	15	53
4	Hipertension	17	55
Jumlah		**137**	**2903**

4.11.4 Penghasilan Pharmacy Newsletter

Sebanyak 4 keluaran Pharmacy Newsletter telah diterbitkan untuk tahun 2017. Tujuan Pharmacy Newsletter adalah untuk memberi informasi terkini kepada semua anggota Jabatan Farmasi. Ini secara tidak langsung dapat memastikan sesi pembelajaran adalah secara berterusan dan meningkatkan kualiti rawatan pesakit serta pengubatan secara evidence-based .

4.11.5 Laporan kesan advers ubat (ADR)

Sebanyak 441 kes ADR telah dilaporkan sepanjang tahun 2019 berbanding 437 kes yang dilaporkan pada tahun 2018. Daripada jumlah ini, sebanyak 152 kes (34.5%) telah dilaporkan oleh Pegawai Perubatan dan 289 kes (65.5%) oleh Pegawai Farmasi. Laporan Kesan Advers Ubat ini juga telah dibentangkan sebanyak empat kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik Dan Keselamatan Pengubatan (JKUT) Hospital Melaka pada tahun 2019.

5.0 AKTIVITI

5.1 Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Farmasi

Sepanjang tahun 2019, sebanyak tujuh kursus telah dianjurkan oleh Jabatan Farmasi Hospital Melaka. Berikut adalah senarai kursus yang dianjurkan oleh jabatan ini:-

Bil	Nama kursus/Bengkel/Seminar	Tempat	Tarikh
1	Bengkel Pelan Tindakan	Hotel Bayview, Melaka	12.1.2019
2	Kursus Kenali Ubat Anda	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	2.3.2019
3	Kursus Komunikasi Berkesan	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	9.3.2019
4	Kursus Infografik	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka	19.3.2019
5	Kursus JKKP	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	6.4.2019
6	Kursus Decision Making & Problem Solving	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	6.7.2019
7	Bengkel Team Building	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	13.7.2019

5.2 Kajian Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Farmasi

Sepanjang tahun 2019, sebanyak tujuh kursus telah dianjurkan oleh Jabatan Farmasi Hospital Melaka. Berikut adalah senarai kursus yang dianjurkan oleh jabatan ini:-

Bil	Tajuk Kajian	Maklumat Kajian
1	Comparative efficacy and safety of anticoagulant interventions in patients with atrial fibrillation: a systematic review and network meta-analysis	NMRR-18-352-40798
2	The most effective reminder method to reduce the defaulter rate in the Drive-Through pharmacy service in Hospital Melaka	NMRR-17-1366-35782
3	On-Demand Versus Low Dose Factor VIII Prophylaxis Treatment In Hemophilia A Patients : Differences In Outcome And Factor Concentrates Utilization	NMRR-19-156-45984
4	Survival Outcomes of Addition of Methotrexate and Cytarabine onto Standard Treatment for Diffuse Large B-cell Lymphoma	NMRR-17-1505-35553
5	Impact of pharmacist interventions on adherence to antipsychotic medications among schizophrenia and bipolar patients in Hospital Melaka	NMRR-17-2766-36795
6	Knowledge, attitude & practices on medication error reporting among Hospital Melaka healthcare provider	NMRR-18-1784-41958
7	Adequacy of a vancomycin initial dosing regimen in ESRF patients receiving high-flux haemodialysis in Hospital Melaka	NMRR ID: 17-3556-37865
8	Optimal Dosing of Lithium and Valproate in the Treatment of Bipolar Mood Disorders (BMD) in Hospital Melaka	NMRR ID-17-2035-36555
9	Pre & post study on Nurses knowledge & practices about oral medication administration via nasogastric tube among critically ill patients in Hospital Melaka	NMRR ID: 17-1554-36803
10	Study on use of gastric acid suppressor in patients with antiplatelet	NMRR-17-1958-36395
11	Patient's knowledge of and practices on used insulin needles disposal among patients in Hospital Melaka	NMRR-17-2586-37574
12	Systemic review: Intrapleural Streptokinase in pediatric patients with complicated parapneumonic effusion and empyema. Wong et al.	NMRR-19-1072-48183
13	Traditional and Complementary Medicine (TCM) and modern medicine: Patient's perception and preference in outpatient department of Hospital Melaka.	NMRR-19-3595-47743
14	An observable retrospective study on determinants of treatment failure among HIV patients on first line HAART in Hospital Melaka.	NMRR-19-3275-48299

Berikut adalah kajian-kajian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017-2019.

6.0 PENCAPAIAN

Pada tahun 2019, Jabatan Farmasi telah menyertai beberapa pertandingan aktiviti kualiti seperti Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK), Inovasi dan Quality Assurance (QA). Jadual di bawah adalah pertandingan dan pencapaian Jabatan Farmasi sepanjang 2019.

BIL	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN	ANJURAN	PERINGKAT
1	Tempat Ke – 3 (Kategori Penciptaan)	Konvensyen Inovasi Dan Kreatif (KIKF) 2019	Program Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia	Kebangsaan
2	Johan QA (Kategori Oral) - Improving Extemporaneous Compounding for Pediatric Patients in Outpatient Pharmacy Hospital Melaka	Hari Kualiti Hospital Melaka 2019	Hospital Melaka	Negeri
3	Tempat Ke-3 (Inovasi) – My Insulin	Hari Kualiti Hospital Melaka 2019	Hospital Melaka	Negeri
4	Naib Johan QA (Kategori Oral)- Improving Extemporaneous Compounding for Pediatric Patients in Outpatient Pharmacy Hospital Melaka	Hari Inovasi dan Kualiti JKN Melaka 2019	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	Hospital
5	Tempat Ke-3 (Inovasi) – My Insulin	Hari Inovasi dan Kualiti JKN Melaka 2019	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	Hospital



Konvensyen Inovasi Dan Kreatif (KIKF) 2019
(5-7 Ogos 2019 – Berjaya Waterfront, Johor Bahru)



Pertandingan Inovasi Sempena Hari Inovasi dan Kualiti JKN Melaka 2019
(23.4.2019 – MITC Melaka)



Hari Kualiti Hospital Melaka 2019
(2.4.2019)

JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Dietetik & Sajian bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan makanan kepada pesakit di wad, doktor bertugas atas pang gilan serta anggota paramedik yang layak di Hospital Melaka. Sistem pengagihan makanan kepada pesakit adalah menggunakan sistem pengagihan makanan secara berpusat (centralised plating) melalui tray menu mobile. Walau bagaimanapun disebabkan kapasiti tenaga sumber manusia dan prasarana sediada sistem ini dapat dijalankan di sebahagian besar wad sahaja serta terhad untuk hidangan makan tengahari dan makan malam sahaja. Jabatan ini juga menjalankan perkhidmatan dietetik klinikal kepada pesakit dalam wad dan pesakit luar yang dirujuk oleh Pakar/Pegawai Perubatan. Rundingcara pemakanan juga diadakan secara individu atau berkumpulan.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Memastikan perkhidmatan makanan pesakit dan perkhidmatan dietetik klinikal dilaksanakan secara profesional, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan

2.2 Membekalkan diet normal dan diet terapeutik secara Centralised Plating System mengikut pesanan wad bagi pesakit di wad.

2.3 Membekalkan diet kepada doktor bertugas atas panggilan.

2.4 Membekalkan catuan makanan night ration bagi anggota paramedik yang bertugas di waktu malam.

2.5 Memberi perkhidmatan dietetik kepada pesakit yang dirujuk mengikut diagnosa dan masa yang ditetapkan.

2.6 Mengadakan ceramah pemakanan kepada anggota paramedik dan agensi-agensi lain mengikut permintaan.

2.7 Mengurus program latihan Katering dan Dietetik untuk pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi apabila perlu.

2.8 Menggalakkan penglibatan kajian dan penyelidikan katering dan dietetik klinikal / dietetik komuniti mengikut keperluan demi meningkatkan mutu perkhidmatan.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Dietetik, Gred U52	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U48	1	0	1	0%
Pegawai Dietetik, Gred U44	2	2	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U41/44	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U41	3	3	0	100%
Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C41	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C38	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C32	2	2	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29/C32	3	3	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29 (KUP)	15	14	1	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N22	1	1	0	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N19/N22	39	36	3	92.31%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N1/N4	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19/N22	2	1	1	50%
JUMLAH	**73**	**67**	**6**	**94.52%**

4.0 BEBAN KERJA


4.1 Sajian

Rajah 8.2.1 menunjukkan jumlah penyediaan makanan pesakit yang dihasilkan di Jabatan Dietetik dan Sajian dari tahun 2014 hingga 2019. Jumlah penyediaan makanan pesakit pada tahun 2019 ialah sebanyak 25885 hidangan (pesakit kelas 1), 19950 hidangan (pesakit kelas 2) dan 299011 hidangan (pesakit kelas 3). Terdapat penurunan bagi jumlah penyediaan makanan iaitu sebanyak 2.2% (pesakit kelas 1) berbanding pada tahun 2018. Pada masa yang sama, berlaku peningkatan jumlah penyediaan makanan iaitu 8.2% (pesakit kelas 2) dan 0.3% (pesakit kelas 3).



Rajah 8.2.1: Bilangan jumlah penyediaan makanan pesakit mengikut kelas bagi tahun 2014 – 2019

Rajah 8.2.2 menunjukkan jumlah penyediaan makanan bagi Doktor yang bertugas atas panggilan, Doktor Dewan Bedah dan Paramedik, Day Care dan Hemodialisis dari tahun 2014 – 2019. Jumlah penyediaan makanan pada tahun 2019 ialah sebanyak 35522 (Doktor bertugas atas panggilan), 25000 (Doktor dan Paramedik Dewan Bedah), 6828 (Daycare) dan 6737 (hemodialisis). Pada tahun 2019 telah berlaku berlaku peningkatan penyediaan makanan sebanyak 0.3% (Doktor atas panggilan), 3.12% (Doktor Dewan Bedah dan Paramedik) dan 4.9% (Day Care) berbanding tahun sebelumnya. Manakala telah berlaku pengurangan sebanyak 0.83% keatas jumlah penyediaan makanan bagi pesakit Hemodialisis pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya.



	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Dr bertugas atas Panggilan	49943	51211	48402	41000	35418	35522
Dr OT Tdan Paramedik	24934	25593	24222	24465	24226	25000
Day Care	3178	6778	6759	6704	6510	6828
Hemodialisis	6634	6659	6706	6854	6995	6937

Rajah 8.2.2: Bilangan jumlah penyediaan makanan Doktor On-call, Doktor Dewan Bedah dan Paramedik, Day care dan Hemodialisis bagi tahun 2014 – 2019

Rajah 8.2.3 menunjukkan kos penyediaan makanan pesakit mengikut kategori bagi tahun 2014 hingga 2019. Pada tahun 2019, jumlah kos makanan ialah RM281566.41 (pesakit kelas 1), RM154615.48 (pesakit kelas 2), RM2341908.09 (pesakit kelas 3), RM24044.64 (formula bayi) dan RM322358.90 (susu enteral). Pada tahun 2019 terdapat peningkatan kos bagi penyediaan makanan sebanyak 9.2% (pesakit kelas 1), 8.2% (pesakit kelas 2), 0.35% (pesakit kelas 3) berbanding tahun 2018. Manakala kos bagi pembekalan formula bayi dan kos bagi pembekalan susu formula enteral berkurang sebanyak 65.1% dan 1.05% pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya.




	2014	2015	2016	2017	2018	2019
K1	233514	271293	159598	200222.9	257939.12	281566.41
K2	181326	195260	123274	143838	136791.2	154615.48
K3	3315850	3246499	2031343	1974622.2	2209133.2	2341908.1
FORMULA BAYI	56457	51316	84673	85500	68880.64	24044.64
FORMULA ENTERAL	356717	371704	415390	475629.3	525785.25	522358.9

Rajah 8.2.3: Kos makanan mengikut kategori bagi tahun 2014-2019

4.2 Dietetik Klinikal


Jumlah pesakit yang dirujuk untuk perkhidmatan dietetik klinikal bagi pesakit dalam pada tahun 2019 ialah 7887 orang manakala bagi pesakit luar ialah 1586 . Bilangan pesakit dalam yang dirujuk telah menurun sebanyak 0.32 %. Manakala bilangan pesakit luar pula menurun sebanyak 13.5%. Ini mungkin disebabkan oleh ketiadaan 1 jawatan Pegawai Dietetik Klinikal U48 mulai Mei 2019.



	2015	2016	2017	2018	2019
PESAKIT DALAM	8256	6575	8258	7912	7887
PESAKIT LUAR	1961	1472	1752	1833	1586

Rajah 8.2.4: Perkhidmatan dietetik klinikal pesakit yang dirujuk 2015-2019


Kenaikan beban kerja sebanyak 44% dalam perkhidmatan dietetik klinikal bagi kes kritikal dan juga 19 % bagi kes tidak kritikal. Kes kritikal adalah kes pesakit yang memerlukan pemakanan enteral melalui tiub manakala kes tidak kritikal melibatkan pengurusan pemakanan pesakit melalui khidmat rundingcara atau nasihat pemakanan.



	2015	2016	2017	2018	2019
SOKONGAN ENTERAL	2724	3204	3131	3157	4547
KONSULTASI	3605	2884	2612	2806	3340

Rajah 8.2.5: Perkhidmatan dietetik klinikal jenis kes yang dirujuk 2015-2019


Perkhidmatan dietetik bagi pesakit luar pula menurun sebanyak 11.21% bagi kes baru dan meningkat 6.42% bagi kes susulan. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh pesakit dirujuk ke Klinik Kesihatan terdekat untuk sesi konsultasi diet oleh Pegawai Dietetik dan bayaran yang dikenakan kepada pesakit mengikut Akta Fi Perubatan.



	2015	2016	2017	2018	2019
KES BARU	980	723	1261	1320	1172
KES SUSULAN	583	342	491	389	414

Rajah 8.2.6: Perkhidmatan dietetik klinikal pesakit luar 2015-2019

Perkhidmatan baru untuk dietetik klinikal ialah lawatan ke Klinik Kesihatan Umbai. Ia dimulakan pada bulan Mei 2018. Lawatan hanya dijalankan sekali sebulan pada hari Rabu minggu akhir dan waktu petang sahaja. Pada bulan Jun, November dan Disember perkhidmatan dietetik klinikal dijalankan oleh Pegawai Dietetik KK Kuala Sg. Baru.



	1	2	3	4	5	6	7	8	9	8	9	12
2018	0	0	0	0	5	2	6	5	7	9	8	9
2019	5	10	11	8	7	0	10	6	11	10	0	0

Rajah 8.2.7: Perkhidmatan dietetik klinikal Klinik Kesihatan Umbai pada 2018 dan 2019

Perkhidmatan dietetik bagi pesakit luar pula menurun sebanyak 11.21% bagi kes baru dan meningkat 6.42% bagi kes susulan. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh pesakit dirujuk ke Klinik Kesihatan terdekat untuk sesi konsultasi diet oleh Pegawai Dietetik dan bayaran yang dikenakan kepada pesakit mengikut Akta Fi Perubatan.

5.0 AKTIVITI

5.1 Program atau Kursus yang dianjurkan oleh Jabatan :-

5.1.1 Program Trim and Fit merupakan program penurunan berat badan anjuran Unit pendidikan bersama Jabatan Dietetik kepada staf-staf Hospital Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan :-

5.1.1.2 Kursus Pengurusan Berat Badan dan Majlis Perasmian program Trim And Fit.
5.1.1.3 Treasure Hunt dan Healthy Shopping
5.1.1.4 Hiking Bukit Beruang
5.1.1.5 Ekspedisi Tanjung Tuan, Bukit Batu Putih, Negeri Sembilan
5.1.1.6 Penutup program ini diadakan pada 13 Disember 2019

5.1.2 Sambutan Hari Jantung Sedunia dan Hari Dietitian Sedunia dijalankan serentak anjuran bersama Unit Pendidikan dan Jabatan Dietetik dan Sajian.Acara ini dijalankan pada 5 September 2019 dan diadakan di Bukit Beruang. Aktiviti yang dijalankan adalah pendakian Bukit Beruang Sambutan ini melibatkan semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka KKM dan Hospital Swasta dan staf Hospital Melaka. Tema Hari Dietitian pada tahun ini adalah" Dietitians Beat High Blood Pressure".

5.1.3 Sambutan World Kidney Day:

Program ini diadakan bersama Jabatan Nefrologi Hospital Melaka pada 27 April 2019 bertempat di Dewan Dato Demang Hussin JAPERUN Bukit Katil. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Forum Kesihatan, Pertandingan menyediakan makanan sihat dan Demo Masakan.

5.1.4 Sambutan Hari Bulan Pemakanan dan Hari Kesihatan Sedunia adalah acara tahunan yang dijalankan setiap tahun oleh Hospital Melaka.Ia diadakan pada 25 April 2019. Aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Dietetik Dan Sajian adalah Pameran Kesihatan, Diet Chit Chat dan Kuiz dan Pertandingan Bento Sihat.

5.1.5 CDE / CCE (Continuous Dietetics/Catering Education)
Sesi CDE/CCE diadakan setiap bulan di Klinik Diet atau diruang trayline untuk meningkatkan pengetahuan.

i. CDE untuk semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka
ii. CCE untuk semua Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan

5.1.6 Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan :-

i. Kursus Keselamatan Makanan – Pen. Peg. Penyediaan Makanan / Pembantu Penyediaan Makanan / Pembantu Perawatan Kesihatan
ii. Kursus Pemantapan diet pesakit - Pen. Peg. Penyediaan Makanan / Pembantu Penyediaan Makanan / Pembantu Perawatan Kesihatan
iii. Kursus GMP peringkat Hospital
iv. Kursus Halal peringkat hospital
v. Kursus Medical Nutritional Therapy Updates 2019 – semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka

5.2 *Fire Drill*

Tahun ini merupakan giliran JDS untuk mengadakan Fire Drill peringkat hospital. Program ini diadakan pada 13 November 2019 di Jabatan Dietetik Dan Sajian . sebanyak 2 sesi latihan dan taklimat telah diberikan kepada semua anggota Jabatan Dietetik dan Sajian sebelum Fire Drill sebenar dijalankan

5.3 Aktiviti Kualiti Hospital

Jabatan mengambil bahagian dalam DQRC, KIK, KPI, QAP dan Taman Hospital

i. **Key Performance Index Dietetik** : Percentage of patients received at least 70% of total energy recommendation withins 5 days of liquid initiations. Standard yang ditetapkan adalah 80 %

i. **Key Performance Index Dietetik** : Percentage of patients received at least 70% of total energy recommendation withins 5 days of liquid initiations. Standard yang ditetapkan adalah 80 %

ii. **Key Performance Index Sajian** : Peratusan ketepatan hidangan makanan yang dihidang kepada pesakit berdasarkan pesanan yang diterima daripada wad. Standard yang ditetapkan ialah 85%

iii. **Dietetic Quality Research Convention (DQRC)** – sebanyak 2 projek yang dibentang oleh Hospital Melaka. Iaitu Case Study dan Penyelidikan

iv. **Non Performance Indicator (NIA) Sajian**: Bilangan kes kontaminasi fizikal dalam makanan yang dihidangkan kepada pesakit: Standard yang ditetapkan adalah 0 kes.

v. **KIK** – projek yang dijalankan adalah membuat jem dari kulit tembikai. Produk dinamakan sebagai Sweetie Rind Jam

vi. **QAP** – projek yang dijalankan adalah untuk menilai penurunan berat badan dikalangan staf yang mengalami masalah berat badan yang dirujuk ke Pegawai Dietetik

vii. Taman – aktiviti taman dimulakan pada tahun ini. Taman Jabatan diberi nama Taman Jannatul Adnin

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Key Performance Index (KPI) :

(i) Dietetik : Pencapaian 95.3 %
(ii) Sajian : Pencapaian 98.7%

6.2 **Non Performance Indicator (NIA) Sajian:Pencapaian** 100%
6.3 **Oral Case Study** - Tempat Kedua Pertandingan DQRC pada 1-2 Julai 2019
6.4 **Pensijilan semula HACCP** – Sijil diperolehi untuk 3 tahun bermula 17 Ogos 2018 sehingga 16 Ogos 2021
6.5 **Pensijilan HALAL** Sijil diperolehi untuk 2 tahun bermula 16 September 2018 sehingga 15 September 2020
6.6 **Pensijilan semula MeSTI** – Sijil diperolehi untuk 3 tahun bermula 19 September 2018 sehingga 16 September 2021
6.7 **GMP**: Sijil diperolehi untuk 3 tahun bermula 19 September 2018 sehingga 16 September 2021
6.8 **KIK**: 1. Johan- Hari Kualiti Peringkat Hospital Melaka bagi tahun 2019
2. Tempat Ketiga- Hari Kualiti Peringkat JKNM bagi tahun 2019
3. Gangsa- Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan Zon Selatan
6.8 **Taman Jannatul Adnin**: Tempat kedua- Peringkat Hospital Melaka 2019

JABATAN REKOD PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM telah menyelaraskan nama Jabatan Rekod Perubatan atau Unit Rekod Perubatan mengikut kategori hospital. Hospital Negeri/ Institusi/ Hospital Pakar Major dikategorikan sebagai Jabatan Rekod Perubatan manakala lain hospital dikategorikan sebagai Unit Rekod Perubatan. Sehubungan dengan itu, nama Unit Rekod Perubatan Hospital Melaka telah ditukar kepada Jabatan Rekod Perubatan mulai 16 September 2019.

Jabatan Rekod Perubatan bertanggungjawab menguruskan rekod perubatan pesakit dalam keadaan selamat dan rahsia maklumat pesakit terkawal mengikut prosedur yang ditetapkan. Juga bertanggungjawab menyediakan statistik penting peringkat Hospital Melaka. Jabatan Rekod Perubatan diletak bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah Perubatan II.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan rekod perubatan, pengurusan laporan perubatan, pengurusan Lembaga Perubatan, pengurusan statistik, pengurusan kes perundangan (medico-legal) dan juga membuat carian pengesahan kelahiran bagi pendaftaran lewat.

3.0 SUMBER MANUSIA

Kedudukan perjawatan di Unit Rekod Perubatan dalam tahun 2017 adalah seperti dalam jadual di bawah:

BIL	JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pegawai Tadbir(Rekod Perubatan)	N44/ 41	1	1	0	100%
2	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N32	2	2	0	100%
3	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N27	7	7	0	100%%
4	Pembantu Tadbir Kanan	N22	2	2	0	100%
5	Pembantu Tadbir	N19	17	16	1	94.1%
6	Pembantu Perawatan Kesihatan*	U11	6	2	4	33.3%
7	Pembantu Operasi	N11	6	6	0	100%
8	Pembantu Awam	H11	1	0	1	0%
	JUMLAH		48	42	6	87.5%

** Akan datang jawatan PPK akan digantikan dengan jawatan N11*

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan Statistik

Beban kerja utama Unit Rekod Perubatan dalam pengurusan statistik adalah pengkodan jenis penyakit dan prosidur berdasarkan ICD10 dan ICD9cm dan kemasukan data klinikal dari PD301 ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan juga Sistem Casemix. Unit Rekod Perubatan akan menjana data statistik tersebut untuk pelaporan bulanan dan juga tahunan.

Jadual di bawah menunjukan beban tugas URP dalam pengkodan dan kemasukan data dalam SMRP dan Sistem Casemix:

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah discaj pesakit dalam	77,470	79,724	77,529	76,722	77,122
Jumlah kod yang perlu diberi (Purata 5 kod/ pesakit)	387,350	398,620	387,645	383,610	385,610
Jumlah kemasukan data klinikal	387,350	398,620	387.645	383,610	385,610

Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk membuat auditan kesempurnaan dokumentasi dan juga ketepatan kod dengan sampel 2% daripada jumlah discaj. Audit ini dilakukan dua kali setahun bagi memenuhi KPI yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Seramai 6 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) diambil untuk membantu kemasukan data disamping taskforce dari paramedik.

Sistem Maklumat Rekod Pelanggan (SMRP) telah diperluaskan kepada modul pesakit luar, rawatan harian dan juga sokongan klinikal dan Jabatan ini juga dipertanggungjawab untuk menyelia kemasukan data bekenaan.

4.2 Pengurusan rekod perubatan

Faktor yang penting dalam pengurusan rekod adalah menjaga keselamatan rekod, menguruskan pergerakan rekod, penyimpanan rekod dan kerahsiaan rekod pesakit.
Sistem IT banyak membantu dalam menyelia pergerakan rekod iaitu Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP) dan juga Sistem Pengurusan Laporan Perubatan (SPLP). Jumlah rekod perubatan yang diselia seperti mana ditunjukkan oleh jadual di bawah:

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah rekod perubatan pesakit yang diselenggara	140,009	150,580	141,016	149,109	135,376
Jumlah pinjaman rekod perubatan	88,077	99,983	78,828	92,193	104,875
Jumlah permohonan laporan Perubatan	11,257	11,123	12,994	11,891	12,058

Jabatan Rekod Perubatan juga bertanggungjawab untuk membuat pelupusan rekod yang tidak aktif mengikut Jadual Pelupusan Rekod Perubatan 2016.

4.2 Pengurusan rekod perubatan

Faktor yang penting dalam pengurusan rekod adalah menjaga keselamatan rekod, menguruskan pergerakan rekod, penyimpanan rekod dan kerahsiaan rekod pesakit.

Sistem IT banyak membantu dalam menyelia pergerakan rekod iaitu Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP) dan juga Sistem Pengurusan Laporan Perubatan (SPLP). Jumlah rekod perubatan yang diselia seperti mana ditunjukkan oleh jadual di bawah:

4.3 Medico legal

Jabatan Rekod Perubatan menjadi urusetia bagi mengendalikan kes-kes medico legal. Aktiviti medico legal adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019
Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas	1	7	4	4	6
Mesyuarat Ex gratia	3	4	1	3	4
Pemeriksaan/Lawatan Ex gratia	0	1	2	1	0
Mesyuarat bersama Jabatan Peguam Negara	0	5	3	1	0
Mesyuarat Audit Klinikal	1	1	1	0	0

5.0 AKTIVITI PENINGKATAN KUALITI

Aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti kerja telah dapat dijalankan di Unit ini adalah seperti berikut:

5.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Dalam tahun 2019, kajian kepuasan pelanggan dibuat terhadap pelanggan luaran dan pelanggan dalaman.

i. Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran.

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kualiti perkhidmatan kaunter yang telah diberi kepada pelanggan luaran yang datang berurusan di Jabatan Rekod Perubatan. Kajian bermula pada 2 Mei 2019 sehingga melibatkan 100 responden. Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	4%	47%	49%
Komunikasi	0%	0%	6%	30%	64%
Maklumat Jelas	0%	0%	4%	41%	55%
Sedia Membantu	0%	0%	3%	36%	61%
Menghormati Pelanggan	0%	0%	3%	41%	56%
Mudah dihubungi melalui telefon	0%	0%	3%	41%	56%
Keseluruhan	0%	0%	3.8%	39.3	56.8

Kesimpulannya lebih 96.1% sikap pegawai di kaunter adalah baik.

ii. Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dalaman di kaunter penerimaan BHT.

Kajian bermula pada 2 Mei 2019 yang melibatkan 50 responden.

Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

5.0 AKTIVITI PENINGKATAN KUALITI

Aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti kerja telah dapat dijalankan di Unit ini adalah seperti berikut:

5.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Dalam tahun 2019, kajian kepuasan pelanggan dibuat terhadap pelanggan luaran dan pelanggan dalaman.

i. Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran.
Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kualiti perkhidmatan kaunter yang telah diberi kepada pelanggan luaran yang datang berurusan di Jabatan Rekod Perubatan. Kajian bermula pada 2 Mei 2019 sehingga melibatkan 100 responden. Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	6%	64%	30%
Komunikasi	0%	0%	8%	60%	32%
Maklumat Jelas	0%	0%	8%	63%	29%
Sedia Membantu	0%	0%	4%	64%	32%
Menghormati Pelanggan	0%	0%	10%	60%	30%
Mudah dihubungi melalui telefon	0%	0%	6%	64%	30%
Keseluruhan	0%	0%	7%	62.5 %	30.5

Keseluruhannya, lebih 93% perkhidmatan kaunter yang diberi kepada pelanggan dalaman adalah baik.

5.0 PENCAPAIAN

6.1 Pencapaian NIA/KPI

Pencapaian NIA/KPI 2019 adalah seperti jadual di bawah:

NIA/KPI	Standard	2015	2016	2017	2018	2019
Percentage of Medical reports prepared within the stipulated Period (HPIA)	>90%	93.74 %	91.75 %	94.51 %	92.96 %	91.42 %
Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge	>95%	94.91 %	93.42 %	95.33 %	94.39 %	92.98 %
Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period - state & Specialist Hospital < 10 days, Other Hospitals < 5 days	>80%	97.46 %	98.82 %	98.01 %	97.71 %	97.71 %
Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days.	>95%	98.27 %	98.66 %	99.13 %	98.89 %	98.53 %

6.2 Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Penetapan Kod ICD10.

Tahun 2019, Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Penetapan Kod ICD10 di Hospital Melaka telah dibuat dua kali dan puratanya seperti jadual di bawah:

BIL	KETEPATAN DOKUMENTASI		KETEPATAN KODING DIAGNOSIS UTAMA
	DIAGNOSIS UTAMA	LAIN-LAIN DIAGNOSIS	
1	98.5%	99.2%	98.9%

KPI ketepatan dokumentasi adalah ≥90%, lain-lain diagnosis ≥60% manakala KPI pengkodan pula adalah ≥90%. Oleh itu Hospital Melaka telah mencapai KPI yang ditetapkan.

6.3 Audit Rekod Perubatan

Audit Rekod Perubatan perlu dilaksanakan dua tahun sekali dengan pensampelan 3% dari jumlah discaj. Pada tahun 2019 sebanyak 2,070 rekod perubatan yang telah diaudit melibatkan lapan Jabatan utama seperti jadual di bawah:

Bil	Jabatan	BIL DISCAJ 2018	3% JUMLAH SAMPEL	BIL SAMPEL DIAUDIT	% SAMPEL YANG DIAUDIT	BIL SAMPLE PATUH	% PENCAPAIAN
1	Orthopedik	7017	211	186	2.7	173	93%
2	Surgikal	7629	229	179	2.3	177	99%
3	Paediatrik	13312	400	490	3.7	437	89%
4	Paed surgical	798	24	15	1.9	13	87%
5	O&G	17540	526	579	3.3	508	88%
6	Psiakiatrik	697	21	21	3.0	19	90%
7	Perubatan	19394	582	582	3.0	577	99%
8	Ofthal	600	18	18	3.0	13	72%
	JUMLAH	66987	2011	2070	3.1	1917	93%

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Tempat simpanan rekod masih menjadi masalah utama di JRP. Walau bagaimana pun pihak Pengurusan Hospital telah memberi kebenaran untuk menjadikan beberapa rumah kuarters di Cheng sebagai tempat simpanan rekod. Kuarters Cheng akan ditempatkan rekod Padiatrik dan juga kes Obstetrik.

7.2 Perkembangan perkhidmatan perawatan memerlukan pengurusan rekod perubatan pesakit yang lebih effektif. Oleh itu Rekod Perubatan Pesakit sekarang ini yang masih manual perlu ke arah elektronik. Sistem Pengrusan Perubatan (SPP) yang telah dipraktikkan di negeri lain, maka ianya adalah perlu dipraktikkan di Hospital Melaka juga.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Praktis kerja sosial perubatan merupakan aplikasi kerja sosial melalui pelbagai kaedah untuk menangani ketidakfungsian, ketidakupayaan dan kecacatan psikososial termasuk gangguan emosi dan mental. Praktis kerja sosial perubatan diasaskan kepada pengetahuan tentang teori perkembangan manusia dalam konteks psikososial. Bidang kerja sosial perubatan wujud sebagai satu perkhidmatan untuk membantu pesakit mencapai tahap kesihatan yang lebih baik dengan menguruskan fungsi psikososial individu, keluarga dan komuniti.

Perkhidmatan kerja sosial perubatan mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1952, di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Queen Elizebeth, Sabah dan Hospital Umum Sarawak. Di Hospital Melaka, perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 1954 iaitu semasa Era Inggeris dengan dikenali sebagai Lady Almoner. Perkhidmatan yang disediakan ketika itu adalah memberi bantuan dari segi kewangan dan sokongan sosial. Perkhidmatan ini telah berkembang di awal tahun 1990-an dengan penempatan pegawai-pegawai di semua hospital negeri seluruh Malaysia.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Secara amnya, perkhidmatan kerja sosial perubatan menangani pelbagai isu biopsikososial dan sosioekonomi yang melibatkan pendekatan multi-disiplin dalam mencapai objektif ‘total patient care’. Perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital adalah untuk memberi perkhidmatan psikososial kepada pesakit semasa proses rawatan dan pemulihan. Ia turut membantu memulihkan kefungsian sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

Sejajar dengan peningkatan gejala sosial di seluruh negara, perkhidmatan kerja sosial perubatan telah diperluaskan ke peringkat kesihatan primer iaitu di klinik-klinik kesihatan pada tahun 2010. Perkhidmatan ini meliputi aspek pencegahan, rawatan, pemulihan dan juga promosi.

Profesional yang bertugas di dalam perkhidmatan ini dikenali sebagai Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) dalam kategori Allied Health Professional (AHP) Kementerian Kesihatan Malaysia. PKSP membantu menyelesaikan masalah biopsikososial pesakit yang dirujuk oleh pakar dan pegawai-pegawai perubatan dari semua jabatan klinikal yang ada di hospital.

Perkhidmatan utama yang diberikan oleh PKSP ialah bantuan terapi sokongan dan bantuan praktik. Bantuan terapi sokongan adalah melibatkan kes-kes yang memerlukan kaunseling, intervensi krisis dan khidmat rundingan. Antara kes-kes yang memerlukan sokongan terapi adalah pesakit yang menghidap penyakit kronik, kes ibu tanpa nikah, rogol, penderaan kanak-kanak/dewasa dan sebagainya.

Bantuan praktikal pula melibatkan intervensi terhadap kes-kes yang memerlukan penilaian biopsikososial, bantuan untuk membiayai kos pembelian peralatan perubatan, ubat-ubatan dan rawatan, penempatan institusi, perancangan discaj dan sebagainya dengan membuat jaringan kerjasama di antara organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

3.0 SUMBER MANUSIA

JKSP Hospital Melaka beroperasi dengan lapan orang personel iaitu:

PKSP Gred S52	: 1 (selaku Ketua Jabatan)
PKSP Gred S48	: 1
PKSP Gred S44	: 2
PKSP Gred S41	: 1
Pen. Peg Hal Ehwal Agama Islam Gred S32	: 1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	: 1
Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11	: 1


4.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2019

4.1 Aktiviti Kualiti

4.1.1 Objektif Kualiti

Objektif Kualiti bagi JKSP ialah 90% pesakit dalam dilayan dalam masa dua hari bekerja. Pada tahun 2019, JKSP mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 96.50% disepanjang satu tahun tempoh penilaian.


Pencapaian Objektif Kualiti (2017 - 2019)



4.1.2 Key Performance Indicators (KPI)

Key Performance Indicators (KPI) bagi JKSP ialah 80% kes yang dirujuk diambil tindak balas dalam tempoh dua hari bekerja. Pada tahun 2019, JKSP mencapai sasaran iaitu sebanyak 96.50% kes yang dirujuk diambil tindakbalas dalam tempoh tersebut disepanjang satu tahun tempoh penilaian.

Pencapaian KPI (2017-2019)



4.2 Aktiviti Jabatan

4.2.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Pada tahun 2019, sebanyak satu kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, mendapati secara purata para pelanggan merasa sangat berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan ini. Ini terbukti apabila 100% responden berpuas hati dari segi layanan kakitangan dan perkhidmatan yang diberikan dalam kajian tersebut.

4.2.2 Majlis Bacaan Yasin JKSP

Setiap hari Khamis JKSP telah mengadakan majlis bacaan yasin di Jabatan di ketuai oleh Ustaz Adi Fahmy Abu Bakar (Pen. Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Gred S32).

4.2.3 Majlis Sambutan Harijadi Kakitangan JKSP

Sambutan majlis harijadi kakitangan JKSP telah diadakan mengikut bulan kelahiran masing-masing. Tujuan sambutan ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silatulrahim dikalangan kakitangan JKSP. Jamuan ringkas telah di adakan untuk meraikan kakitangan yang terlibat

4.2.4 Mesyuarat Jabatan dan CME JKSP Peringkat Negeri Melaka

Mesyuarat Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada 30 Januari 2019, 30 April 2019, 9 Julai 2019 dan 8 November 2019. Manakala, CME Jabatan telah diadakan sebanyak 6 kali.

4.2.5 Gotong-royong Perdana Hospital Melaka peringkat JKSP.

Pihak pengurusan Hospital Melaka telah mengadakan program gotong-royong perdana peringkat Hospital Melaka pada 3 Mei 2019. Bagi menyokong program ini, semua kakitangan JKSP bekerjasama membersihkan ruang pejabat dan taman JKSP.

4.2.6 Bantuan Susu

Pada 3 Mei 2019, JKSP telah mengedarkan 20 kotak susu kurma (1 Liter) kepada pesakit yang hadir ke pejabat JKSP. Susu tersebut telah disumbangkan oleh seorang kakitangan kesihatan Hospital Melaka.

4.2.7 Majlis Penyerahan Bantuan Sempena Aidilfitri

Majlis penyerahan bantuan kepada pesakit kurang berkemampuan sempena sambutan Aildifitri telah diadakan pada 28 Mei 2019 bertempat di Audiorium Seri Gemilang, Hospital Melaka. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan. Seramai 30 orang pesakit kurang berkemampuan telah menerima sumbangan pada majlis tersebut. Tujuan utama majlis ini diadakan untuk meraikan serta memberi sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang terdiri daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di Hospital Melaka.

4.2.8 Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Peringkat Hospital Melaka 2019

Pertandingan keceriaan Aidilfitri peringkat Hospital Melaka tahun 2019 telah diadakan sepanjang ramadhan dan Syawal 2019. JKSP telah menyertai pertandingan tersebut seperti tahun-tahun sebelum ini dan tersenarai sebagai penerima hadiah saguhati.

4.2.9 Program Hari Raya JKSP Hospital Melaka 2019

Pada 20 Jun 2019, JKSP telah mengadakan satu jamuan untuk kakitangan hospital Melaka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Semua kakitangan yang berkelapangan dijemput hadir ke JKSP bagi menjamu selera dari pukul 10 pagi hingga pukul 3 petang. Jamuan ini diadakan bagi mengeratkan hubungan diantara kakitangan JKSP dan jabatan-jabatan lain di Hospital Melaka.

4.2.4 Mesyuarat Jabatan dan CME JKSP Peringkat Negeri Melaka

Mesyuarat Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada 30 Januari 2019, 30 April 2019, 9 Julai 2019 dan 8 November 2019. Manakala, CME Jabatan telah diadakan sebanyak 6 kali.

4.2.5 Gotong-royong Perdana Hospital Melaka peringkat JKSP.

Pihak pengurusan Hospital Melaka telah mengadakan program gotong-royong perdana peringkat Hospital Melaka pada 3 Mei 2019. Bagi menyokong program ini, semua kakitangan JKSP bekerjasama membersihkan ruang pejabat dan taman JKSP.

4.2.6 Bantuan Susu

Pada 3 Mei 2019, JKSP telah mengedarkan 20 kotak susu kurma (1 Liter) kepada pesakit yang hadir ke pejabat JKSP. Susu tersebut telah disumbangkan oleh seorang kakitangan kesihatan Hospital Melaka.

4.2.7 Majlis Penyerahan Bantuan Sempena Aidilfitri

Majlis penyerahan bantuan kepada pesakit kurang berkemampuan sempena sambutan Aildifitri telah diadakan pada 28 Mei 2019 bertempat di Audiorium Seri Gemilang, Hospital Melaka. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan. Seramai 30 orang pesakit kurang berkemampuan telah menerima sumbangan pada majlis tersebut. Tujuan utama majlis ini diadakan untuk meraikan serta memberi sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang terdiri daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di Hospital Melaka.

4.2.8 Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Peringkat Hospital Melaka 2019

Pertandingan keceriaan Aidilfitri peringkat Hospital Melaka tahun 2019 telah diadakan sepanjang ramadhan dan Syawal 2019. JKSP telah menyertai pertandingan tersebut seperti tahun-tahun sebelum ini dan tersenarai sebagai penerima hadiah saguhati.

4.2.9 Program Hari Raya JKSP Hospital Melaka 2019

Pada 20 Jun 2019, JKSP telah mengadakan satu jamuan untuk kakitangan hospital Melaka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Semua kakitangan yang berkelapangan dijemput hadir ke JKSP bagi menjamu selera dari pukul 10 pagi hingga pukul 3 petang. Jamuan ini diadakan bagi mengeratkan hubungan diantara kakitangan JKSP dan jabatan-jabatan lain di Hospital Melaka.

4.2.10 Lawatan Ketua Profesion (KP) Pegawai Kerja Sosial Perubatan

Pegawai Kerja Sosial Perubatan telah mendapat KP baru mulai Jun 2019. Pada 11 Julai 2019, tuan KP telah hadir ke JKSP Hospital Melaka bagi lawatan kerja yang pertama.

4.2.11 Mesyuarat bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Pada 12 Julai 2019, satu mesyuarat bersama MAIM telah diadakan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memperkukuhkan hubungan dua hala antara JKSP Hospital Melaka dengan pihak MAIM.

4.2.12 Penyerahan Bantuan Oleh Petronas Dagangan Sdn Bhd

Jabatan Pediatrik Hospital Melaka telah dipilih untuk menerima bantuan dari Petronas Dagangan Sdn Bhd. Program ini telah diadakan pada 16 Julai 2019 bertempat di wad pediatrik Hospital Melaka. Penyerahan bantuan ini telah diselaraskan oleh JKSP.

4.2.13 Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka Bil.7/2019

Perhimpunan bulanan Hospital Melaka bagi bulan Julai 2019 telah diadakan pada 17 Julai 2019 dan dikendalikan oleh JKSP dan dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Perubatan IV, Dr. Mohd Rosli bin Tompang.

4.2.14 Majlis Perpisahan Puan Amizah binti Abdullah Hashim (PKSP S48)

Majlis ini diadakan pada 20 September 2019 bagi menghargai jasa Puan Amizah binti Abdullah Hashim selama 10 tahun berkhidmat di JKSP Hospital Melaka. Permohonan pertukaran Puan Amizah ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban telah berjaya dan diarahkan melaporkan diri pada 23 September 2019.

4.2.15 Program "Back To School"


Program ini telah diadakan pada 20 Disember 2019 bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Seramai 30 orang pesakit kanak-kanak dan anak-anak pesakit yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan kelengkapan sekolah berupa beg, alat tulis dan wang tunai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan.

4.2.16 Mesyuarat JKSP HM bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Mesyuarat ini telah diadakan pada 18 Disember 2019 bertempat dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Perubatan I, Dr. Hj. Zulkarnain Bin Hj. Mohd. Rawi. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan prosedur penyerahan bantuan dana PNB.

5.0 PENCAPAIAN


Statistik Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Melaka Tahun 2019



Daripada rujukan kes yang diterima, ia telah dibahagikan kepada 16 kategori jenis kes mengikut garis panduan perkhidmatan kerja sosial perubatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kategori yang paling banyak adalah bantuan peralatan iaitu sebanyak 956, kes diikuti dengan penyakit kronik iaitu sebanyak 667 kes, kes ibu tanpa nikah sebanyak sebanyak 457 kes , bantuan rawatan sebanyak 426 kes dan bantuan kewangan adalah sebanyak 163 kes.

Statistik Intervensi Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Melaka Tahun 2017-2019


BIL	INTERVENSI	2019	2018	2017	JUMLAH
1	TEMUBUAL	6667	6276	6463	19406
2	PERBINCANGAN	4450	4184	4758	13392
3	SURAT & RUJUKAN	2892	2720	2765	8377
4	LAPORAN SOSIAL	3337	3138	3371	9846
5	KAUNSELING	1537	1470	1864	4871
	JUMLAH	18883	17788	19221	55892



Berdasarkan carta perbandingan menunjukkan intervensi yang dilakukan terhadap jumlah kes yang dirujuk setiap tahun

Statistik Pesakit Dalam Dan Pesakit Luar Tahun 2019-2017

BIL	KATEGORI	2019	2018	2017	JUMLAH
1	PESAKIT DALAM	1373	1327	1760	4460
2	PESAKIT LUAR	852	765	919	2536
	JUMLAH	2225	2092	2679	6996



Carta perbandingan di atas menunjukkan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan. Berdasarkan kepada jumlah kes yang dirujuk sepanjang tempoh tiga tahun tersebut.

Sumber Bantuan Kewangan Kepada Pesakit- Pesakit Yang Di Rujuk Ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan Tahun 2019-2017

BIL	NAMA AGENSI PEMBERI BANTUAN	BIL PESAKIT			NILAI BANTUAN KEWANGAN PEMBELIAN PERALATAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN (RM)		
	TAHUN	2019	2018	2017	2019	2018	2017
1	TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)	107	209	220	478,700.90	899,367.97	944,014.39
2	TABUNG KEBAJIKAN PERUBATAN MALAYSIA (TKPM)	140	298	321	23,338.00	62,033.71	68,587.23
3	MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)	163	125	56	218,560.50	142,640.95	52,648.32
	JUMLAH	410	632	597	720,599.40	1,104,042.63	1,065,249.94

Jadual 8.3.1: Perbandingan jumlah bantuan yang telah dihulurkan kepada pesakit dari tahun 2017 hingga ke 2019.

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

1.0 PENGENALAN

Unit Penyeliaan Hospital Melaka merupakan salah satu komponen di bawah Pengurusan Hospital Melaka. Unit ini terletak di Tingkat 1 Blok Pentadbiran. Unit ini diterajui oleh seorang Ketua Penyelia Hospital yang berjawatan Penolong Pegawai Perubatan Gred U42 dan dibantu oleh 2 Penolong Pegawai Perubatan Gred U42, 1 Penolong Pegawai Perubatan Gred U36, 2 Penolong Pegawai Perubatan GredU32, 10 Pembantu Perawatan Kesihatan dan seorang Pembantu Tadbir. Fungsi utama Unit ini adalah meliputi aspek pengurusan klinikal, pengurusan sumber, kualiti, pematuhan akta dan profesionalisme Penolong Pegawai Perubatan. Jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pekerja Sambilan Harian (Porter) adalah dibawah tanggungjawap Bahagian Penyeliaan Hospital.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Melaksanakan polisi dan dasar perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan yang telah ditetapkan serta diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.2 Pengawalan Amalan Klinikal dan Penguatkuasaan Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977. Akta 180.

2.3 Melaksanakan Amalan dan Penguatkuasaan Kod Etika Pembantu Perubatan dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993)

2.4 Melaksanakan pengurusan hal ehwal, kebajikan, sumber tenaga, latihan, Pembelajaran Berterusan (CME), Perkembangan Profesional Berterusan (CPD) serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan.

2.5 Menyediakan dan menyampaikan maklumat serta menjadi agen perubahan dan hala tuju profesion Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pekerja Sambilan Harian.

2.6 Membantu menyelia dan mengurus dalam perkhidmatan Hospital Melaka.

2.7 Menjadi Pegawai Penyelaras kepada perkhidmatan sokongan hospital yang diswastakan iaitu Biomedical Engineering and Maintenance Service (BEMS), Clinical Waste Management Services (CWMS) dan Cleansing

2.8 Menjadi coordinator Bilik Gerakan Hospital Melaka semasa berlaku bencana atau menyelaras program-program hospital.

3.0 SUMBER MANUSIA

Penolong Pegawai Perubatan:

BIL	JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG	%
1	Penolong Pegawai Perubatan Gred U42	4	4	0	100
2	Penolong Pegawai Perubatan Gred U41	6	6	0	100
3	Penolong Pegawai Perubatan Gred U36	9	6	0	66.67
4	Penolong Pegawai Perubatan Gred U32	30	30	0	100
5	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 (termasuk KUP U32 dan PPW)	191	181	10	94.76
	JUMLAH JAWATAN	**240**	**227**	**13**	**94.58**

Pembantu Perawatan Kesihatan:

BIL	JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG	%
1	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U16	2	2	0	100.00
2	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14	19	13	6	68.42
3	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11/U14	497	473	24	95.17
	JUMLAH JAWATAN	**518**	**488**	**30**	94.21

Jumlah kekosongan Pembantu Perawatan Kesihatan di Hospital Melaka adalah sangat kritikal dan perlukan pengisian segera. Ini ditambah lagi dengan masalah displin, sakit kronik dan tidak hadir bertugas serta pertambahan pembukaan unit-unit baru yang mana terpaksa menggunakan sumber sedia ada bagi memastikan perkhidmatan tidak terganggu.

4.0 BEBAN KERJA

1. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Clinical Waste Management Services (CWMS) Hospital Melaka.
2. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Cleansing Hospital Melaka.
3. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Biomedical Engineering and Maintenance Service (BEMS) Hospital Melaka.
4. Penyelaras Keselamatan Kebakaran dan Bilik Gerakan semasa bencana peringkat Hospital Melaka.
5. Penyelaras Perkhidmatan Porter Hospital Melaka.
6. Penyelaras Perkhidmatan Transfer Team Hospital Melaka.

7. Pengerusi dan Fire Safety Officer Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka.
8. Pelaksanaan Saksi Timbangan Linen dan Timbangan Sisa Klinikal (CWMS) peringkat Hospital Melaka kini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Penyelian Penyeliaan.
9. Terlibat secara langsung dalam semua program peringkat hospital serta menjadi ahli dalam semua Jawatankuasa Induk peringkat hospital.

5.0 AKTIVITI


5.1 Aktiviti Peningkatan

- Penyediaan Pelan Tindakan untuk Unit Penyeliaan Hospital Melaka
- Mesyuarat Teknikal untuk Penolong Pegawai Perubatan.
- Mesyuarat Pelarasan Perkhidmatan Transfer Team.
- Terlibat dengan Hari Bersama Pelanggan setiap bulan.
- Pengaktifan Bilik Gerakan berdasarkan keperluan.
- Membuat lawatan penyeliaan kebersihan kawasan, membuat laporan kerosakan kemudahan perkhidmatan, peralatan aset dan ubat-ubatan.
- Menganjurkan 2 kali Latihan Table Top Fire Safety di (ICU Mawar) Jabatan Anaetisiologi dan Wad Aras 3-2 (Jabatan Perubatan) dan satu kali Latihan Fire Drill di Jabatan Sajian dan Dietetik.

5.2 Aktiviti Jabatan


- Menganjurkan 11 Siri Kursus Keselamatan Kebakaran dan Kesedaran Kesihatan Pekerjaan peringkat Hospital Melaka sepanjang tahun 2019 dengan penyertaan sebanyak 621 peserta dari seluruh Hospital Melaka.
- Menganjurkan Seminar Penolong Pegawai Perubatan
- Menganjurkan Kursus Latihan Peningkatan Tahap 1 Untuk Pembantu Perawatan Kesihatan sebanyak satu kali.
- Menganjurkan Kursus Latihan Peningkatan Tahap 2 Untuk Pembantu Perawatan Kesihatan sebanyak dua kali.
- Mengadakan Kursus CPR untuk Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan sau kali.
- Mengadakan sesi Majlis Bacaan Yaasin peringkat Bahagian Penyeliaan Hospital dan Aras 1 Blok Pentadbiran.
- Bekerjasama dengan Unit Kesihatan Awam dalam program Bebas Denggi.
- Menganjurkan CME Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan Hospital Melaka sebanyak 12 kali.
- Menganjurkan mesyuarat bersama Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.
- Menganjurkan Program Khidmat Komuniti iaitu Program Berkhatan untuk golongan yang kurang bernasib baik dan juga untuk anak kakitangan Hospital Melaka.

5.3 Pekerja Sambilan Harian (Porter)



Kemasukan dan pengambilan Porter ke Hospital Melaka adalah secara kontrak singkat. Ini adalah menjadi satu kesukaran pihak penyelia untuk membolehkan seseorang porter ditempatkan secara tetap disatu satu lokasi kerana jumlah kemasukan adalah tidak secara berterusan dan bergantung kepada kelulusan. Terdapat beberapa bulan tiada kemasukan porter dilakukan. Keadaan ini boleh mengganggu perjalanan perkhidmatan.

Beban Tugas Porter 2019



6.0 PENCAPAIAN

- Seramai 4 orang Penolong Pegawai Perubatan telah mendapat Anugerah Bintang Khidmat Terpuji (BKT) dan 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan mendapat Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob.
- Seramai 24 Penolong Pegawai Perubatan dan 39 Pembantu Perawatan Kesihatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2019.
- Seorang Penolong Pegawai Perubatan U36 dan Seorang Penolong Perawatan Kesihatan U12 telah diiktirafkan sebagai Pekerja Terbaik Peringkat Hospital Melaka.
- Menganjurkan Khidmat Komuniti menerusi acara Program Khatan Beramai-ramai pada 03/12/2019. Seramai 72 kanak-kanak telah menyertainya.
- Bersama Unit PPP JKN Melaka telah menganjurkan Program Fun Run and Ride peringkat Negeri Melaka di mana melibatkan penyertaan seramai 1200 orang dari seluruh negara dan telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka.
- Menganjurkan Sambutan Hari Pembantu Perubatan peringkat Hospital Melaka.
- Menganjur Table Top Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka sebanyak 2 siri di ICU Mawar dan Wad Aras 3-2.
- Menganjur Latihan Kawad Kebakaran Hospital Melaka 2019 melibatkan Jabatan Dietetik dan Sajian.
- Penolong Pegawai Perubatan yang telah mencapai Credit Point (CPD) melebihi 40 mata kredit adalah 100%.
- 75% PPP telah lulus Basic Life Support.
- 100% PPP telah memperoleh APC tahunan yang dimohon menerusi aplikasi BLESS.
- 60 orang PPP telah mempunyai Sijil Preveleging.
- 65 orang PPP telah mempunyai Sijil Credentialing.
- 98 orang PPP telah mempunyai Sijil Posbasik.

BAHAGIAN KEJURURAWATAN

1.0 PENGENALAN

Unit Kejururawatan Hospital merupakan tulang belakang pengurusan Hospital Melaka. Dengan jumlah bilangannya yang terbesar sekali gus [1522/3496 (43.5%)] telah menjadikan anggota Kejururawatan aset sumber manusia yang terlibat secara langsung dalam meyalurkan perkhidmatan, berganding bahu membantu Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah Hospital, pihak pengurusan dan semua unit sokongan di Hospital Melaka dalam banyak aspek bagi pemberian perkhidmatan khususnya pengurusan klinikal dan Perkhidmatan penjagaan pesakit dalaman dan luaran di Hospital Melaka. Unit Kejururawatan juga melaksanakan pengumpulan data untuk komponen kualiti di peringkat Hosptial mahupun peringkat KKM.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Memberi perkhidmatan penjagaan dan perawatan kejururawatan secara holistic yang bermutu dengan mengamalkan etika kod profession kejururawatan dan amalan kejururawatan di pelbagai bidang seperti Perubatan, Pembedahan, Orthopedik, Peadiatrik, Kebidanan, Nefrologi, Onkologi, dan termasuk bidang kepakaran kritikal ICU, CCU, PICU, NICU, Dewan Bedah, Rawatan Harian, klinik pakar serta sub speciality seperti geriatric, neurology, oncology, cardiology dan sebagainya

2.2 Meningkatkan kualiti penjagaan dan perawatan kejururawatan mengikut piawaian menerusi pembangunan kerjaya kejururawatan yang professional, penyayang dan semangat kerja berpasukan seperti yang disarankan oleh Bahagian Kejururawatan KKM.

2.3 Penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam pengauditan dan pengumpulan data kualiti seperti NNA, NIA, HPIA, KPI, PFH, BFH, KIK, QA, research dan sebagainya yang melibatkan pencapaian ke arah pengsijilan ISO dan Akreditasi serta aktiviti patient safety dan kualiti yang selaras dengan saranan Pengarah Kejururawatan KKM dan pengurusan KKM.

2.4 Merancang dan melaksanakan latihan sama ada dalam bentuk kursus / bengkel / CNE untuk semua kategory jururawat di Hospital Melaka bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kompetensi mengikut keperluan dan bidang masing-masing. Latihan bukan sahaja dalam bidang klinikal tetapi termasuk aspek motivasi bagi memupuk pengamalan soft skill dan komunikasi serta kepimpinan supaya dapat meningkatkan mutu kualiti seseorang jururawat di Hospital Melaka agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik dan hoslitic kepada pesakit dan waris pesakit.

2.5 Merancang dan menghantar staf untuk post basik atau advance diploma subspecialty mengikut keperluan training analisa walaupun tidak mencukupi staf di wad-wad atau klinik-klinik Hospital Melaka.

3.0 BEBAN KERJA

Setiap tahun terdapat peningkatan kemasukan pesakit ke Hospital Melaka. Kadar penggunaan katil (BOR) meningkat dan kemasukan pesakit telah meningkat pesat dari 68,053 orang dalam tahun 2009 kepada 78,202 orang pada tahun 2016 dalam masa 8 tahun. Pengenalan kepada perkhidmatan baru di Hospital Melaka seperti sub-kepakaran dan lawatan pakar dari hospital lain seperti kardiologi, hematologi, urologi, neurologi dan onkologi telah menyumbang kepada peningkatan kedatangan dan kemasukan pesakit ke Hospital Melaka. Manakala terdapat tambahan perkhidmatan klinik dan day care di wad wad seperti di Wad A1 (hematologi dan O&G serta nephrology), wad A2 (Gerontologi – geriatric clinic dan day care dan neurology) dan Wad E2 (cardiology), Dengan secara tidak langsung telah menambahkan beban kerja jururawat tetapi masih menggunakan tenaga bilangan anggota yang sama.

Namun demikian, pada tahun 2017 dan 2018 didapati penurunan kemasukan pesakit ke wad Hospital Melaka, ini kemungkinan disebabkan pengamalan konsep kluster dan optimakan rawatan harian serta banyak kes telah rujuk kepada program domisiliali (PPD) ke Klinik Kesihatan Negeri Melaka. Pada tahun 2019 kemasukan pesakit telah bertambah seramai 519 jika dibandingkan dengan tahun 2018.

TAHUN	JUMLAH KATIL	%(BOR)	JUMLAH KEMASUKAN
2009	901	80.68	68,053
2010	901	83.39	71,080
2011	901	92.40	71,943
2012	1041	81.58	75,381
2013	1041	84.50	74,839
2014	1091	82.60	73,476
2015	1091	80.60	76,651
2016	1091	82.94	78202
2017	1091	81.50	75130
2018	1091	82.30	75034
2019	1091	83.3	75553

Jadual 8.4.1: Jumlah katil, BOR dan jumlah kemasukan mengikut tahun

TAHUN	KATIL	JUMLAH JURURAWAT
2009	901	1143
2010	901	1210
2011	901	1217
2012	1041	1235
2013	1041	1336
2014	1091	1455
2015	1091	1499
2016	1091	1512
2017	1091	1520
2018	1091	1505
2019	1091	1522

Jadual 8.4.2: Jumlah pertambahan katil dan jururawat mengikut tahun

Unit kejururawatan menghadapi kekurangan jururawat terlatih yang amat ketara di kawasan klinikal. Penambahan operasi jabatan sub-speciality yang telah operasi tetapi masih tiada perjawatan kejururawatan khasnya U29 contohnya di Jabatan Plastik, Jabatan Rehabilitasi, Jabatan Nephrologi, Jabatan Geriatrik dan sebagainya.

Pada bulan Oktober 2017, 22 April 2019 dan 28 Julai 2019 Unit Kejururawatan telah memohon penambahan perjawatan dengan Bahagian Kejururawatan KKM melalui Ketua Penyelia Jururawat Negeri Melaka dengan mengguna format permohonan yang disarankan oleh pihak Bahagian Kejuruawatan KKM.

Satu Bengkel Penjajaran Keperluan Perjawatan Jururawat di Hospital, Institusi dan kesihatan Awam di KKM telah dijalankan pada 18-20 Mac 2019 di Hotel The Pearl Kuala Lumpur, anjuran Bahagian Kejururawatan KKM dan pihak sumber KKM turut bersama. Masalah dan keperluan perjawatan kejururawatan juga telah dimaklumkan semasa bengkel.

Akibat kekurangan staf ini, telah mendatangkan banyak insiden (insiden pesakit jatuh) dan aduan (tidak puas hati dengan pressure ulcer dan sebagainya) seperti di jadual 5 dan 6.

Kajian DASS-21 telah dilaksanakan pada Disember 2018 didapati tahap anxiety staf adalah 5.93%, Tahap Depression adalah 2.2% dan tahap stress adalah 0.89%, majority dari Jabatan Medikal. Namun demikian kami amat berharap pihak Bahagian Kejururawatan KKM dapat menunaikan kelulusan penambahan perjawatan di kawasan klinikal Hopsital Melaka khasnya dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

4.0 AKTIVITI

4.1 Aktiviti Peningkatan kompetensi staf

BIL	NAMA KURSUS	tarikh kursus	JUMLAH KEHADIRAN	SUMBER KEWANGAN			JUMLAH (RM)
				LDP	NLC	LAIN-LAIN	(Jika LDP sahaja)
1	KURSUS PENJAGAAN LUKA	4.1.2019	**102**		**NLC**	LAIN-LAIN	
2	KURSUS PENCEGAHAN JATUH	15.1.2019	**97**		**730.5**	LAIN-LAIN	
3	KURSUS SOFT SKILL	28-29.1.2019	**92**	LDP	1000		1200
4	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 1/2019	12.2.2019	**114**	LDP	1080		840
5	KURSUS BED MANAGER	18.2.2019	**38**	LDP			350
6	KURSUS PENCEGAHAN JATUH	20.2.2019	**74**	LDP			420
7	KURSUS TRANSFUSI DARAH	12.3.2019	**78**	LDP			595
8	KURSUS NNA & NIA	13.3.2019	**75**	LDP			560
9	KURSUS NURSING UPDATE	18.3.2019	**94**	LDP			840
10	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 2/2019	12.4.2019	**85**		**900**		900
11	KURSUS TEAM BUILDING	16-17.4.2019	**86**			LAIN-LAIN	
12	KURSUS LINK FALL NURSE	23.4.2019	**76**		**NLC**	LAIN-LAIN	
13	KURSUS PENGURUS WAD	8-9.5.2019	**41**		**NLC**	LAIN-LAIN	
14	CREATING RESEARCH CULTURE	15.5.2019	**65**		**NLC**	LAIN-LAIN	
15	SEMINAR & SAMBUTAN HARI JURURAWAT PERINGKAT HOSPITAL	22.5.2019	**231**		**NLC**	LAIN-LAIN	
16	KURSUS PERAWATAN DORMISILIARI	29.5.2019	**96**		**NLC**	LAIN-LAIN	
17	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 3/2019	29.6.2019	**124**		**NLC**		
18	2ND MELAKA NURSING CONFERENCE 2019	18-19.7.2019	**506**	LDP (YURAN PENDAFTARAN UNTUK 20 ORANG)		LAIN-LAIN	4000
19	KURSUS TEAM BUILDING	2-3.8.2019	**67**			LAIN-LAIN	
20	KURSUS DOKUMENTASI	9.8.2019	**62**		**200**	LAIN-LAIN	
21	KURSUS BLS	13-14.8.2019	**24**			LAIN-LAIN	

22	SEMINAR ADAKAH SAYA JURURAWAT IDAMANMU	22.8.2019	**123**		**NLC**	LAIN-LAIN	
23	KURSUS KOMPETENSI JURURAWAT MASYARAKAT	23.8.2019	**37**		**NLC**	LAIN-LAIN	
24	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 4/2019	6.9.2019	**108**		**NLC**	LAIN-LAIN	
25	KURSUS DOKUMENTASI-THROMBO & PRESURE SORE	1.10.2019	**83**		**NLC**	LAIN-LAIN	
26	KURSUS BLS BIL 1/2019	24-25.10.2019	**49**		**NLC**	LAIN-LAIN	
27	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 5/2019	13.11.2019	**95**		**NLC**	LAIN-LAIN	
28	KURSUS LEADERSHIP-BUDAYA KORPORAT	14.11.2019	**94**		**662.6**	LAIN-LAIN	
29	KURSUS IV MANAGEMENT	21.11.2019	**50**		**NLC**	LAIN-LAIN	
30	KURSUS PENJAGAAN STOMA	25.11.2019	**70**	LDP	240		560
31	KURSUS CANNULATION	13-14.12.2019			**320**	LAIN-LAIN	
32	SEMINAR LEADERSHIP	23.12.2019	**40**		NLC	LAIN-LAIN	
33	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 6/2019	30.12.2019			**NLC**		
	JUMLAH KESELURUHAN		**3128**	**0**	**5133.1**	**0**	**12765**

Jadual 8.4.3: Kursus anjuran Unit Kejururawatan Hospital Melaka

Unit Kejururawatan telah melaksanakan 33 sesi kursus kepada semua jururawat dari tiap elemen dengan tujuan memastikan jururawat dapat memantapkan pengetahuan dan kemahiran klinikal dan mencapai markah CPD yang ditetapkan oleh Bahagian Kejururawatan KKM untuk memohon Annual Practicing Certificate (APC).

Dari jadual 3, didapati 24 sesi kursus yang dilaksanakan, telah ditanggung oleh staf sendiri secara ikhlas tanpa ada sebarang rungutan dan aduan, Kelab Ketua Kejururawatan Hospital Melaka ada memberi sedikit bantuan menanggung sebahagian yuran makan bagi mengurangkan beban staf.

Bagi memastikan semua jururawat mencapai markah CPD yang ditetapkan, hanya bergantung kepada 33 sesi kursus yang dianjurkan oleh Unit Kejururawatan adalah tidak mencukupi. Namun demikian Penyelia Jururawat di tiap Jabatan juga mengadakan CNE mengikut keperluan kepada staf staf bawah jagaan di sepanjang tahun 2019

Penganjuran Kursus dan CNE amat penting untuk memantapkan peningkatan kompetensi staf dalam perlaksanaan penjagaan pesakit yang berkualiti dan holistic. Unit Kejururawatan juga mengadakan kursus / bengkel motivasi untuk memupuk keseronokan dan semangat bekerja di wad wad dan klinik klinik Hospital Melaka.

4.2 Aktiviti Unit Kejururawatan

- Kelab Ketua Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka telah menganjurkan Gotong Royong Perdana pada 12 Jan 2019 dari pukul 7.30 pagi hingga 1.30 petang. Tujuan gotong royong ini adalah untuk menanam pokok bunga dan mengecat batu bata di taman berdekatan Klinik Payu Dara kerana ada pertanding taman pada bulan February 2019 atas saranan mantan Pengarah Datuk Hatijah.

- Kelab Ketua Kejururawatan Hospital Melaka (NLC) telah menganurkan Mesyuarat AGM 1st "Nursing Leader Club" Hospital Melaka pada 15 FEB 2019 dari pukul 8.00 pagi – 5.00 petang di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka juga menganjurkan aktiviti Program Go Fit No Quit dengan memanjat Bukit Beruang pada 2 Mac 2019 pada pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, dengan tujuan meningkatkan kesihatan staf seperti yang disarankan oleh Pengarah Kejururawatan KKM. Pn. Aishah, bendahari MNA menyumbang makanan untuk semua yang hadir.

- Port folio Latihan Unit Kejururawatan berjaya menganjurkan Team building di D' Kok Eco Camp pada 18-19 Mac 2019 dengan seramai 100 peserta yang terdiri dari Penyelia Jururawat, Ketua Jururawat dan Jururawat Terlatih dari semua jabatan.

- Unit Kejururawatan juga aktif melibatkan diri dalam National Nursing Research Colloqium pada 24-25 April 2019, di mana KJ Rustina dan KJ Mazrina telah mengambil bahagian dalam poster presentation.

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka juga melibatkan diri untuk menyumbang Perkhidmatan Komuniti sempena Program Kospen di Taman Cempaka pada 30 April 2019

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka juga menganjurkan Program Iftar pada 10 Mei 2019 sempena menyambut Hari Jururawat untuk semua jururawat Hospital Melaka yang bertugas petang. Tujuan program ini adalah untuk menunjukkan penghargaan kami kepada semua jururawat kami yang komited menjalankan tugasan petang masa bulan Ramadan ini. Jawatan kuasa program ini terdiri daripada 18 orang dan telah menyediakan 520 pack makanan (ayam masak sambal, vegetable and white rice) dari pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang kepada 42 wad / unit Hospital Melaka.

- Unit Kejururawatan juga melibatkan diri dengan membawa 68 orang jururawat Hospital Melaka menyertai Sambuatan Hari Jururawat Peringkat Kebangsaan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEP) pada 12 Mei 2020. Majlis berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

- Unit Kejururawatan bersama Persatuan Jannatul Firdausi Staf pencen yang memberi sumbangan Iftar Ramadan untuk menyedarkan bubur lambuk ke wad-wad Hospital Melaka pada 12 Mei 2020 pada pukul 4.30 petang.

- Unit Kejururawatan telah berjaya menganjurkan Seminar Motivasi sempena Sambuatan Hari Jururawat Peringkat HM pada 22 Mei 2019 dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 petang. Penceramah adalah jemputan khas iaitu motivator Raffidah yang amat popular di Malaysia. 220 orang peserta dari 3 hospital dan 3 PKD Melaka yang sertai seminar ini.

- Unit Kejururawatan Hospital Melaka telah berjaya menganjurkan Hari Jururawat Peringkat Hospital Melaka 2019 pada 22 Mei 2019 pada pukul 2.30PM yang dirasmikan oleh mantan Pengarah Datuk Dr Hatijah Hj Mohd Tan. Tema Hari Jururawat 2019 adalah Nurses: A Voice To Lead, Health for All.
- Unit Kejururawatan Hospital Melaka juga telah mengadakan Lawatan jalinan kasih mesra ke rumah bagi melawat jururawat yang sakit sempena sambutan Hari Jururawat telah diadakan pada 11 Mei 2019. kami berjaya melawat 4 orang jururawat yang sakit.

- Unit Kejururawatan telah menganjurkan NURSES NITE pada 29 Jun 2019 di Bunga Raya Ballroom, Plaza Ramada yang dirasmikan oleh mantan Pengarah Datuk Dr Hatijah Hj Mohd Tan, seramai 360 orang yang menghadiri majlis makan malam kejururawatan ini.

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka juga telah berjaya menganjurkan Melaka 2nd Nursing Conference 2019 pada 18 – 19 Julai 2019 di Avillion Legacy Hotel, Melaka dengan tema: 'Nurses: Excellent Well-Being, Excellent Care'. Tujuan konferen ini adalah untuk mendapatkan penceramah jemputan khas majoriti dari kejururawatan dan seorang lawyer serta seorang doktor dari Hospital Seremban untuk memberi topik topik yang menekankan kesedaran isu kejururawatan, kepentingan meningkatkan imej profesion kejururawatan, cara mengatasi stres, cara komunikasi yang berkesan dan kepentingan dokumentasi dari segi undang undang. Kami dapat menjayakan konferen dengan cemerlang. Seramai 540 orang peserta menghadir konferen ini. Majoriti peserta memberi komen yang baik berkenaan konferen ini.

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka juga mengadakan Program pautan kasih jalinan mesra jururawat Melaka dengan PDK Nur Shahirah Merlimau Melaka @ 13.9.2019. kami dapat menceriakan anak anak di pusat berkenaan dengan jayanya.

- Kelab Ketua Kejururawatan (NLC) dan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka serta Kelab Perubatan Hospital Melaka juga menganjurkan sukan pertandingan bola jaring pada 2 November 2020 di Dewan Sekolah Bukit Baru sempena Hari Jururawat. Sambutan ini buat lambat atas sebab kesibukan tugasan klinikal. Johan jatuh kepada pasukan Dewan Bedah, naik johan jatuh kepada pasukan Jabatan Kecemasan dan tempat ke tiga jatuh kepada pasukan Jabatan O&G.

- Unit Kejururawatan juga melibatkan diri dalam lawatan ke wad wad Jabatan O&G (4 kali Lawatan), Jabatan Pediatrik (15 kali Lawatan), Jabatan Perubatan (5 kali Lawatan), Jabatan Pembedahan (3 kali Lawatan) dan Jabatan Orthopedik (2 kali Lawatan). Kebanyakan lawatan ini untuk menceriakan pesakit pesakit di wad wad khasnya kanak kanak dan pesakit kanser.

Penglibatan dan sumbangan yang komited dari Unit Kejururawatan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Jabatan, Hospital Melaka, Jabatan Kesihatan Negeri dan Peringkat KKM serta di peringkat antara bangsa.

5.0 PENCAPAIAN

5.1 Terdapat beberapa jururawat kenaikan pangkat melibatkan anggota kejururawatan antaranya adalah seperti berikut:-

i. Kenaikan pangkat Jururawat Gred U32 ke U36 seramai tiga orang
ii. Kenaikan pangkat Jururawat Gred U29 ke U32 seramai 4 orang, seorang kekal di Hospital Melaka dan 3 orang ditempatkan di Negeri Sembilan
iii. Kenaikan Pangkat Jururawat KUP Gred U32 ke Ketua Jururawat Hakiki U32 seramai 7 orang
iv. Kenaikan Pangkat Jururawat Gred U29 ke KUP U32 seramai 53 orang

5.2 Seramai 123 orang anggota kejururawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2019, berikut adalah jumlah staf yang mendapat APC dari tahun 2014 hingga 2019 mengikut kategori jururawat, ianya menunjukkan ada penurunan lagi bilangan calon jururawat bagi tahun ini iaitu seramai 2 orang. Walau bagaimana pun kami pihak kejururawatan terima kasih kepada pihak pengurusan atas sokongan dan penghargaan yang diberi.

BIL	JAWATAN	JUMLAH		Bilangan calon yang menerima APC				
			2014	2015	2016	2017	**2018**	**2019**
1	Ketua Penyelia Jururawat	1	0	0	0	0	0	0
2	Penyelia Jururawat U 42	6	2	0	1	0	0	0
3	Penyelia Jururawat U 41	4	1	0	1	1	0	0
4	Penyelia jururawat U36	19	1	2	4	2	3	3
5	Ketua Jururawat U32	121	10	6	18	24	33	44
6	Jururawat U 29/32	184	88	15	18	26	19	63
7	Jururawat U 29	1031	1	91	75	71	56	
8	Jururawat Masyarakat U19 /24 /26	145	7	10	12	7	14	13
	Jumlah	1511	110	124	129	131	125	123

Jadual 8.4.4: Taburan jururawat yang mendapat APC mengikut kategori jururawat

5.3 Aduan dan penghargaan

Unit Kejururawatan dapat mencapai penurunan 5% aduan dari tahun 2018. Di mana bilangan aduan ke atas staf Unit Kejururawatan dapat mengurangkan 11 kes (28.95%) iaitu 27 jika dibandingkan 38 kes pada tahun 2018. Hanya 8 yang berasas dan 19 kes aduan adalah tidak berasas.

Walau bagaimanapun, pihak Unit Kejururawatan akan sentiasa cuba seberapa daya untuk mengatasi isu isu ketidakpuasan pesakit atau waris di peringkat wad atau klinik sebelum mereka membawa isu berkenaan ke Unit Perhubungan Awam. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai dari Unit Perhubungan Awam (PRO) kerana selalu membantu kami menyelaraskan dan menyelesaikan segala aduan yang ditujui oleh pengadu dalam 24 jam hingga 48 jam.

Kami juga banyak menerima penghargaan dari pesakit dan waris di wad wad dan klinik ke atas perkhidmatan penjagaan kejururawatan di mana menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dengan 98 penghargaan jika dibanding dengan tahun 2018 hanya dapat 86 penghargaan.

Sebenarnya banyak wad dan klinik ada banyak menerima pelbagai penghargaan kepada para jururawat dari pesakit dan waris pesakit namun ianya tidak dilaporkan ke Bahagian Pengurusan Unit Penghubungan Awam untuk didaftarkan dalam pendaftaran penghargaan pesakit Hospital Melaka.

PERKARA	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Aduan (berasas / tidak berasas)	37 18/19	24 14/10	17 10/7	27 14/13	15 5/10	38 8/30	27 8/19
Penghargaan			80	90	65	86	98

Jadual 8.4.5: Statistik Aduan dan Penghargaan ke atas jururawat

PERKARA	STANDARD	PENCAPAIAN						
		2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Pesakit Jatuh	10% berkurangan dari tahun lepas	24 (↓ 7.6%)	17 (↓29.1 %)	42 (54%)	40 (↓ 5%)	32 (25%) Penurunan ini adalah disebabkan excluded near fall - 36)	88 Peningkatan yang pesat disebabkan banyak kes tidak benarkan untuk dikecualian (excluded)	94 Peningkatan yang pesat disebabkan banyak kes tidak benarkan untuk dikecualian (excluded) dan kes meningkat pada bulan nov dan dis

Kudis Tekanan	≤ 0.9%	0.40%	0.42%	0.15%	0.77%		0.2%	0.6%
Thrombophlebitis	< 0.5%	0.15%	0.08%	0.18%	0.26%	0.14%	0.19%	0.09%
BLS	HPIA ≥70%	-	-	72%	74.2%	72%	72.51%	72%
	KPI i) kritikal area 65% ii)non kritikal 50%	100% 71%	75.5% 66.1%	66.1% 75.5%	74.2% 59%	72% 75.3%	72.51% 88.8%	98.5% 97%

Jadual 8.4.6: Statistik NIA dan KPI Kejururawatan tahun 2018

5.4 Pencapaian NIA dan KPI Kejururawatan

Jadual 8.4.6 adalah statistik NIA dan KPI yang menunjukan pencapaian klinikal perkhidmatan kejururawatan Hospital Melaka.

Unit Kejururawatan telah berjaya mencapai standard Kudis Tekanan <0.9% dan Thrombophlebitis <0.5% yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Kejururawatan KKM seperti tertera di jadual 8.4.6.

Manakala Unit Kejururawatan tidak dapat menggurangkan 10% insiden pesakit jatuh dari jumlah insiden pesakit jatuh pada tahun 2018. Di mana pada tahun 2019 terdapat peningkatan insiden pesakit jatuh yang pesat dari 88 ke 94 kes. Ini adalah disebabkan penyelaras dan penasihat kami tidak benarkan kes jatuh yang luar kawalan jururawat dikecualikan sejak tahun 2017 walaupun adalah disebabkan kesalahan penjaga. Pada bulan November dan Disember peratusan jatuh meningkat dengan pesat jika dibandingkan dengan 10 bulan yang lalu.

Sejak tahun 2018 Jawatan Kuasa Pencegahan Pesakit Jatuh telah memantapkan dan penambahbaikan dengan adanya penyelaras dan penasihat yang terdiri daripada pengerusi Jawatan Kuasa Patient Safety dan pakar geriatric bagi memberi nasihat dalam langkah penambahbaikan serta memantapkan lagi program prevention fall agar dapat menurunkan insiden jatuh atau menggurangkan kecederaan ke atas pesakit yang jatuh.

Oleh itu, jawatan kuasa telah mengadakan sesi pembentangan kes kes insiden pesakit jatuh dari wad berkenaan kepada penyelaras atau penasihat setiap bulan sebelum dibawa ke mesyuarat jawatan kuasa induk insiden. Jawatan Kuasa Insiden jatuh telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menganjurkan beberapa bengkel, kursus dan CNE pencegahan pesakit jatuh sepanjang tahun 2019.

Dengan usaha Jawatan Kuasa pencegahana Insiden pesakit jatuh dan Jawatan Kuasa Induk Insiden, telah Berjaya mendapatkan 50 katil baru yang berpagar, kesemua telah diagihkan ke wad wad yang ada banyak insiden pesakit jatuh.

Jawatan Kuasa sentiasa berusaha meneruskan program prevention fall agar insiden jatuh dapat dikurangkan dari segi bilangan dan kecederaan pada tahun 2019 dan seterusnya.

Manakala bagi pencapaian KPI Training Basic Life Support (BLS) di kalangan jururawat ada penurunan sedikit pada tahun 2019 (0.51%), jika dibandingkan dengan tahun 2018, ini adalah disebabkan kursus BLS bagi tahun 2019 kurang dilaksanakan oleh port folio BLS dengan bekerjasama dengan Pakar Pegawai Perubatan Medikal dan Anesthesia bagi mencapai KPI yang ditetapkan oleh pihak KKM.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Telah berjaya menghantar 56 (29 Pengambilan Mac 2018 dan 27 pengambilan September 2019) orang jururawat untuk mengikuti pelbagai kursus pos basik pada tahun 2018.

6.2 Dari jadual 5 menunjukkan peningkatan anggota kejururawatan berjaya mencapai 7 hari berkursus iaitu seramai 974 (63.9%) pada tahun 2019 jika dibanding dengan tahun 2018 hanya 496 (32.96%), di mana terdapat 36.1% jururawat terlatih dan jururawat masyarakat yang tidak mencapai 100% untuk menghadiri kursus 7 hari, manakala 29.2% (445) jururawat dapat mencapai 3 hari dan kurang dari 7 hari kursus. Terdapat 106 (6.9%) jururawat yang tidak dapat mencapai 3 hari berkursus pada tahun 2019.

Bil	Gred / Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Hari			Jumlah Kehadiran Kursus
			Kurang dari 3 hari	Hadir 3 hari dan kurang dari 7 hari	Hadir 7 hari dan lebih	
1	Penyelia Jururawat (Gred 41 hingga 44)	**10**			10	10
2	Penyelia Jururawat (Gred 36)	**20**			20	20
3	Ketua Jururawat (Gred 32)	**136**			136	136
4	Jururawat (Gred 29/32)	**1215**	84	387	744	1215
6	Jururawat Masyarakat (Gred 19 hingga 26)	144	22	58	64	144
	Jumlah	**1525**	**106**	**445**	**974**	1525
			6.9%	29.2%	63.9%	100.00%

Jadual 8.4.7: Pencapaian Jururawat menghadir Kursus dan CNE pada 2019

Latihan Sangkut Jururawat Terlatih dari Hospital dan PKD Negeri Melaka

Staf dari Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan PKD yang menjalani latihan sangkutan di Hospital Melaka adalah seperti di jadual berikut:

	HOSPITAL TERLIBAT	ICU	ENT (1-3, klinik)	Aras 2-4 (BCG)	KPP	ETD	kamar Bersalin	Jumalh
1	JASIN	1	-	1		-	-	2
2	ALOR GAJAH		4	1		-	-	5
3	TERENDAK	-	-	1	3	-	-	4
4	PKD AG	-	-	5		-	6	11
5	PKD MT	-	-	7		3	4	14
6	PKD Jasin	-	-	3		-	4	7
7	Hospital Swasta			2				2
8	Wad wad HM	5 (ortho)		3 (ETD, CDS, Aras 3-3)				8
9	Kolej						1	1
	Jumlah	6	4	23	3	3	15	54

Jadual 8.4.8: Staf dari Hospital dan PKD Negeri Melaka yang buat latihan sangkutan di Hospital Melaka

Bagi tahun 2019, Hospital Jasin hanya hantar seorang staf untuk sangkutan di ICU dan seorang untuk BCG manakala Hospital Alor Gajah hanya menghantar 4 orang staf untuk buat latihan sangkutan di wad dan klinik ENT dan seorang untuk BCG.

7.0 ISU DAN CABARAN

Kebanyakan jururawat di Hospital Melaka terdiri daripada jururawat muda iaitu dalam lingkungan 20 -30 tahun [497 (32.6%)]; jururawat antara umur 31 – 40 tahun [744 (48.8%)] dan hanya 78 (5.1%) orang jururawat yang berumur 51-60 tahun seperti dalam jadual 7. Unit Kejururawatan berusaha untuk mengadakan pelbagai kursus atau bengkel bagi memantapkan kompetensi golongan jururawat muda ini.

Di Unit Kejururawatan mempunyai 57 orang jururawat yang mempunyai penyakit kronik dan 24 orang daripada golongan ini memerlukan light duty. Fenomena jururawat –jururawat yang bermasalah light duty (cuti sakit), cuti bersalin, 6 orang jururawat muda telah meletak jawatan dan pengwujudan unit subspeciality baru menjadi satu cabaran hebat kepada Unit Kejururawatan. Di mana pihak kami menghadapi kekangan kekurangan jururawat terlatih U29 di wad- wad. Oleh itu bagai langkah penambahbaikan Unit Kejururawatan mengatur pengagihan dan deployment staff secara dalaman atau antara jabatan dan terpaksa.

7.0 ISU DAN CABARAN

Kebanyakan jururawat di Hospital Melaka terdiri daripada jururawat muda iaitu dalam lingkungan 20 -30 tahun [497 (32.6%)]; jururawat antara umur 31 – 40 tahun [744 (48.8%)] dan hanya 78 (5.1%) orang jururawat yang berumur 51-60 tahun seperti dalam jadual 7. Unit Kejururawatan berusaha untuk mengadakan pelbagai kursus atau bengkel bagi memantapkan kompetensi golongan jururawat muda ini.

Di Unit Kejururawatan mempunyai 57 orang jururawat yang mempunyai penyakit kronik dan 24 orang daripada golongan ini memerlukan light duty. Fenomena jururawat –jururawat yang bermasalah light duty (cuti sakit), cuti bersalin, 6 orang jururawat muda telah meletak jawatan dan pengwujudan unit subspeciality baru menjadi satu cabaran hebat kepada Unit Kejururawatan. Di mana pihak kami menghadapi kekangan kekurangan jururawat terlatih U29 di wad- wad. Oleh itu bagai langkah penambahbaikan Unit Kejururawatan mengatur pengagihan dan deployment staff secara dalaman atau antara jabatan dan terpaksa mengalakkan jururawat membuat double duty bagi memastikan anggota yang cukup untuk melaksanakan perkhidmatan penjagaan pesakit di wad wad. Pada tahun 2019 Unit Kejururawatan juga terdapat 4 orang jururawat yang meninggal dunia.

BIL	JAWATAN	20 - 25 tahun		26 - 30 tahun		31 - 35 tahun		36 - 40 tahun		41 - 45 tahun		46 - 50 tahun		51 - 55 tahun		56 - 60 tahun		JUMLAH
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Jururawat U48	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
2	Jururawat U44	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	**1**
3	Jururawat U42	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0	1	0	1	**6**
4	Jururawat U41	0	0	0	0	0	1	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	**3**
5	Jururawat U36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	4	0	8	0	6	**20**
6	Jururawat U32	0	0	0	0	0	0	0	47	0	50	0	22	0	13	0	4	**136**
7	Jururawat KUP U32	0	0	0	0	2	2	3	105	0	58	0	30	0	28	0	10	**238**
8	Jururawat U29	0	18	25	416	25	348	8	108	0	16	0	8	0	4	0	0	**976**
9	Jururawat Masyarakat U26	0	0	0	0	0	0	0	2	0	1	0	0	0	0	0	0	**3**
10	Jururawat Masyarakat U24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0	**5**
11	Jururawat Masyarakat KUP U24	0	0	0	0	0	0	0	20	0	2	0	0	0	2	0	0	**24**
12	Jururawat Masyarakat U19	0	0	0	38	0	54	0	18	0	2	0	0	0	0	0	0	**112**
JUMLAH		**0**	**18**	**25**	**454**	**27**	**405**	**11**	**301**	**0**	**137**	**0**	**68**	**0**	**57**	**0**	**21**	**1524**

Jadual 8.4.9: Taburan jururawat vesus umur jururawat di Hospitl Melaka

8.0 KESIMPULAN

Dengan beban kerja jururawat yang tinggi di wad –wad, tidak selaras dengan bilangan jururawat syarat yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Kejururawatan iaitu norm level of care atau ideal staffing yang sebenar. Hosptial Melaka telah menambah banyak subspeciality klinik / wad dengan tamabah pakar, malah tiada tambahan jururawat dibekalkan. Ini mengakibatkan jururawat terpaksa menjalankan tugasan multitasking dalam tugasan klinikal dan tugasan pekeranian. Kekurangan jururawat terlatih U29 juga menyebabkan ramai jururawat terpaksa menjalankan tugasan double duty untuk memastikan perkhidmatan penjagaan kejururawatan ke atas pesakit dilaksanakan dengan baik. Ketidakcukupan staf di wad-wad terutama wad yang sibuk menyebabkan ramai jururawat enggan bertugas di wad-wad medikal yang tinggi beban kerja. dan mohon pindah ke klinik, blood bank Hospital Melaka dan klinik kesihatan kerana mudah dan tidak perlu bertugas shif malam.

Kami amat berharapkan pihak atasan khasnya Bahagian Kejururawatan KKM dapat membekalkan jururawat pelbagai kategori khasnya jururawat U29 seperti yang dipohon dari pihak kami bagi mengatasi kesan kekurangan staf di Unit Kejururawatan Hospital Melaka.

Walau bagaimanapun pasukan Unit Kejururawatan akan cuba memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada pesakit kami demi imej hospital dan profession kejururawatan.

Jadual 8.4.9: Taburan jururawat vesus umur jururawat di Hospitl Melaka

PUSAT RAWATAN HARIAN

1.0 PENGENALAN

Pusat Rawatan Harian beroperasi mulai pada Julai 1999 sehingga sekarang. Lokasinya adalah di Aras 1 berdekatan dengan Lobi Utama, Hospital Melaka. Pada masa ini, Pusat Rawatan Harian mempunyai kemudahan 2 bilik Dewan Bedah, 2 bilik untuk Endoskopi (upper and lower endoscopy) serta 3 bilik Prosedur. 2 kubikal wad (dewasa) dengan 9 katil, manakala 1 kubikal dengan 5 katil untuk kes pediatrik. Jadual operasi Pusat Rawatan Harian bermula seawal jam 7:30 pagi sehingga 5:00 petang setiap hari Isnin sehingga Jumaat.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Aktiviti-aktiviti utama Pusat Rawatan Harian adalah berdasarkan kepada unit-unit di dalam Pusat Rawatan Harian seperti berikut:

2.1 Perkhidmatan/Unit Kaunter

Unit ini merupakan pusat aktiviti yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

2.1.1 Penerimaan dan pendaftaran pesakit
2.1.2 Caj rawatan pesakit mengikut prosedur sebelum pesakit menjalani prosedur rawatan yang telah dijadualkan
2.1.3 Penetapan tarikh temujanji prodesur
2.1.4 aklimat kaunseling pre prosedur bagi kes endoskopi

2.2 Perkhidmatan/Unit Pediatrik

Prosedur yang dilakukan oleh unit ini adalah:

2.2.1 Blood tranfusion untuk kes Thalassaemia
2.2.2 Inj. Factor viii untuk kes Haemophillia
2.2.3 Investigation
- a. Blood
- b. Urine

2.2.4 Radiological Investigation
- a. MRI
- b. Ultrasound
- c. CT Scan
- d. MCUG

2.2.5 Flushing
2.2.6 Chemotheraphy
2.2.7 Dressing
2.2.8 Immunisation
- a. MMR
- b. HEXA
- c. EEG

2.3 Perkhidmatan/Unit Endoskopi

Perkhidmatan endoskopi yang dijalankan di Pusat Rawatan Harian:

2.3.1 Gastroskopi (OGDS)
2.3.2 Kolonoskopi
2.3.3 Sigmoidoskopi
2.3.4 Protoskopi & Rubber Banding
2.3.5 Endoscopic Retrogade Cholangio Pancreatoscopy (ERCP)
2.3.6 Bronchoskopi

2.4 Perkhidmatan/Wad Pemulihan & Onkologi

Prosedur-prosedur yang dilakukan di unit ini adalah:

2.4.1 Flushing of chemoport
2.4.2 Blood transfusion
2.4.3 Venesection
2.4.4 Pleural / abdominal tapping
2.4.5 Blood taking
2.4.6 Dressing
2.4.7 Special test
    a. Short synanthan test
    b. Insulin tolerance test
    c. Saline suppression test
2.4.8 Ubatan khas
    a. Inj. Methylprednisolone
    b. Inj. Zometa
    c. Inj. Venofer
    d. Inj. Infliximab
    e. Inj. Toxilixumab
    f. Inj. Vaksin
    g. Inj. Dextran
    h. Inj. GCSF
2.4.9 Observation and monitoring
    a. Post CT Scan
    b. Post Operation
2.4.10 Post endoskopi
2.4.11 Preparation patient for procedure
2.4.12 Rehabilitation
2.4.13 Pain

2.5 Perkhidmatan Dewan Bedah

Pembedahan yang dilakukan adalah meliputi kes-kes Under General Anaesthesia, Local Anaesthesia dan Sedation. Jabatan-jabatan yang menggunakan perkhidmatan Dewan Bedah antaranya adalah:

2.5.1 Surgical
2.5.2 Oftalmologi
2.5.3 Otorinolaringologi (ENT)
2.5.4 Plastic Surgery
2.5.5 Paed Surgery
2.5.6 Dental Paed / Adult
2.5.7 Orthopedic

3.0 SUMBER MANUSIA

BIL	JAWATAN	GRED	BILANGAN
1	Pengerusi Jawatan kuasa Pusat Rawatan Harian	JUSA B	1
2	Penolong Pegawai Perubatan	U41	1
3	Penolong Pegawai Perubatan	U32	0
4	Penolong Pegawai Perubatan	U32 (KUP)	4
5	JururawatTerlatih	U32 (KUP)	7
6	Penolong Pegawai Perubatan	U29	4
7	JururawatTerlatih	U29	6
8	JururawatMasyarakat	U24	1
9	JururawatMasyarakat	U19	1
10	Pembantu Perawatan Kesihatan	U14	1
11	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	2
12	PembantuTadbir	N17	0
		TOTAL	28

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Statistik Bilangan Prosedur

Perbandingan mengikut Tahun 2012 - 2019

UNIT	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
PAEDIATRIK	3059	5184	6451	5589	5126	5903	5886	6379
ENDOSKOPI	3781	3523	4176	4237	4699	5069	4854	4748
ONKOLOGI & WAD RECOVERY	1340	2076	2879	3029	3424	3717	4319	4108
DEWAN BEDAH DAYCARE	684	1103	3107	3268	3199	3062	3232	3451
TOTAL	8864	11886	16613	16123	16448	17751	18291	18686

4.2 Statistik Bilangan Kedatangan

Perbandingan Mengikut Tahun 2010 – 2019

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
UNIT PAEDIATRIK	0	0	3059	2680	2756	2471	2385	2551	2954	3043
UNIT ENDOSKOPI	3061	3352	3781	3523	3518	3930	4010	4588	4457	4499
ONKOLOGI & WAD RECOVERY	0	0	1340	2076	2643	2689	3143	3132	3591	3585
DEWAN BEDAH DAYCARE	759	958	684	1103	3107	3268	3199	3062	3232	3451
JUMLAH	3820	4310	8864	9382	12024	12358	12737	13333	14234	14578

4.3 Statistik Unit Endoskopi

Perbandingan Mengikut Tahun 2010 – 2019

SCOPES	JAB	TAHUN						
		2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
OGDS	**SURG**	2197	1622	1495	2296	2079	1958	2017
COLONO		1033	1089	1284	1438	1447	1480	1653
SIGMOID		129	115	142	85	99	68	65
ERCP		360	338	201	650	643	507	218
OGDS	**MED**	0	267	882	166	667	695	691
COLONO		0	42	112	0	0	0	0
ERCP		0	0	31	0	0	0	0
BRONCHO	**MED**	62	47	29	64	134	146	104
BRONCHO	**ORL**	0	3	0	0	0	0	0
GRAND TOTAL		3781	3523	4176	4699	5069	4854	**4748**

4.4 Statistik Unit / Wad Pemulihan & Onkologi

Perbandingan Mengikut Tahun 2012 – 2019

TAHUN	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
CHEMO SURGIKAL	586	475	704	490	364	356	438	401
CHEMO MEDIKAL	95	228	224	218	203	237	349	304
CHEMO ORTHO	60	98	0	0	0	1	0	0
CHEMO ENT	285	471	0	0	0	0	0	0
FLUSHING CHEMOPORT	88	228	98	102	115	132	124	156
BLOOD TRANSFUSION	86	68	452	547	638	594	687	689
INJ UBAT KHAS	1	7	360	320	386	344	332	563
VENESECTION	6	366	40	40	88	115	72	77
PLEURAL TAPPING	0	5	3	0	0	0	0	0
BLOOD TAKING	89	0	596	622	1126	1091	1395	1148
SPECIAL BLOOD IX	4	0	30	6	0	0	0	0
KES ENT(chemo)	1	1	0	0	0	0	0	0
RYLES TUBE	4	35	0	0	0	0	0	0
DRESSING	5	2	0	14	1	0	2	0
ABDOMINAL/ PERITONIAL TAPING	3	80	97	70	64	99	85	96
OBSERVATION CT SCAN	27	1	0	2	0	0	0	1
CHANGE TRACKY TUBE	0	11	0	0	0	0	0	0
PAIN	0	9	3	2	0	0	0	0
SPECIAL TEST	0	1	5	52	121	164	85	111
REHABILITASI	0	4	22	0	0	0	0	0
BONE MARROW NEEDLE BIOPSY	0	1	1	0	0	0	20	36
MRI â SEDATION	0	1	1	0	0	0	0	1
CBD INSERTION	0	2	0	0	0	0	0	0
CAPSULE ENDOSCOPY	0	0	1	0	0	0	0	0
PEMBERIAN IVD	0	0	1	136	17	0	2	0
TPN	0	0	5	68	0	0	0	0
POST OP. PRE/POST/CARE	0	0	236	340	298	585	728	523
TOTAL	1340	2076	2879	3029	3424	3717	4319	4108

4.5 Statistik Unit Pediatrik

Perbandingan mengikut Tahun 2013 - 2019

JUMLAH PROSEDUR CA									
BIL	TAHUN		2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
	CASE FOLLOW UP								
1	THALASSAEMIA		0	1376	1210	1283	1282	**1567**	1562
2	HAEMOPHILIA		0	223	253	130	125	**160**	115
3	ONCOLOGY		0	486	342	275	330	**237**	299
4	PALLIATIVE		0	0	0	0	36	**18**	18
	PSYCHIATRIC			0	0	0	41	**57**	53
	RESPIRATORY		0	0	0	0	0	**39**	20
	SKIN		0	0	0	0	0	**26**	20
	INR		0	0	0	0	0	**157**	129
	ITP		0	0	0	0	0	**64**	63
	BARU		0	0	9	0	0	**0**	0
	ULANGAN		0	8	40	21	2	**0**	0
	JUMLAH		0	2170	1854	1709	1816	**2325**	2279
	INVESTIGATION								
1	BLOOD		0	1986	1775	1571	1738	**1909**	2183
2	URINE Ix		0	387	362	342	577	**355**	383
3	RADIOLOGICAL		0	0	0	0	0	**0**	0
	MRI		0	69	74	76	66	**68**	87
	ULTRA SOUND		0	2	1	8	8	**0**	4
	CT SCAN		0	13	36	27	15	**21**	21
	MCUG		0	25	28	20	25	**13**	11
	OTHER (CATH, RT)		0	175	55	82	20	**4**	9
	JUMLAH		0	2657	2331	2126	2449	**2370**	2698
	PROCEDURES								
1	FLUSHING		0	217	82	62	99	**83**	114
2	CHEMOTHERAPY		0	87	67	71	96	**37**	17
3	DRESSING		0	179	82	56	99	**59**	56
4	IMMUNISATION		0	0	0	0	0	**0**	0
	MMR		0	26	17	22	1	**11**	0
	SYNAGIS		0	5	57	67	56	**72**	49
	EEG		0	67	60	45	61	**50**	56
	BLOOD TRANFUSION		0	1043	930	859	889	**762**	798
	OTHERS		0	0	109	109	337	**117**	234
	JUMLAH		0	1624	1404	1291	1638	**1191**	1402
	JUMLAH BESAR		0	6451	5589	5126	5903	5886	6379

2019		TOTAL
SURG	LA	164
	GA	106
SURG PEADS	LA	0
	GA	0
ORTH	LA	83
	GA	0
O&G	LA	0
	GA	0
DENTAL	LA	0
	GA	43
DENTAL (PAED)	LA	0
	GA	6
EYE	LA	2926
	GA	0
PLASTIC	LA	13
	GA	0
ENT	LA	101
	GA	9
UROLOGI	LA	0
	GA	0
JUMLAH		3451

Jadual 8.5.1 : Dewan Bedah

5.0 AKTIVITI

5.1 Basic Surgery Skill

Tarikh : 19 - 20/3/19

Beberapa orang anggota telah terlibat sebagai Ahli JawatanKuasa di dalam kursus ini yang telah dianjurkan oleh Jabatan Pembedahan.

5.2 Bengkel Kemahiran Teknik Berkhatan

Tarikh : 26 - 27/11/19

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pembedahan dan telah diadakan di Pusat Rawatan Harian.

5.3 Program Amal Hospital Melaka Berkhatan Beramai-ramai.

Tarikh : 05/12/2019

Program berkhatan beramai-ramai bagi anak-anak yatim dan golongan miskin sekitar Negeri Melaka. Program amal ini Anjuran Bahagian Penyeliaan Hospital bertempat di Pusat Rawatan Harian dan seramai 70 orang anak anak yatim telah menyertai program amal pada kali ini.

5.0 PENCAPAIAN

6.1 Pencapaian *Quality Improvement Activities*

	AKTIVITI	STANDARD	PENCAPAIAN
1	Bilangan kakitangan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 3 hari setahun	100%	Tercapai
2	Memastikan 85% pesakit mendapatkan rawatan dalam masa 45 minit mengikut waktu temujanji	85%	Tercapai

Jadual 8.5.2 :Pencapaian Objektif Kualiti

2019 / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
PENCAPAIAN (%)	98.5	96.1	96.3	95.7	98.2	96.0	92.4	96.5	96.5	96.6	96.8	97.0

Jadual 8.5.3 :Memastikan 85% PesakitMendapatkanRawatanDalam Masa 45 Minit MengikutWaktuTemujanji

7.0 ISU DAN CABARAN

Perkhidmatan rawatan dan prosedur yang dijalankan di Pusat Rawatan Harian semakin bertambah dari masa ke semasa selari dengan perkembangan semasa. Sehubungan dengan itu, kedatangan pesakit juga turut mencatatkan peningkatan. Oleh yang demikian terdapat berbagai masalah yang telah dihadapi di Pusat Rawatan Harian sepanjang tempoh tahun semasa:

7.1 Kekurangan Bilik Prosedur / Ruang Menunggu / Ruangan kubikel Katil wad

Bagi mengatasi masalah kekurangan bilik prosedur yang sesuai terutama bagi kes oftalmologi. Bilik Melor yang sebelum ini digunakan untuk pre dan pos pembedahan kes-kes oftalmologi terpaksa berkongsi dengan kes-kes bagi prosedur pterygium pada hari –hari tertentu. Sementara pesakit yang hendak menjalani pembedahan menunggu giliran di hadapan dewan bedah yang dirasakan tidak sesuai untuk pesakit menunggu. Pesakit diletakkan diatas kerusi sementara menunggu giliran untuk menjalani prosedur atau pembedahan. Ruang menunggu di dalam Pusat Rawatan Harian yang terhad menyebabkan waris-waris pesakit terpaksa menunggu di luar Pusat Rawatan Harian. Walaubagaimanapun permohonan dibawah BP0006 telah dihantar setiap tahun bagi menambah keluasan wad sedia ada.

7.2 Kekurangan Peralatan dalam Fasiliti

Kekurangan peralatan perubatan dan bukan perubatan adalah ketara apabila terdapat peralatan yang rosak. Walaubagaimana pun permohonan bagi pembelian peralatan ini telah dibuat pada setiap tahun.

7.3 Sumber Manusia

Ketiadaan Pembantu Tadbir yang tetap di Pusat Rawatan Harian menyebabkan Penolong Pegawai Perubatan atau pun Jururawat Terlatih terpaksa ditempatkan di Kaunter Utama secara bergilir-gilir. Ini adalah bagi memastikan kelancaran operasi dan perkhidmatan di sini. Keadaan ini juga menyebabkan ada unit di Pusat Rawatan Harian terlibat akan kekurangan staf.

Selain dari pada itu pesakit yang menerima rawatan di Pusat Rawatan Harian terpaksa membuat urusan caj dan bayaran di kaunter Unit Hasil. Dengan penempatan Pembantu Tadbir di sini urusan pendaftaran dan caj berkaitan dapat dilakukan serentak.

Ketiadaan Pembantu Tadbir juga menyebabkan Pendaftaran di dalam sistem rekod SMRP (Sistem Maklumat Rawatan Pesakit) dan juga Case-Mix turut terjejas.

UNIT KESIHATAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan Unit Kesihatan Awam di Hospital Melaka pada 12 Mei 2003. Unit ini adalah di bawah seliaan Timbalan Pengarah Perubatan (IV) Hospital Melaka, Dr Mohd. Rosli Bin Tompang. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Perubatan UD48, dan dianggotai oleh seorang Pegawai Perubatan UD48, seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Gred U32, seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, seorang Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 dan seorang Pembantu Awam Gred H11. Unit ini adalah unit sokongan yang memberi perkhidmatan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit (NCD), kesihatan persekitaran, kebersihan premis makanan, dan menjalankan penguatkuasaan perundangan yang berkaitan dengan kesihatan awam seperti Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, Akta Makanan 1983, dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (Pindaan Kawalan Hasil Tembakau 2004). Skop bidang tugas unit adalah luas dan meliputi bidang kawalan vektor, keselamatan dan kebersihan mutu makanan, kawalan kebersihan mutu air minuman, kawalan penyakit berjangkit dan penguatkuasaan larangan merokok di kawasan Hospital Melaka.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Kawalan Penyakit Berjangkit (Notifikasi Kes Penyakit-berjangkit)
- Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
- Kawalan Mutu Keselamatan dan Kebersihan Makanan
- Kawalan Mutu Kebersihan Air Minuman
- Pengurusan Data Survelan
- Penguatkuasaan & Perundangan Kesihatan Awam

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BILANGAN
Pentadbir/klinikal,Pegawai Perubatan Gred UD43/44/47/48/51/52/53/54	2
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan U32	1
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29	1
Pembantu Kesihatan Awam U19	1
Pembantu Awam H11	1
JUMLAH	**7**

4.0 AKTIVITI

4.1 Kawalan Penyakit-Berjangkit

- Notifikasi kes penyakit-berjangkit.
- Melaporkan penyakit-berjangkit melalui sistem E-notifikasi
- Menyiasat aduan mengenai punca kelewatan notifikasi
- Menganjur taklimat notifikasi bagi kakitangan baru
- Menganjur mesyuarat pengurusan wabak

4.2 Kawalan Vektor

- Menyelaras aktiviti Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan
- Memantau aktiviti penghapusan tempat pembiakan nyamuk dan jentik-jentik oleh pihak konsesi secara teknikal
- Memastikan aktiviti kawalan rodent, serangga, dan haiwan perosak yang lain dijalankan oleh pihak konsesi
- Menyiasat aduan pest dari kakitangan hospital
- Menyelaras gotong-royong bebas denggi di Hospital Melaka dan kuarters kediaman
- Memantau aktiviti latihan CPG denggi di kalangan kakitangan hospital
- Menyelaras mesyuarat mortaliti denggi
- Menganjurkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada kakitangan

4.3 Kawalan Mutu Kebersihan dan Keselamatan Makanan

- Menjalankan pemeriksaan premis-premis makanan di Hospital Melaka
- Memastikan pengendali makanan mendapat suntikan vaksin mencegah tifoid
- Memastikan persampelan makanan (mikrobiologi dan kimia) dan enviromental swab di Jab. Dietetik Dan Sajian
- Memantau kegiatan penjaja haram di kawasan hospital
- Menyiasat aduan berkenaan premis makanan
- Menganjurkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada pengendali makanan
- Menyelaras mesyuarat jawatankuasa pemantauan premis makanan
- Membantu dalam persijilan HACCP, HALAL dan Kafeteria Sihat

4.4 Kawalan Mutu Air Minuman

- Menyelaras aktiviti persampelan air terawat(12 point)
- Menyelaras persampelan air kumbahan dan memantau sistem air kumbahan
- Memantau persampelan air RO
- Memastikan ujian Legionella dijalankan di cooling tower
- Memastikan keselamatan dan kualiti air ketika penyelenggaraan dijalankan
- Memantau keselamatan aktiviti cucian tangki

4.5 Kawalan Mutu Air Minuman

- Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Hospital sebagai kawasan bebas asap rokok, mengeluarkan kompaun kepada perokok)
- Akta Permusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Hospital sebagai kawasan bebas denggi, kajian-kajian berkaitan)
- Akta Pencegahan & Kawalan Penyakit- Berjangkit 1988 (Notifikasi penyakit-berjangkit)
- Akta Makanan 1983 ,Peraturan-peraturan Makanan 1985 & Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 (Pemeriksaan premis makanan)


5.0 PENCAPAIAN

5.1 Aktiviti Kawalan Denggi Hospital Melaka

5.1.1 Mesyuarat Program Bebas Denggi di Kemudahan Kesihatan Hospital Melaka



5.1.2 Laporan Kemasukan Kes Denggi Hospital Melaka Tahun 2019




5.1 Aktiviti Kawalan Denggi Hospital Melaka


5.1.1 Mesyuarat Program Bebas Denggi di Kemudahan Kesihatan Hospital Melaka

MESYUARAT	2016	2017	2018	2019
Pertama	16 Mac 2016	18 Mei 2017	23 April 2018	5 Mac 2019
Kedua	4 Ogos 2016	14 Disember 2017	3 Oktober 2018	-

Jadual 8.6.1 : Perbandingan Kemasukan Kes Denggi Mingguan Mengikut Minggu Epid Tahun 2015-2019



Rajah 8.6.1 : Perbandingan Jumlah Kedatangan Pesakit Demam Dan Pesakit Denggi di Hospital Melaka Bagi Tahun 2019



Rajah 8.6.2 : Jumlah Kemasukan Kes Demam Denggi Dan Jumlah Pesakit Denggi Dalam Wad di Hospital Melaka Bagi Tahun 2019


5.1.3 Mortaliti Denggi

TAHUN	2017	2018	2019
Jumlah kematian denggi	1	0	9

5.1.4 Jumlah Kehadiran Latihan CPG Denggi Hospital Melaka

TAHUN	2017	2018	2019
Pakar	27	74	72
MO/HO	337	246	657
Paramedik	666	1129	1042
Lain-lain	911	567	1387
Jumlah	**1941**	**2016**	**3158**

5.1.5 Pencapaian E-Notifikasi Untuk Kes Demam Denggi



5.2 Aktiviti Kawalan Vektor

AKTIVITI	2018	2019
Larvaciding	52 kali setahun berdasarkan jadual	52 kali setahun berdasarkan jadual
Fogging(ULV)	6/2/2018 1/3/2018 12/5/2018 (oleh PKDMT) 1/6/2018 1/9/2018	9/3/2019
MyMat	-	10 Mymat di Blok D 5 Mymat di PCU 15 Mymat di Asrama Kris


5.3 Aktiviti Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan (PBDKK)

AKTIVITI	2018	2019
Gotong-royong	9/2/2018 28/4/2018 11/5/2018 27/7/2018 13/12/2018	22/3/2019 4/4/2019 3/5/2019 16/8/2019
PBDKK	11 zon	11 zon

5.4 Aktiviti Kawalan Penyakit Berjangkit

AKTIVITI	2018	2019
Mesyuarat Pengurusan *Mers-Cov/Ebola Virus Disease*	16/8/2018	23/7/2019 8/8/2019
CME Notifikasi Penyakit-Berjangkit	13/2/2018 22/3/2018 2/7/2018	1/7/2019 15/10/2019 19/11/2019
Simulasi Merscov	22/11/2018	15/8/2019

5.4.1 Pencapaian Sistem E-Notifikasi Untuk Kes Penyakit Berjangkit



5.5 Aktiviti Peraturan- Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Larangan Merokok Di Dalam Hospital)

TAHUN	BILANGAN RONDAAN	BILANGAN KOMPAUN
2017	136/60	24/30
2018	192/60	19/20
2019	146/60	330/20

5.6 Aktiviti Keselamatan Dan Kualiti Makanan

LOKASI	TAHUN 2018	RATING % (Purata)	TAHUN 2019	RATING % (Purata)
Dapur	9/1/2018 6/12/2018	85.1%	29/1/2019 7/5/2019 27/8/2019 16/12/2019	90.2%
Kafeteria	6/4/2018 29/10/2018 6/12/2018	84.3%	24/1/2019 7/5/2019 29/8/2019 17/12/2019	87.4%
Hospi Corner	13/7/2018 28/8/2018 10/12/2018	90.2%	21/1/2019 29/4/2019 5/9/2019 9/12/2019	88%
HospiMart	13/7/2018 10/12/2018	81.75	21/1/2019 24/4/2019 5/9/2019 9/12/2019	88.2%
Kedai Badan Kebajikan Psikiatri	-	-	12/2/2019 24/4/2019 26/8/2019 9/12/2019	92.2%
Dapur Carakerja Psikiatri	-	-	12/2/2019 30/4/2019 3/9/2019 17/12/2019	89.65%
Dapur Taska Pintar	-	-	29/1/2019 17/5/2019 10/9/2019 20/12/2019	84.6%

5.7 Kawalan Mutu Air Minuman

AKTIVITI	INDIKATOR	2018	2019
Persampelan Air Terawat (Dapur) oleh PKDMT	2 kali/setahun	Selesai	Selesai
Persampelan Air Terawat Di Hospital Melaka	2 kali/setahun	Selesai	Selesai
Persampelan Air Kumbahan	12 kali/ setahun	Selesai	Selesai
Persampelan *RO Water*	12 kali/setahun	Selesai	Selesai
Ujian Legionella	Sekali/setahun	Selesai	Selesai

5.8 Kursus Anjuran Unit Kesihatan Awam

- Kursus Dengue Update 2019
  Tarikh : 3 Julai 2019
  Tempat : Auditorium Baiduri Hospital Melaka
  Jumlah Peserta : 110 orang pegawai perubatan dan paramedik

- Kursus Kebersihan dan Keselamatan Makanan
  Tarikh : 25 Jun 2019
  Tempat : Bilik Seminar Forensik, Hospital Melaka
  Jumlah Peserta : 40 orang PPK yang mengendali makanan kepada pesakit

- Taklimat Pengendalian Pesakit Mers-CoV
  Tarikh : 8 Ogos 2019
  Tempat : Bilik Seminar Forensik Hospital Melaka
  Jumlah Peserta : 40 orang paramedik dan pemandu yang mengendali pesakit PUI Mers-CoV

- Program Banteras Denggi Hospital Melaka
  Tarikh : 16 Ogos 2019
  Tempat : Lobi Utama dan sekitar Hospital Melaka
  Jumlah Peserta : 40 orang ahli PDBKK Hospital Melaka

- Lawatan Sambil Belajar PBDKK ke Hospital Langkawi
  Tarikh : 9 November 2019
  Tempat : Hospital Langkawi
  Jumlah Peserta : 40 orang ahli PDBKK Hospital Melaka

UNIT KUALITI

1.0 PENGENALAN

Unit Kualiti dahulunya dikenali sebagai Unit Kualiti dan Penyelidikan (UKP) telah ditubuhkan pada 1 September 2002. Pada tahun 2010, nama ini telah ditukar kepada Unit Inovasi dan kemudiannya diberi penjenamaan semula kepada Unit Kualiti Hospital Melaka pada 2018. Perubahan ini adalah sejajar dengan perkembangan dan penambahan skop perkhidmatan dan fungsi Unit Kualiti di peringkat hospital mahupun kebangsaan.

Unit ini dahulunya terletak di Tingkat 2, Blok B dan kemudiannya telah ditempatkan di Tingkat 1, Blok Pentadbiran Hospital Melaka sejak 2 Januari 2013 sehingga kini.

1.1 Visi

Menjadi unit yang cemerlang serta berdaya saing dalam melaksanakan program peningkatan kualiti yang efektif dan efisien selaras dengan perubahan persekitaran yang dinamik.

1.2 Misi

Misi kami adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perawatan pesakit bersama seluruh warga kerja Hospital Melaka dengan penggunaan teknologi maklumat terkini melalui semangat kerja berpasukan dan profesionalisme.

1.3 Objektif

Objektif Unit Kualiti adalah untuk memastikan:

i. Program peningkatan kualiti di peringkat hospital berjalan dengan teratur dan seiring dengan keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia.
ii. Pengawalan dan penyeragaman maklumat klinikal dan bukan klinikal dalam usaha untuk mencapai piawaian penjagaan pesakit yang optima.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit Kualiti bertanggungjawab dalam penyelarasan, pemantauan dan bertindak sebagai urusetia untuk inisiatif serta program-program seperti dibawah:

i. MS ISO 9001:2015
ii. Akreditasi MSQH 5th Edition
iii. Hospital Kluster
iv. Casemix
v. Lean Healthcare Initiative
vi. Pain Free Hospital
vii. Hospital Performance Indicators for Accountability (HPIA)
viii. Key Performance Indicators (KPI)
ix. Patient Safety
x. Quality Assurance (QA) Program
xi. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
xii. Inovasi
xiii. Jawatankuasa Penasihat Perubatan
xiv. Jawatankuasa Laporan Insiden
xv. Jawatankuasa Mortality & Morbidity
xvi. Jawatankuasa Resusitasi
xvii. Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah
xviii. Penyelarasan dokumen-dokumen terkawal seperti polisi, prosedur kualiti dan lain-lain.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pakar Perubatan UD56	1	1	0	100%
Pegawai Perubatan UD54	1	1	0	100%
Pegawai Perubatan UD52	1	1	0	100%
Pegawai Perubatan UD44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Perubatan U36	1	0	1	0%
Penyelia Jururawat U36	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (P/O) N19	1	1	0	100%
Pembantu Operasi N11	1	1	0	100%
Jumlah	9	8	1	88.9%

4.0 AKTIVITI

4.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

4.1.1 MS ISO 9001:2015

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil. 2/2018 dan MKSP Bil. 1/2019	26 Februari 2019 12 September 2019
2	Bengkel Pengurusan Risiko	8-9 April 2019
3	Kursus Juruaudit Dalaman oleh SIRIM QAS Sdn.Bhd	8-9 Julai 2019
4	Bengkel Pemantapan Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015	2 Ogos 2019
5	Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2015	5-6 Ogos 2019
6	Audit Survelan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS Sdn.Bhd.	7-8 November 2019

4.1.2 Hospital Kluster

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Cluster Management Committee	11 Februari 2019 24 April 2019 24 Julai 2019
2	Bengkel Design Thinking & Action Research Hospital Kluster Melaka	7-8 Oktober 2019
3	Penyelarasan dan edaran Polisi Operasi Hospital Kluster Melaka Edisi 1 2019	November 2019
4	Penyelarasan dan pengumpulan data perkhidmatan Hospital Kluster	Sepanjang tahun

4.1.3 Casemix

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Pengumpulan Maklumat Data Kewangan Sistem Casemix 2018	21 Mei 2019
2	Menghadiri Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pelaksana Sistem Casemix Peringkat JKN Melaka	3 Disember 2019
3	Menyelaras pengumpulan maklumat data kewangan Casemix Hospital Melaka bagi tahun 2018	Mei-Disember 2019

4.1.4 Lean Healthcare Initiative

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Menyelaras kajian *Lean Healthcare* di Jabatan Perubatan dan Jabatan Kecemasan&Trauma	12-18 Mei 2019 18-24 November 2019
2	Menghadiri Pembentangan *A3 Report Lean Healthcare* Jabatan Ortopedik dan Jabatan Oftalmologi di National Health Institute, Setia Alam	3 April 2019

4.1.5 Pain Free Hospital

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk *Pain Free Hospital*	26 April 2019 28 November 2019
2	Membantu dalam menjalankan sesi latihan *Pain as 5th Vital Sign* bagi pegawai perubatan	Setiap Jumaat ketiga setiap bulan sepanjang 2019
3	Sesi Kunjungan *Pain Free Hospital* dari Hospital Rompin	17 Julai 2019
4	*Internal Audit Pain Free Hospital*	22-23 Ogos 2019
5	Sambutan Hari Bebas Kesakitan di KipMall Bachang	12 Oktober 2019

4.1.6 Hospital Performance Indicators for Accountability (HPIA) & Key Performance Indicators (KPI)

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Audit HPIA/KPI bil.2/2018 dan bil.1/2019 oleh JKN Melaka	23-25 September 2019
2	Audit Dalaman KPI Pengarah Kesihatan Negeri oleh JKN Melaka	16 Ogos 2019
3	Audit KPI Pengarah Kesihatan Negeri oleh KKM	3 Oktober 2019
4	Pelaporan data HPIA dan KPI kepada JKN Melaka	Mengikut tempoh yang ditetapkan dalam spesifikasi teknikal KPI
5	Mesyuarat Pencapaian KPI	2 kali setahun

4.1.7 Patient Safety

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	*Patient Safety Awareness Course for House Officers* semasa Minggu Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah a. Ceramah: • *Ethics and Good Medical Practice* • *Patient Safety Basic Concept* • *Effective Communication* *b. Assessment*	April 2019 Ogos 2019 Oktober 2019 November 2019
2	Pelaporan tahunan *Malaysian Patient Safety Goals*	Disember 2019

4.1.8 Quality Assurance (QA) Program

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK QAP	18 Februari 2019 13 Mac 2019
2	Pertandingan QAP (Pusingan Separuh Akhir) Hospital Melaka	20-21 Mac 2019
3	Bengkel QAP Oral & Poster Presentation	12 Julai 2019
4	Pertandingan QAP (Pusingan Akhir) sempena Hari Kualiti Hospital Melaka	1-2 April 2019
5	Pertandingan QAP sempena Hari Kualiti dan Inovasi peringkat JKN Melaka	2 April 2019
6	Penyertaan Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan	14-17 Oktober 2019

4.1.9 Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Pertandingan KIK sempena Hari Kualiti Hospital Melaka	1-2 April 2019
2	Penyertaan KIK sempena Hari Kualiti dan Inovasi peringkat JKN Melaka	2 April 2019
3	Mesyuarat Jawatankuasa KIK	4 Disember 2019

4.1.10 Jawatankuasa Inovasi

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Inovasi	30 Januari 2019 20 Mac 2019
2	Taklimat Garispanduan Mekanisme Pengkomersialan Hasil Inovasi	13 Februari 2019
3	Pertandingan Inovasi sempena Hari Kualiti Hospital Melaka	1-2 April 2019
4	Bengkel Pemurnian Projek Inovasi JKN Melaka	9 April 2019
5	Bengkel Pembudayaan Inovasi JKN Melaka	13 November 2019

4.1.11 Jawatankuasa Penasihat Perubatan dan Pergigian Kluster (CMDAC)

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat CMDAC	21 Mac 2019 11 Julai 2019 10 Oktober 2019

4.1.12 Jawatankuasa Laporan Insiden

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK Laporan Insiden	Setiap bulan
2	Bengkel *Root Cause Analysis* peringkat Hospital Melaka	4-5 April 2019

4.1.13 Jawatankuasa Credentialing & Privileging

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Mesyuarat JK Privileging	9 Disember 2019
2	Mengedarkan sijil *credentialing* dan *privileging* kepada jabatan-jabatan berkenaan	
3	Menyelaras data *privileging* pegawai-pegawai Hospital Melaka	

4.1.14 Jawatankuasa Mortality & Morbidity

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa M&M Hospital Melaka	9 Januari 2019 17 Julai 2019
2	Pembentangan Kes Morbiditi & Mortaliti Peringkat Hospital Melaka	29 Mac 2019 13 September 2019 20 September 2019 18 November 2019 29 November 2019

4.2 Aktiviti Unit

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Sambutan Hari Kualiti 2019 • Pertandingan QA Peringkat Hospital Melaka • Pertanding Inovasi Hospital Melaka • Pertandingan KIK Hospital Melaka	1-2 April 2019
2	Menyertai Pertandingan Keceriaan Hari Raya Aidilfitri Sambutan Hari Raya Perdana peringkat Hospital Melaka	Jun 2019 21 Jun 2019
3	Menghadiri Mesyuarat Hala Tuju Hospital Melaka	16-17 Oktober 2019
4	Penganjuran Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka bersama Jabatan Bedah Plastik & Rekonstruktif, Unit Kesihatan Awam, Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Unit Pendidikan Pesakit	18 Disember 2019
5	Jawatankuasa EKSA bagi Zon Pentadbiran I Hospital Melaka	1 kali – Audit Dalaman 2 kali – Gotong-royong

5.0 PENCAPAIAN

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Sambutan Hari Kualiti 2019 • Pertandingan QA Peringkat Hospital Melaka • Pertanding Inovasi Hospital Melaka • Pertandingan KIK Hospital Melaka	1-2 April 2019
2	Menyertai Pertandingan Keceriaan Hari Raya Aidilfitri Sambutan Hari Raya Perdana peringkat Hospital Melaka	Jun 2019 21 Jun 2019
3	Menghadiri Mesyuarat Hala Tuju Hospital Melaka	16-17 Oktober 2019
4	Penganjuran Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka bersama Jabatan Bedah Plastik & Rekonstruktif, Unit Kesihatan Awam, Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Unit Pendidikan Pesakit	18 Disember 2019
5	Jawatankuasa EKSA bagi Zon Pentadbiran I Hospital Melaka	1 kali – Audit Dalaman 2 kali – Gotong-royong

UNIT KAWALAN INFEKSI

1.0 PENGENALAN

Unit Kawalan Infeksi adalah sebuah unit yang mengendalikan tugas-tugas pengawalan dan pencegahan kawalan infeksi di Hospital Melaka untuk memastikan Hospital Melaka adalah selamat kepada pelanggan yang mendapatkan rawatan. Dengan adanya Polisi Kawalan Infeksi Dan Antibiotik ianya dapat memberi rujukan kepada semua kakitangan di Hospital Melaka agar kadar jangkitan dapat di kurangkan seterusnya tempoh masa pesakit tinggal di Hospital Melaka dapat dikurangkan dan memberi kepuasan kepada pelanggan.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Unit Kawalan Infeksi, Hospital Melaka meliputi semua wad, klinik, Pusat Rawatan Harian, Jabatan Dietetik & Sajian, Unit Hemodialisis, Dewan Bedah, Jabatan Forensik, Jabatan Kecemasan dan trauma, perkhidmatan ambulan, angkut, pengurusan sisa klinikal dan tempat pencucian mop. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :-

2.1 Menjalankan Nosocomial Surveillance di semua wad/ klinik.
2.2 Menjalankan Antibiotik Resistance Pattern bersama Jabatan Farmasi.
2.3 Memantau Polisi Standard Precaution di patuhi oleh anggota kesihatan.
2.4 Memantau pematuhan terhadap Polisi Disinfection & Sterilization.
2.5 Memantau di dalam prosedur yang melibatkan aseptic technique seperti pengambilan darah, dressing, pemberian suntikan, kemasukan kateter dan sebagainya.
2.6 Menjalankan Environmental & Outbreak Surveillance bila perlu terutamanya di Dewan Bedah dan Wad ICU/ NICU.
2.7 Memantau pembuangan sisa klinikal dan sisa alatan tajam mengikut polisi terutamanya porter yang mengangkat sampah klinikal.
2.8 Menjalankan Observation Hand Hygiene sebanyak 700 opportunity setiap 3 bulan sekali yang mana data dihantar ke JKNM, KKM dan audit Hand Hygiene dari segi teknik di kalangan staf pelbagai kategori di hospital.
2.9 Menjalankan Carbapenem Resistance Enterobacteriacea (CRE) Surveillance dan mapping apabila terdapat kes positif atau disyaki.Data dikumpulkan dan dihantar ke KKM dalam jangkamasa sebulan bermula kes di notifikasikan positif CRE.
2.10 Menjalankan Vancomycin Resistant Enterococci (VRE) Surveilan dan mapping apabila terdapat kes positif atau disyaki.
2.11 Menjalankan penyiasatan dan mapping sekiranya terdapat kes Outbreak yang dikenalpasti berlaku.
2.12 Menjalankan aktiviti, memberi latihan tentang flow serta pemakaian personal protective equipment(PPE) sekiranya terdapat kes wabak yang dikenalpasti.

2.13 Menjalankan surveillance Alert Organism bagi 5 organisma utama iaitu Methicillin Resistant Staphylococcus Aureus (MRSA), Carbepenem Resistant Enterobacteriacea (CRE), Multi Drug Resistant Acinetobacter Baumanii (MDR ACB), Extended Spectrum Beta Lactamase Klebsiella Pneumonia (ESBL KPN) dan Extended Spectrum Beta Lactamase Escerichia Coli (ESBL E.COLI) yang telah dimulakan di Hospital Melaka pada bulan September 2012 dan data telah mula dihantar ke KKM pada bulan Disember 2012 dan diteruskan pada tahun berikutnya.

2.14 Menjalankan Program Pembelajaran secara berterusan terhadap semua kakitangan dari pelbagai kategori seperti Pakar, Pegawai Perubatan, Jururawat, Pelatih Jururawat, Penolong Pembantu Perubatan,Hospital Support Service, Pelatih Perubatan dengan cara mengadakan kursus/ bengkel dalaman, kursus luaran, Incidential Teaching , taklimat dan CME/ CNE secara berkala.

2.15 Kursus orientasi bagi semua Doktor Siswazah yang baru melapor diri termasuk Pakar dan Medical officer. Program orientasi juga kepada semua kategori jawatan termasuk paramedik yang melaporkan diri ke Hospital Melaka iaitu pendedahan berkaitan Standard Precaution.

3.0 SUMBER MANUSIA

Bagi menjalankan tugas-tugas kawalan infeksi, ratio yang diperlukan dan seperti yang telah ditetapkan di dalam polisi adalah 1:110 iaitu 1 Jururawat terhadap 110 pesakit. Jumlah katil di Hospital Melaka adalah 1,091 katil, maka keperluan jururawat adalah seramai 11 orang. Bagi menjalankan tugas-tugas klinikal, Unit Kawalan Infeksi adalah di bawah bimbingan dan nasihat dari Pengarah Hospital Melaka, Timbalan Pengarah Perubatan III, Pengerusi Jawatankuasa Kawalan Infeksi & Antibiotik, Pakar Penyakit Berjangkit, Pakar Klinikal Mikrobiologi, Pegawai Farmasi Penyakit Berjangkit Ketua Penyelia Jururawat dan Penyelia Hospital.

Dalam usaha memantapkan lagi tugas pengawalan dan pencegahan kawalan infeksi ,Unit Kawalan Infeksi telah dibantu oleh 5 orang Pegawai Perubatan Kawalan Infeksi yang telah dilantik dari semua elemen di Hospital Melaka serta 58 orang Ketua Jururawat Link yang terdiri dari semua wad, klinik dan kawasan khas untuk membantu menyelenggara serta memantau di kawasan masing-masing.

Unit Kawalan Infeksi adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Kawalan Infeksi & Antibiotik Hospital Melaka, di mana Unit Kawalan Infeksi bertindak sebagai sekretariat. Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Kawalan Infeksi & Antibiotik, Hospital Melaka bagi tahun 2019 adalah seperti berikut :-

BILCA	NAMA PESERTA	JAWATAN
1.	Datuk Dr Hatijah Mohd Tan	Pengarah Hospital Melaka
2.	Dr. Hj Zulkarnain Mohd Rawi	Timbalan Pengarah Perubatan Kanan
3.	Dr. Hjh Zarina Shahrom	Timbalan Pengarah Perubatan I
4.	Dr. Azhar Mohd Sali	Timbalan Pengarah Perubatan II
5.	Dr. Rosli Tompang	Timbalan Pengarah Perubatan III
6.	Pn. Sabrina Thalas	Timbalan Pengarah (Pengurusan)
7.	Dr. Norlizam Mohd Nor @ Mat Nor	Pengerusi HIACC,Pakar Bedah Orthopedik
8.	Datuk Dr. Kauthaman A/L Mahendran	Ketua Jabatan Perubatan
9.	Datuk Dr. Hjh Korina Rahmat	Ketua Jabatan & Pakar Perunding Nefrologi
10.	Dr. Tam Pui Ying	Ketua Jabatan Paediatrik
11.	Datuk Dr. Muhammad Safian bin Naim	Ketua Jabatan Bedah
12.	Dr. Zainal Abidin Othman	Ketua Jabatan Anestesiologi
13.	Datuk Dr. Tham Seng Woh	Ketua Jabatan Obstetrik & Ginekologi
14.	Dr. Suhaila Baharuddin	Pakar Mikrobiologi
15.	Datuk Dr. Sivapathasundaram a/l C. Nadarajah	Ketua Jabatan Orthopedik
16.	Dr. Mohd Fazli bin Yahya	Ketua Jabatan Kecemasan & Trauma
17.	Datuk Dr. Raja Norliza Raja Omar	Ketua Jabatan Oftalmologi
18.	Datuk Dr. Abdul Razak bin Hj Ahmad	Ketua Jabatan Otorinolaringologi
19.	Dr. Noriani Abu Bakar	Ketua Jabatan Rehabilitasi
20.	Dr. Izety Shezlinda Noran	Ketua Jabatan Pembedahan Plastik
21.	Mr Ahmad Faizal Abdullah	Ketua Unit Penjagaan Luka
22.	Dr. Nurhumairah@ Padmaloseni	Pakar Mikrobiologi
23.	Dr. Lim Bee Bee	Pakar Mikrobiologi
24.	Dr. Gan Chye Lee	Pakar Perubatan
25.	Dr. Nahla Irtiza Ismail	Pakar Anestesiologi
26.	Dr. Stephen Joseph Royan	Pakar Perunding Pergigian (Bedah Mulut)
27.	Dr. Sa'adah Atan	Ketua Pergigian (Paediatrik)
28.	Pn. Siti Hir Huraizah	Ketua Jabatan Farmasi
29.	Cik Siow Chee Chen	Pegawai Farmasi
30.	En. Hj Sani b. Mokhtar	Ketua Penyelia Hospital
31.	Pn Lina Isnin	Ketua Jabatan Dietitik & Sajian

BIL	NAMA PESERTA	JAWATAN
32.	Pn Nasura Md Yunus	Timb Pengarah Hal Ehwal Pelatih Kolej Kejururawatan Melaka
33.	Pn Hee Kim Lan	Ketua Penyelia Jururawat
34.	Pn Marsita Hamzah	Pengurus Dewan Bedah
35.	En. Mohd Naqib Johari	Ketua Unit Kejuruteraan Operasi
36.	Pn Empah Jantan	Penyelia Jururawat (Peg. Penyelaras Linen)
37.	En Shahaimy Manaf	Penolong Pegawai Perubatan (Peg. Penyelaras Cleansing)
38.	Pn. Tan Kah Hong	Penyelia Jururawat (Peg. Penyelaras Cleansing)
39.	Pn. Pushpa a/p Karunakaran	Penyelia Jururawat (Peg. Penyelaras HWMS)
40.	En Ghafar B. Jenal	Pengurus Fasiliti Medivest
41.	En Hanif bin Mohd Hidzir	Eksekutif hygiene Medivest
42.	Pn. Roslinda Binti Khamis	Ketua Jururawat Kawalan Infeksi
43.	Pn. Wan Harmiza Wan Hamat	Ketua Jururawat Kawalan Infeksi. (Peg. Penyelaras HWMS)
44.	Pn. Syaripah Mastura binti Syd Ahmad	Jururawat Kawalan Infeksi (KUP)
45.	Pn. Nor Rulakmal Binti Awang @ Latif	Jururawat Kawalan Infeksi (KUP)
46.	Pn. Suhana Binti Othman	Jururawat Kawalan Infeksi
47.	Pn. Nurul 'Izzati Binti Khalidi	Jururawat Kawalan Infeksi
48.	Pn Hazaifah Binti Mohd Puad	Jururawat Kawalan Infeksi
49	Pn Norsham Mimi Binti Latib	Jururawat Kawalan Infeksi
50	Pn Suhaila Binti Hassim	Jururawat Kawalan Infeksi

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	Dr. Choo Lee Naa	Pegawai Perubatan	Anestesiologi
2.	Dr. Gan Chye Lee	Pakar Perubatan	Medikal
3.	Dr. Nicholas Chang Wen Lee	Pakar Paediatrik	Paediatrik
4.	Dr. Punitha	Pegawai Perubatan	O&G
5.	Dr. Nor Izana Binti Isa	Pegawai Perubatan	Orthopedik

Jadual 8.7.2 : Senarai nama Pegawai Perubatan Link, Hospital Melaka Tahun 2019

BIL	NAMA	WAD
1	Kj Nagarani A/P Krishnan	Wad 4-4
2	Kj Noradira Bt Ab Hadi	Wad 4-3
3	Kj Ernee Marziana Ab Latif	Wad 4-2
4	Kj Noorhaslina Bt Abdul Rahman	Wad 4-1
5	Kj Mazrina Ahmad Subaker	Wad 3-4
6	Kj Rosmah Mat Derus	Wad 3-3
7	Kj Norhafizah Che Mat	Wad 3-2
8	Kup Norli Bt Baba	Wad 3-1
9	Kj Rahimah Ramli	Wad 2-4
10	Kj Kj Norashikin Husin	Wad 2-3
11	Kj Rohaya Bt Ghani	Wad 2-2
12	Kj Zuraidah Bt Mamat	Icu Orkid
13	Kj Putli Ambutong	Wad 1-4
14	Kj Paisatul Laili Bt Ismail	Wad 1-3
15	Kj Noraizah Bt Muhammad	Wad 1-2
16	Kj Arbaaiyah Ab Wahab	Wad 1-1
17	Kj Sarimah Bt Abu Hasin	Wad AG
18	Kj Hayati Atan	Wad A1
19	Kj Norazlin Ramli	Wad A2
20	Kup Faridah Bt Khamis	Wad A3
21	Kj Siti Aminah Bt Md Zaim	Wad A4
22	Kj Azrena Bt Arif	Wad D1
23	Kj Roslida Bt Che Wil	Wad D2
24	Kj Norihan Yassin	Wad D3
25	Kj Noraida Abd Ghani	Wad D4
26	Kj Julaiha Bt Hussin	Wad B3
27	Kj Noraini Kasah	C3
28	Kj Lailee Yaziz	C4
29	Kj Rosmawati Murtais	Pcu
30	Kup Kalthom Hashim	Hdu
31	Kj Siti Hawa Bt Sakuri	Icu Mawar
32	Kj Rozana Bt Johari	Ccu
33	Kj Norazrina Jaalam	Nicu
34	Kj Mas Ayu Mat	Labour Room / Cds
35	Kj Zuraidah Bt Adam	Etd
36	Kup Sim Gee Moi	Klinik O&G
37	Kup Azmi Bt Nekmat	Klinik Oopd
38	Kup Zulita Bt Baba	Klinik Kpp
39	Kj Suriana Jantan	Klinik Sopd
40	Kj Fauziah Yusof	Klinik Skin
41	Kup Wee Siew Kim	Klinik Mata
42	Kj Rustina Hussin	KLINIK PAED

44	Kup Salbiah Bt Kasim	Klinik Plastik
45	Kup Sarini Bt Harun	Klinik Payudara
46	Kj Rafidah Bt Jaafar	Klinik Orl
47	Kup Azlin Suryati Nawi	Klinik Mesra
48	Kj Halijah Lipot	Blood Bank
49	Kj Tye Jin Soon	Dental Peads
50	Kj Suriati Hashim	Bedah Mulut
51	Kup Murni Sani	X-Ray
52	Kj Rozainee Bt Abdul Rahman	Klinik Psikiatrik
53	Kj Marsita Hamzah	Got
54	Kj Salina Mohamat	Otm
55	Kj Ebbydra Anak Eden	Daycare Ot
56	Kup Khamsatun Bt Hamzah	E2
57	Kj Masritawati Sahat	E4
58	Kj Norhayati Bt Othman	Ubbs

Jadual 8.7.3 : Senarai Nama Ketua Jururawat Link Tahun 2019

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Beban Kerja kakitangan Unit Kawalan Infeksi

BIL	NAMA	AKTIVITI DAN RONDAAN	MAKMAL
1	KJ ROSLINDA KHAMIS	Ko-ordinator kawalan infeksi negeri Melaka, Data collection,Outbreak, analisa dan penambahbaikan data, HPIA and Patient Safety Goal, , Patologi, Klinik-KPP,SOPD, O&G, Psikiatrik, Pediatrik, Mesra, Bedah Mulut, Anestesia, Bilik 33	Bila perlu
2	KJ WAN HARMIZA	Data collection, Point Prevalance, Outbreak, analisa dan penambahbaikan data, SJSB Jabatan Pengimejan, Oftalmologi, Skin, SOPD, ORL, Cara Kerja, Fisioterapi	Bila perlu
3	KUP SYARIPAH MASTURA SYD AHMAD	1-4, SCN, ETD, C1,C2, Jab. Pengimejan, Forensik, Patologi, Daycare, DCCOT	Mac BSI Okt
4	KUP NOR RULAKMAL AWANG @ LATIF	Klinik-OOPD,Psikiatrik,PayuDara,Pain, Dada,Pediatrik, Mesra,SJSB	Jan/Nov
5	KUP HAZAIFAH MOHD PUAD	D1, D2, D3, D4 , HDU, Wad E2, E4	Ogos CVC April
6	JT SUHANA OTHMAN	1-1, 1-2,1-3, 4-2, 4-4, B3, PCU,GOT, UBBS, MOT, * **Labour Room**	April PPS Okt
7	JT NURUL IZZATI KHALIDI	C3, C4, AG, A1, A2, A3, A4,	Mei/Okt/Dis
8	JT NORSHAM MIMI LATIB	2-2, 2-4, 3-1, 3-3, CCU * **ICU M, ICU O**	Feb/Jun/sept
9	JT SUHAILA HASSIM	3-2, 3-4, 4-1, 4-3, ***HDW**	Julai BSI April CVC Okt

KJ/JT LINK YANG MENJAGA WAD			
10	KJ MARHANUM A. LATIF	**ICU M, ICU O**	
11	JT NORAZLINEEN	**HDW**	
12	KJ MAS AYU MAT	**Labour Room**	

Jadual 8.7.4: Beban kerja Unit Kawalan Infeksi Tahun 2019

4.2 Special Task

4.2.1 KJ Roslinda Khamis - Koordinator, Outbreak, Pengumpulan data MRO, MRSA, ESBL, CRE, VRE ke JKNM, KKM, analisa dan penambahbaikan data, HPIA and Patient Safety Goal, Alert Organism, Wound Breakdown.

4.2.2 KJ Wan Harmiza Wan Hamat - PPS, BSI, HH, Insiden Reporting, ETD & Med. ward (infection control audit tool.) Kursus, Orientasi staf baru/masuk, SIS, SIS (Nursing)/ CVC Care Bundle.

4.2.3 KUP Syaripah Mastura - Wound Breakdown / SSI / Kemaskini stor CRE & VRE cases.

4.2.4 KUP Nor Rulakmal- Pengumpulan laporan pemantauan wad/ Cencus/ Audit SJSB, ETD & Med. ward (infection control audit tool.)

4.2.5 KUP Hazaifah – Alert Organism / Bekalan stok alat tulis/HHSAF.

4.2.6 JT Suhana – HPIA and Patient Safety Goal / PPS/ MPK/ FM.

4.2.7 JT Norsham Mimi – Kursus/ Mesyuarat/CNE/ Bed side teaching/ Fotografi

4.2.8 JT Nurul Izzati – Orientasi Unit/CRE Online/Orientasi staff Baru /EKSA

4.2.9 JT Suhaila – Hand Hygiene Compliance/ BSI/ Notis Board.

5.0 AKIVITI

5.1 Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019

AKTIVITI	DIRANCANG	TELAH DILAKUKAN	KETERANGAN
KURSUS	4 kali	4 kali	<u>NAMA KURSUS</u> 1. Bengkel Hand Hygiene (3 Mei 2019, Tidak dapat dilaksanakan atas faktor tiada peruntukan, sebagai pengganti, Booth kesedaran kepentingan pencucian tangan dibuka pada hari tersebut). 2. 2nd Melaka Infection Control Conferens (26-28 Julai 2019) 3. Bengkel KJ Link 1/19 (25-26 Sept 2019) 4. Bengkel Kesedaran Antibiotik (14 Nov 2019)

CNE	12 kali	17 kali	TAJUK CNE 1. Alert organism 2. SIS 3. CVC Care Bundle x 3 4. Management patient Mers Cov 5. SSI 6. CRBSI 7. Hand Hygiene 8. Isolation Precaution 9. Management patient of CRE/VRE x 2 10. Training of PPE 11. HCAI 12. CAUTI 13. Management of Spillage 14. Management clinical waste
ORIENTASI	Mengikut kehendak semasa	39 kali	KATEGORI STAF PAKAR, MO, HO, KJ, JT,JM, PPP, dan PPW
KAJIAN:- i. PPS ii. BSI iii. CVC Care Bundle iv. Audit tool for ETD and Medical wards	1 kali	1 kali	Blood Stream Infection dilakukan pada bulan April ▪ Kajian Point Prevalence Survey dilakukan sekali sahaja pada bulan November ▪ CVC Care Bundle & IFC audit tool di ETD dan Wad C3 dilakukan pada bulan April
MESYUARAT: 	 4 4 4	 4 4 5	JENIS MESYUARAT -HIACC (HOSP) -CORE Team -Link Nurse x 2 dan 3 kali semasa mesyuarat MKK
Audit operatif Sinar Jernih	2 kali	2 kali	Telah dilakukan pada bulan April & September di setiap wad/unit dan klinik.
Penguatkuasaan Amalan Standard Precaution Dan Isolation Precaution, Bedside Teaching, Audit Pemantauan Wad Dan Klinik, Melakukan Alert Surveillance, Audit operatif Sinar Jernih, Audit Hand Hygiene And Membantu Dalam Pengambilan Sampel Darah Di Wad, Air Sampling, In Use Test dan Outbreak management jika berlaku.			

Jadual 8.7.5 : Aktiviti Unit Kawalan Infeksi Sepanjang Tahun 2019

AKTIVITI	KETERANGAN
Kesiapsiagaan menghadapi wabak	1. CNE- Management pt Of MERS-Cov (29/1/2019) Icu Orkid 2. Management pt of MERS-CoV & PPE (30/1/2019) ETD 3. CNE- Mers-cov – PPE (7/3/2019) Forensik 4. CME – Management pt Mers CoV and training PPE- (23.7.2019) - Bilik Berlian. 5. CNE Management pt Mers CoV and training PPE (25.7.2019) - Bilik Topaz 6. CNE Management pt Mers CoV and training PPE (25.7.2019) – Wad E4 7. CNE- Mers-cov – PPE dan flow(7/8/2019) E4 8.CNE- Mers-cov - PPE (7/8/2019) di ETD 9. CNE - Mer-cov - PPE(8/8/2019) di Bilik Habsyi 10. CNE - Mer-cov - PPE(13/8/2019) di Bilik Habsyi 11. CNE - Mer-cov (13/9/2019) di Bilik Seminar Topaz 12. Simulasi Mers CoV – 15.8.2019 di ETD 13. CNE- Management Mers - CoV, PPE (4/9/2019) PKD Durian Tunggal 14. Management EVD, PPE (20/9/2019) E4
3. Peningkatan kes-kes *alert organism*	Pada tahun 2019 terdapat beberapa peningkatan kes *alert organism* yang berlaku iaitu :- **1. WAD- WAD ORTHOPEDIK** ▶ Penambahan kes alert organism dikesan pada 25.2.19 iaitu sebanyak 12 kes. ▶ Terdapat 2 kes di Wad D1 – 2 kes MRSA, Terdapat 5 di Wad D2 - 2 kes CRE/ ESBL, 2 kes ESBL dan 1 kes MRO. ▶ Terdapat 3 kes di Wad D3 – 2 kes MRSA, 1 kes ESBL. ▶ Terdapat 2 kes di Wad D4 – 1 kes MRSA dan 1 kes ESBL. ▶ Mapping kes dilakukan serta merta dikesemua wad tersebut. ▶ Perbincangan dilakukan dengan MR Fawzlee Pakar Orthopedik , MR Norlizam, Pengerusi HIACC dan Dr Humaira, Pakar Mikrobiologi dan keputusannya adalah meletakkan kesemua kes-kes *alert organism* di Wad D2. ▶ Penutupan wad dilakukan dari menerima kes kemasukan *clean* serta kes *transfer in*. Kepatuhan kawalan infeksi dipergiatkan. ▶ Hand hygiene audit dilakukan dan dibentangkan setiap minggu. ▶ *Terminal cleaning* dilakukan secara berperingkat. ▶ Wad telah di buka pada 11.3.19.


	2. WAD- WAD ORTHOPEDIK ▶ Penambahan kes *alert organism* dikesan pada 10.9.19 iaitu sebanyak 17 kes. ▶ Terdapat 4 kes di Wad D1 – 2 kes MRSA, 1 kes MRO dan 1 kes MRO/ESBL. ▶ Terdapat 1 kes CRE/ ESBL di Wad D2. ▶ Terdapat 4 kes di Wad D3 – 2 kes MRSA, 1 kes ESBL dan 1 kes CRE. ▶ Terdapat 8 kes di Wad D4 – 3 kes MRSA, 4 kes ESBL dan 1 kes CRE. ▶ *Mapping* kes dilakukan serta merta dikesemua wad tersebut. ▶ Perbincangan dilakukan dengan MR Norlizam, Pengerusi HIACC dan Dr Humaira, Pakar Mikrobiologi dan keputusannya adalah meletakkan kesemua kes-kes alert organism di Wad D4 bagi pesakit lelaki, manakala pesakit perempuan dikekalkan di Wad D3. ▶ Penutupan wad dilakukan dari menerima kes kemasukan *clean* serta kes *transfer in*. Kepatuhan kawalan infeksi dipergiatkan. ▶ Audit *Hand hygiene* dilakukan dan dibentangkan setiap minggu. ▶ *Glo germ* diletakkan di kawasan pesakit bagi mengetahui keberkesanan dan kepatuhan cucian tangan dikalangan staff. ▶ *Terminal cleaning* dilakukan secara berperingkat. ▶ Wad telah di buka pada 20.9.19. **3. OUTBREAK KES CRE DI WAD E2** ▶ Penambahan kes *CRE* dikesan pada 5.11.2019 iaitu 4 kes *close contact* positif dalam masa seminggu. ▶ *Mapping* kes alert dilakukan serta merta. ▶ Maklumkan kepada DrHumaira. ▶ Perbincangan bersama Pakar Mikrobiologi (Dr Humaira) dan Ketua Jabatan Nephro (Datuk Dr Korina). ▶ Penutupan wad dilakukan dari menerima kes kemasukan *clean* serta kes *transfer in*. Kepatuhan kawalan infeksi dipergiatkan. ▶ Audit dan pemantauan dilakukan secara berterusan selama 2 minggu. ▶ *Terminal cleaning* dilakukan secara berperingkat ▶ Wad telah di buka pada 18.11.19 Pemantauan dan audit telah dilakukan oleh ICN di wad-wad berkenaan dari segi pengamalan *Hand Hygiene, Environmental cleaning, log book procedure.* ICN juga telah memberikan *Bed side teaching* dan CNE kepada kakitangan wad tersebut. Pembentangan data yang diperolehi dari ICN yang menjaga wad dibentangkan pada setiap hari Jumaat bersama Pengerusi Kawalan Infeksi Dan Antibiotik serta kakitangan wad yang terlibat bagi penambahbaikan didalam pengamalan kawalan infeksi.
Lain-lain – Simulasi Mers CoV.	1. Simulasi kesiapsiagaan menghadapi kes wabak Mers CoV anjuran JKNM dan Unit Kawalan Infeksi Hospital Melaka, telah dilakukan pada 15.8.2019 melibatkan 2 orang pesakit admit di Wad E4 dan ETD. 2. Simulasi kesiapsiagaan menghadapi kes Mers CoV oleh Unit Kawalan Infeksi, Jawatankuasa Kawalan Infeksi dan Antibiotik serta Icu Orkid telah dilakukan pada 7.8.2019 dan melibatkan 1 orang pesakit admit wad Icu Orkid

Jadual 8.7.6 : Aktiviti-Aktiviti Tambahan Unit Kawalan Infeksi Tahun 2019

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Laporan Alert Organism 2019

Pengumpulan data bagi kes Alert Organism telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap 6 jenis organisma iaitu MRSA, ESBL-KPN, ESBL-E.Coli, MDRO ACB,VRE dan CRE. Data-data yang dikumpul akan dijadikan reten bulanan dan di hantar kepada semua Ketua Jabatan / Unit setiap bulan dan perlu di hantar ke KKM sebelum 20 hb pada bulan berikutnya. Pencapaian Hospital Melaka adalah seperti graf di bawah:




	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
MRSA	0.12	0.12	0.09	0.13	0.10	0.10	0.07	0.09	0.09	0.06	0.04	0.04
ESBL-KPN	0.04	0.07	0.09	0.06	0.14	0.10	0.07	0.09	0.07	0.06	0.10	0.06
ESBL-E.COLI	0.06	0.07	0.03	0.05	0.06	0.03	0.03	0.03	0.07	0.17	0.00	0.01
MRO-ACB	0.13	0.10	0.08	0.10	0.10	0.03	0.06	0.09	0.04	0.09	0.10	0.09
CRE	0.00	0.00	0.00	0.02	0.03	0.02	0.04	0.05	0.03	0.03	0.04	0.03
VRE	0.01	0.02	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.02	0.00	0.01	0.00	0.00

Rajah 8.7.1: Kadar jangkitan Nosokomial MRSA, ESBL- KPN, ESBL- E.COLI, CRE dan VRE 2019

6.2 Kadar Jangkitan Nosokomial

6.2.1 Perbandingan kadar peratus jangkitan Nosokomial antara tahun 2017 – 2019


6.2.2 Kadar Jangkitan MRSA



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	0.06	0.08	0.03	0.06	0.05	0.05	0.06	0.08	0.06	0.08	0.13	0.08
2018	0.11	0.1	0.08	0.05	0.08	0.08	0.07	0.11	0.05	0.12	0.05	0.13
2019	0.12	0.1	0.1	0.13	0.1	0.1	0.07	0.09	0.09	0.06	0.04	0.04

Rajah 8.7.2 Peratusan Kadar Jangkitan MRSA Bagi Tahun 2017 – 2019


6.2.3 Kadar Jangkitan ESBL– KPN



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	0.05	0.04	0.03	0.06	0.08	0.04	0.1	0.18	0.08	0.06	0.05	0.04
2018	0.15	0.1	0.11	0.05	0.15	0.05	0.09	0.11	0.06	0.09	0.08	0.13
2019	0.05	0.07	0.1	0.07	0.14	0.1	0.07	0.09	0.07	0.06	0.1	0.06

Rajah 8.7.3: Peratusan Kadar Jangkitan ESBL-KPN Bagi Tahun 2017- 2019


6.2.4 Kadar Jangkitan ESBL-E-COLI



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	0.05	0.03	0.08	0.02	0.08	0.09	0.08	0.1	0.08	0.05	0.08	0.04
2018	0.06	0.07	0.05	0.2	0.12	0.03	0.07	0.02	0.02	0.09	0.08	0.06
2019	0.06	0.07	0.03	0.05	0.06	0.03	0.03	0.03	0.07	0.12	0	0.01

Rajah 8.7.4: Peratusan Kadar Jangkitan ESBL-E-COLI Bagi Tahun 2017 – 2019

6.2.5 Kadar jangkitan MRO-ACB




	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	0.09	0.13	0.06	0.09	0.03	0.04	0.1	0.15	0.13	0.12	0.06	0.08
2018	0.05	0.05	0.03	0.1	0.25	0.03	0.04	0.11	0.11	0.18	0.11	0.05
2019	0.14	0.09	0.08	0.1	0.08	0.03	0.06	0.09	0.04	0.09	0.1	0.09

Rajah 8.7.5: Peratusan Kadar Jangkitan MRO ACB Bagi Tahun 2017 – 2019


6.3 CRE (Carbapenem Resistant Enterobactereciae) di Hospital Melaka Tahun 2019

CRE (Carbapenem Resistant Enterobactereciae) telah menjadi masalah utama di Hospital Melaka. CRE menyebabkan pesakit tidak boleh dirawat dengan antibiotik Carbapenem dan kebiasaanya antibiotik Polymyxcin digunakan untuk merawat pesakit. Jumlah kes CRE yang telah dikenalpasti bermula Januari sehingga Disember 2019 adalah sebanyak kes 86 kes.




	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	0	0.02	0.02	0	0.05	0.04	0.05	0	0.03	0	0	0
2018	0.02	0.03	0.02	0.03	0	0.05	0.01	0.05	0.02	0.03	0	0.03
2019	0	0	0	0.02	0.03	0.02	0.04	0.05	0.03	0.03	0.04	0.03


Rajah 8.7.6: Peratusan Kadar Jangkitan MRO ACB Bagi Tahun 2017 – 2019




Rajah 8.7.7: Bilangan kes CRE mengikut tahun 2013 hingga 2019




Rajah 8.7.8: Pecahan kes CRE mengikut elemen tahun 2019



Rajah 8.7.9: Pecahan kes CRE mengikut organism tahun 2019



Rajah 8.7.10: Pecahan kes CRE mengikut isolate status tahun 2019




Rajah 8.7.11: Pecahan kes CRE mengikut clinical outcome tahun 2019


7.0 PENCAPAIAN PEMATUHAN KEPADA 5 MOMENTS OF HAND HYGIENE SECARA OBSERVASI BAGI TAHUN 2019

Hand Hygiene merupakan langkah paling utama dalam mencegah Healthcare Associated Infection. Unit Kawalan Infeksi dan Ketua Jururawat Link sentiasa bekerjasama untuk memantau supaya semua kakitangan mengamalkan cucian tangan yang efektif dengan berpandukan 5 Moments of Hand Hygiene. Di samping itu setiap wad telah dibekalkan dengan Alcohol Base Hand Rub yang mencukupi bagi mengoptimumkan amalan hand hygiene diterapkan. KPI yang perlu dicapai mengikut KKM adalah > 75%.


Data ini diperolehi dari observasi yang dilakukan oleh KJ Link dan Jururawat Kawalan Infeksi di wad/ klinik. Observasi juga Data ini dihantar ke KKM setiap 3 bulan sekali mengikut elemen yang telah ditetapkan oleh KKM. KKM menetapkan jumlah opportunities adalah sebanyak 700 opportunities. Format yang digunakan untuk menghantar laporan Hand Hygiene Compliance adalah berdasarkan format dari KKM.



Rajah 8.7.12: Data Hand Hygiene Compliance Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2019



Rajah 8.7.13: Data hand hygiene compliance by 5 moment bagi tahun 2019



Rajah 8.7.14: Data hand hygiene compliance mengikut kategori staf


8.0 LAPORAN POINT PREVALANCE SURVEY 2019

Ia merupakan program survelan dari KKM di mana di lakukan secara serentak di 14 buah hospital termasuk 4 buah Hospital Universiti di setiap negeri di Malaysia untuk mendapatkan kadar purata jangkitan nosokomial. Semua Pegawai Perubatan Link yang dilantik serta Ketua Jururawat Link akan bersama-sama untuk menjalankan kajian di wad mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Bermula tahun 2018, PPS (HCAI) dilaksanakan setahun sekali oleh setiap hospital diatas arahan KKM. PPS dilakukan selama 2 minggu pada bulan November 2019. Sebelum ini, PPS dilakukan sebanyak 2 kali setahun.

8.1 Data-Data Point Prevalance Dari Tahun 2007 Sehingga Tahun 2019

TAHUN	BIL 1	BIL 2
2007	6.20%	3.80%
2008	3.70%	4.50%
2009	5.90%	2.70%
2010	1.70%	2.70%
2011	2.10%	1.80%
2012	1.10%	1.10%
2013	1.80%	1.30%
2014	1.80%	1.40%
2015	2.05%	1.96%
2016	1.50%	1.43%
2017	1.72%	1.54%
2018	Dilakukan pada bulan Oktober .	4.69%
2019	Dilakukan pada bulan Oktober .	2.74%


Jadual 8.7.7 : Data-Data Point Prevalance Dari Tahun 2007 Hingga Tahun 2019




Rajah 8.7.15: *Data Point Prevalance Survey* Dari Tahun 2007 Hingga 2019

TOTAL HCAI PREVALENCE RATE	2.7		
TYPE OF INFECTION	**NO. OF PATIENT WITH HCAI**	**PERCENTAGE**	**PREVALENCE RATE**
SURGICAL SITE INFECTION	**3**	**11.1**	**0.30**
Type of SSI			
Superficial incisional	0	0.0	0.00
Deep incisional	1	33.3	0.10
Organ or space	2	66.7	0.20
TOTAL	**3**	100.0	0.30
Type of SSI wound			
Clean wound	1	33.3	0.10
Clean-contaminated wound	2	66.7	0.20
Contaminated wound	0	0.0	0.00
Dirty wound	0	0.0	0.00
TOTAL	**3**	100.0	0.30
UTI	**2**	**73.0**	**0.20**
Symptomatic Urinary Tract Infection	**1**	**50.0**	**0.10**
Cathether Associated Urinary Tract Infection	**1**	**50.0**	**0.10**
Non-cathether Associated Urinary Tract Infection	**0**	**0.0**	0.00
Asymptomatic Bacteraemic Urinary Tract Infection	**1**	**50.0**	**0.10**
Pneumonia	**7**	**255.4**	**0.71**
HAP	3	42.9	0.30
VAP	4	57.1	0.41
BSI	**11**	**401.3**	**1.12**
CABSI	4	36.4	0.41
NON-CABSI	3	27.3	0.30
CLABSI	2	50	0.20
NON-CLABSI	2	50	0.20
Clinical Sepsis	**1**	**36.5**	**0.10**
Others	**3**	**109.4**	**0.30**
TOTAL PATIENT WITH HCAI	**27**	**985.1**	**2.74**

Jadual 8.7.8 : Bilangan Kes Jangkitan HCAI Oktober 2019



Rajah 8.7.16: Peratusan Jenis Jangkitan HCAI Oktober 2019



Rajah 8.7.17: Peratusan Jenis Jangkitan HCAI Oktober 2019

9.0 PENCAPAIAN

9.1 Program dan aktiviti Kawalan Infeksi diteruskan sepanjang tahun dengan tujuan meningkatkan kualiti penjagaan pesakit, dan ini menjadi tanggungjawab semua kakitangan hospital dari pelbagai kategori. Amalan *Standard Precaution* perlu diamalkan oleh semua kakitangan bagi mencegah dan mengawal *Health Care Associated Infection (HAI).* Hospital Melaka telah menetapkan kadar piawaian HAI adalah tidak melebihi 5%. Pencapaian *Hand Hygiene Compliance* bagi Hospital Melaka bagi setiap penggal adalah melebihi dari 75% seperti yang telah ditetapkan oleh KKM.

9.2 Unit Kawalan Infeksi telah mengadakan **Melaka *Infection Control Conference 2019*** (***2nd MICC 2019)*** yang bertemakan, ***Infection Control: make it right, get it right (*betulkan yang biasa, biasakan yang betul*).*** dengan jayanya pada 26 dan 28 Jun 2019. Tema ini dipilih adalah bersesuaian dengan isu peningkatan kes terutamanya alert organism termasuk kes communicable disease yang semakin tular dan menjadi masalah global hari ini.

9.3 Perlaksanaan Perlancaran Kempen Kesedaran Antibiotik Kebangsaan 2019 peringkat Negeri Melaka telah diadakan dengan jayanya oleh Unit Kawalan Infeksi dan Jabatan Farmasi dalam mengadakan Majlis Pelancaran Kempen dan Pembukaan Booth Sempena Minggu Kempen Kesedaran Antibiotik Bersama Pelanggan Dan Kakitangan Hospital Melaka.

9.4 Perebakan kes alert organism dapat dikawal dengan pematuhan pengasingan pesakit, Pengamalan *Hand Hygiene* secara berterusan, Penggunaan PPE dengan cara yang betul. Peningkatan kes *alert organism* di Wad – wad di Jabatan Orthopedik dan Wad E2 dapat dikawal dengan pematuhan pengasingan pesakit dan pengawalan kawalan infeksi. Unit Kawalan Infeksi dan kakitangan wad sentiasa memantau dan membantu di dalam pengamalan kawalan infeksi ke atas pesakit berkenaan.

9.5 Program kesiapsiagaan MERS CoV diteruskan dengan jayanya bagi persediaan menangani masalah isu global ini dengan mengadakan simulasi dan latihan pemakaian alat perlindung diri yang dihadiri oleh semua kakitangan hospital.

9.6 Kubikel untuk pengumpulan kes CRE masih diteruskan di beberapa jabatan masing-masing jika terdapat beberapa kes CRE. Tujuan pengumpulan kes di wad yang dipilih jabatan masing- masing adalah bagi kakitangan wad lebih mudah untuk melakukan perawatan dan pematuhan kawalan infeksi apabila pesakit diletakkan di kubikel yang sama.

9.7 E-Cre Monitor diteruskan dan kes CRE colonizer lebih mudah dikenalpasti dan dapat ditempatkan di bilik pengasingan dengan lebih awal.

10.0 ISU DAN CABARAN

10.1 Pengurusan:

10.1.1 Kekurangan sumber IT seperti kemudahan komputer untuk digunakan bagi tujuan merekodkan data-data berkaitan *surveillance* dan sebagai alat untuk menjalankan sistem pembelajaran yang berterusan.

10.1.2 Peningkatan kemasukan pesakit ke wad terutama di Wad Perubatan dan Nurseri menyebabkan BOR yang tinggi menyukarkan untuk melaksanakan tugas kawalan infeksi. Kakitangan akan lebih mengutamakan tugasan mereka siap dan kurang memberi penekanan dalam aspek pengukuhan kawalan infeksi.

10.1.3 Ketiadaan akses SPPD di Unit Kawalan Infeksi menyukarkan ICN untuk mengetahui tarikh kemasukan dan discaj pesakit dimana data ini amat diperlukan untuk mengklasifikasikan jangkitan kuman yang berlaku di Hospital Melaka.

10.1.4 Kekangan bajet yang tidak mencukupi untuk melakukan kursus serta latihan kepada kakitangan hospital di dalam pematuhan kawalan infeksi.

10.2 Klinikal:-

10.2.1 Kekurangan kemudahan untuk rawatan pengasingan pesakit *(isolation facility)* seiring dengan pertambahan penyakit berinfeksi terutama di wad-wad. Wad Isolasi yang telah diwujudkan hanya dapat menampung 6 pesakit dalam satu masa. Pertambahan katil di wad-wad menyukarkan untuk pematuhan polisi kawalan infeksi dari segi jarak katil dan proses pengasingan.

10.2.2 Kesedaran terhadap pematuhan kepada *Hand Hygiene* dikalangan petugas Perubatan Doktor, Jururawat dan lain-lain *Health Allied Group* masih tidak mencapai 100% walaupun program kesedaran dijalankan diperingkat jabatan/unit. Pencapaian hanya mencapai 76%-86%.

10.2.3 Kurang kesedaran dikalangan pesakit (Jangkitan) di dalam pengawalan kawalan infeksi,di mana mereka tidak bekerjasama terutama sewaktu kemasukan semula ke wad kerana tidak membawa kad *colonizer* seperti MRSA, ESBL,CRE, dan VRE. Hal ini telah menyebabkan kakitangan wad tidak melakukan pengasingan ke atas pesakit tersebut.

10.2.4 Kurangnya doktor dan jururawat yang berpengetahuan berkaitan kawalan infeksi yang boleh membimbing rakan sekerja.

10.2.5 Tiada peruntukan khas untuk pembelian alat perlindungan diri seperti *mask N95, isolation gown, googles, shoe cover* dan peralatan consumable seperti plastik muntah.

10.2.6 Kerja pembersihan yang telah diswastakan tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Pihak konsesi menggunakan khidmat orang asing (Bangladesh, Nepal, India) yang tidak faham dalam bahasa dan tiada kemahiran dalam tugas pembersihan untuk mengelakkan jangkitan. Sama bahasa seperti pekerja dari indonesia.

10.2.7 Kekurangan peruntukan bagi menghantar Jururawat *Link* bagi menghadiri kursus Luaran seperti Kursus *Apsic, Scientific Meeting Infection Control, Annual Meeting Infection Control* serta Seminar yang di anjurkan oleh pihak ICAM.

10.2.8 Staf wad digalakkan untuk memohon Pos Basik Kawalan Infeksi yang dijalankan selama 6 bulan untuk memudahkan aktiviti kawalan infeksi dipantau dan dilaksanakan dengan lebih berkesan.Apabila jumlah staff yang mempunyai post basik, maka mereka boleh ditempatkan di setiap Jabatan.

UNIT PENJAGAAN LUKA

1.0 PENGENALAN

Unit Penjagaan Luka Hospital Melaka telah ditubuhkan dengan rasmi pada 02 Mei 2012 yang telah di pengerusikan oleh Pengarah Hospital Melaka pada ketika itu iaitu Datuk Dr. Narimah Nor bt. Yahaya dan Dr. Hj. Ahmad Faizal b. Abdullah (Pakar Pembedahan Ortopedik) selaku Ketua Penyelaras serta dua orang Pengawai Perubatan dari Jab Pembedahan dan Jab Orthopedik turut membantu di dalam unit ini.

Perjalanan Unit Penjagaan Luka telah dibantu oleh kakitangan dikalangan paramedik yang terdiri dari tiga orang Penolong Pengawai Perubatan dan dua orang Jururawat Terlatih bagi membantu di bahagian pengurusan serta penjagaan pesakit yang telah dirujuk kepada unit ini. Unit ini juga telah di tempatkan di tingkat satu bersebelahan Pejabat Penyelia Hospital Melaka yang mana ia merupakan pejabat lama Jabatan Kesihatan Awam.Dimasa kini Lokasi klinik penjagaan luka telah berpindah di Aras 3 bersebelahan Lift pada awal Febuari tahun 2018.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi utama adalah memberi penjagaan serta perawatan kepada setiap jenis luka yang telah dirujuk ke unit ini. Antaranya lagi adalah:

- Mencegah jangkitan kepada luka tersebut.
- Mengurangkan beban pesakit bagi pembiayaan kos perubatan.
- Mengurangkan kos pembelian ubatan di pihak Hospital, Kesihatan Awam dan Kerajaan.
- Memendekkan masa tinggal di wad.
- Meningkatkan pengetahuan kepada kakitangan perubatan tentang Penjagaan luka mengikut ***Modern Dressing*** yang telah diperkenalkan termasuk ***Maggot Debridement Therapy*** ,**Vacum Therapy** dan sebagainya.
- Memberi perkhidmatan kaunseling penjagaan luka serta pemakanan yang seimbang kepada pesakit dan waris pesakit.

3.0 PERJAWATAN /SUMBER MANUSIA

JAWATAN	GRED	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Ketua Unit / Pakar Pembedahan Orthopedik	UD56	1	0
Pegawai Perubatan	UD54 UD 52	1 1	0 0
Penolong Pegawai Perubatan	U 36	1	
Jururawat Terlatih	U29/U32 (KUP)	3	0
Penolong Pegawai Perubatan	U29/U 32	2	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	U 11	1	0
Pembantu Tadbir	N 17	0	1

4.0 BEBAN TUGAS

JUMLAH PESAKIT YANG DIRAWAT	KES BARU DIRUJUK DARI WAD	KES DI KLINIK
1493	1151	342

5.0 AKTIVITI

5.1 Continuing Medical Education (CME)

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 4 sesi pembelajaran perubatan berterusan telah diadakan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan serta kemahiran kepada kakitangan unit serta kakitangan perubatan di seluruh Melaka khasnya di dalam penjagaan dan perawatan luka pesakit. Setiap sessi mendapat sambutan yang menggalakkan ,kehadiran pada setiap CME diantara 40 -50 orang paramedik dan pegawai perubatan.

5.2 Kursus

